

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : PENDUDUK MISKIN SELANGOR

1. Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar:
 - a) Apakah bilangan dan peratus penduduk Selangor yang miskin (pendapatan RM1500 ke bawah) mengikut kawasan Dun, pecahan gender & ras?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

**TAJUK : ELAUN, TUNTUTAN DAN BONUS AHLI-AHLI LEMBAGA SELANGOR
INDUSTRIAL CORPORATION SDN BHD (SIC)**

2. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:
- a) Senaraikan Ahli-ahli Lembaga SIC.
 - b) Berapakah elaun dan tuntutan bulanan setiap Ahli Lembaga SIC bagi tahun 2008 dan 2009?
 - c) Berapakah bonus, jika ada, yang diterima oleh setiap Ahli Lembaga SIC bagi tahun 2008 dan 2009?

JAWAPAN :

- a) Ahli Lembaga Pengarah SIC
 - i) Encik Othman Omar - Pengurus Besar
 - ii) Tn. Hj. Md. Nasir Md. Arshad - Timb. Peng. Besar (P&P)
 - iii) Encik Izharuddin Abd Rahman - Peng. Kanan Pengurusan Projek
 - iv) Pn. Norzila Sidek - Peng. Kanan Pembangunan Bisness

- b) Elaun Mesyuarat bagi Ahli Lembaga Pengarah SIC tahun 2008 & 2009

Perkara	2008	2009
Encik Othman Omar	-	4,000
Tn. Hj. Md. Nasir Md. Arshad	2,000	2,000
Encik Izharuddin Abd Rahman	2,000	2,000
Pn. Norzila Sidek	2,000	2,000

Nota :Elaun Mesyuarat adalah bagi tempoh 1 tahun

- c) Bonus Ahli Lembaga SIC adalah seperti berikut :

PERKARA	2008 (RM)	2009 (RM)
YURAN		
Pengurus	12,000.00	25,000.00
Pengarah	10,000.00	20,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB TUAN EDWARD LEE POH LIN
(BUKIT GASING)**

TAJUK : PROJEK-PROJEK BANGUNAN

3. Bertanya Kepada YAB. Dato Menteri Besar;
- a) Selangor telah menyatakan bahawa mereka akan meningkatkan diskaun Bumiputra bagi projek-projek bangunan dalam negeri dari tujuh (7) peratus ke sepuluh (10) peratus, apakah asas bagi peningkatan ini?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Y.B, hasil cadangan dan seterusnya perjumpaan di antara Persatuan Pemaju Perumahan dan Hartanah Malaysia (REHDA) Cawangan Selangor dengan Ahli Mesyuarat Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor pada 14 Oktober 2010 telah membincangkan keseluruhan aspek pembangunan industri perumahan di negeri Selangor. Beberapa cadangan REHDA yang dikemukakan untuk pertimbangan kerajaan negeri sedang dikaji dan diteliti oleh satu jawatankuasa yang dipersetujui oleh MTES. Kajian tersebut dibuat secara komprehensif dan mendalam dengan mengambil kira aspek kemampuan, pendapatan isirumah yang meliputi keseluruhan lapisan masyarakat. Jawatankuasa tersebut dipengerusikan oleh Y.B. Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (EXCO Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggalan) sebagai pengerusi, REHDA (ahli) dan LPHS sebagai urus setia. Antara perkara- perkara yang dibangkitkan meliputi diskaun Bumiputera, kaedah pelepasan kuota Bumiputera dan industri perumahan secara keseluruhan bagi memastikan setiap rakyat di negeri Selangor mampu memiliki kediaman yang selesa untuk diduduki.

Walaupun bagaimanapun, keputusan jawatankuasa selepas kajian mendalam dilaksanakan akan dibentangkan di dalam mesyuarat EXCO untuk kelulusan. Keputusan jawatankuasa yang dibentangkan kelak akan mengambil kira perkara berikut :

- i) Polisi kerajaan negeri bagi meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam industri perumahan, dan
- ii) Menggalakkan penambahan dan pemilikan hartanah Bumiputera dalam industri perumahan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK : ANAK SYARIKAT NEGERI (GLC)

4. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:
- a) Apakah peranan GLC dan strateginya dalam pembangunan ekonomi Negeri Selangor?
 - b) Adakah kerajaan mempunyai rancangan mengurangkan penglibatan GLC dalam sektor swasta?
 - c) Senaraikan ADN & Ahli Parlimen yang memegang jawatan dalam GLC dan emolumennya.

JAWAPAN :

- a) Secara khususnya penubuhan Tourism Selangor adalah penting bagi menjana perkembangan ekonomi negeri Selangor dengan tujuan untuk mempromosikan industri pelancongan Selangor. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri Selangor mempunyai satu agensi yang mempunyai tugas dan tanggungjawab yang khusus terhadap pembangunan bidang pelancongan.

Berikut adalah peranan utama dan matlamat penubuhan Tourism Selangor :

- 1) Merangsang ,mempromosi , menyediakan dan menyebarkan maklumat pelancongan serta memasarkan Selangor sebagai destinasi pelancongan bukan sahaja diperingkat kebangsaan dan antarabangsa
- 2) Memaksimumkan penggunaan prasarana pintu masuk utama untuk menarik pelancongan asing dan tempatan
- 3) Menambah jumlah kedatangan pelancong tempatan dan asing ke negeri Selangor
- 4) Memperkenalkan dan menaik taraf acara-acara pelancongan ke tahap kebangsaan dan antarabangsa
- 5) Memperkenalkan dan menawarkan produk / kraftangan Selangor dan lain-lain cenderahati
- 6) Mengadakan dan menjalankan kempen pengiklanan untuk mempromosikan Selangor sebagai sebuah destinasi pelancongan dengan menggunakan medium seperti media cetak dan media eletronik serta menerbitkan risalah , majalah ,buku panduan serta pela untuk panduan para pelancong.

- 7) Menyediakan laman web Tourism Selangor iaitu yang boleh dicapai www.tourismselangor.org
- 8) Mengambil bahagian dalam pameran promosi pelancongan di dalam dan diluar negara sama ada bersama Tourism Malaysia atau atas jemputan pihak penganjur.
- 9) Mengujudkan dan mengadakan kalender acara tahunan .
- 10) Menyediakan cenderahati serta mempromosikan produk kraftangan tempatan
- 11) Mengenal pasti produk – produk pelancongan di negeri Selangor dan berusaha bersama dengan produk operator bagi tujuan promosi .
- 12) Mengumpul data dan rekod statistik mengenai produk dan pelancong bagi tujuan penyelidikan.

- c) Senarai Adun dan Ahli Parlimen yang memegang jawatan dalam GLC dan emolumennya

<u>Pengarah @ ADN/Ahli Parlimen</u>	<u>Jawatan</u>	<u>Emolumen Tahunan</u>
YAB TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM	AHLI DEWAN NEGERI IJOK	RM 1,000.00 MEETING ELAUN RM 8,000 YURAN PENGARAH
YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING	AHLI DEWAN NEGERI BUKIT LANJAN	RM 500.00 MEETING ELAUN RM 5,000 YURAN PENGARAH
YB TUAN EDWARD LEE POH LIN	AHLI DEWAN NEGERI BUKIT GASING	RM 500.00 MEETING ELAUN RM 5,000 YURAN PENGARAH
YB GWO-BURNE LOH	AHLI PARLIMEN KELANA JAYA	RM 500.00 MEETING ELAUN RM 5,000 YURAN PENGARAH
YB HAJI KHASIM BIN ABDUL AZIZ	AHLI DEWAN NEGERI LEMBAH JAYA	RM 500.00 MEETING ELAUN RM 5,000 YURAN PENGARAH
YB DR. MOHD. NASIR BIN HASHIM	AHLI DEWAN NEGERI KOTA DAMANSARA	RM 500.00 MEETING ELAUN RM 5,000 YURAN PENGARAH

Yuran Ahli Lembaga diputuskan melalui mesyuarat Ahli Lembaga dan Pengarah sekali setahun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(SEMENYIH)**

**TAJUK : RUMAH IBADAT KAUM INDIA DI BANDAR TEKNOLOGI KAJANG,
SEMENYIH**

5. Sebuah rumah di No. 63, Jalan 3/10, Seksyen 3, Bandar Teknologi Kajang, Semenyih telah diubah suai oleh pemiliknya untuk dijadikan rumah ibadat kaum India sedangkan majoriti penduduk sekitarnya adalah orang Islam.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah akta yang berkaitan yang membenarkan premis kediaman dijadikan rumah ibadat satu-satu kaum?

- b) Apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan Negeri Selangor terhadap pemilik premis tersebut yang mengubah rumah kediamannya sebagai rumah ibadah?

JAWAPAN :

Tiada Akta yang membenarkan premis kediaman dijadikan rumah ibadat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR B. TOYO
(SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : PRESTASI KERAJAAN NEGERI

6. YAB Dato' Menteri Besar mendakwa pentadbiran Pakatan Rakyat lebih baik berbanding Barisan Nasional.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah asas-asas yang membenarkan dakwaan tersebut?
- b) Adakah kerajaan negeri melantik badan bebas untuk mengkaji prestasi kerajaan dari sudut ekonomi, sosial, pentadbiran dan sebagainya?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK: SELANGOR SHINES

7. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:
- a) Apakah perkembangan dan pencapaian Program Melawat Selangor tersebut?
 - b) Apakah program-program promosi telah dilaksanakan ?
 - c) Adakah program inap desa (*homestay*) mencapai perkembangan yang baik ?

JAWAPAN:

- a) "Selangor shines" bukanlah "Tahun Melawat Negeri Selangor" tetapi merupakan satu kempen yang menggalakkan lebih ramai pelancong ke negeri Selangor secara berterusan dan tidak ada jangka masa yang disasarkan seperti Tahun Melawat yang biasa dijalankan selama setahun.

Kempen Selangor Shine juga memainkan peranan utama bagi merangsang, mempromosi produk-produk pelancongan yang terdapat di negeri Selangor serta turut mengadakan acara-acara pelancongan di negeri Selangor. Melalui acara ini juga dapat menggalakkan pelancong dalam dan luar Negara berkunjung dan menginap lebih lama di Selangor.

- b) Berbagai acara serta program untuk mempromosikan Selangor Shines telah dijalankan antaranya dengan menyediakan billboard Selangor Shines di negeri-negeri lain seperti di Kuala Lumpur, Sabah, Sarawak, Pulau Langkawi, Melaka, Pulau Pinang dan negeri Johor serta tidak ketinggalan di Subang Sky Park Terminal Tiga serta di LCCT.

Selain daripada Tourism Selangor turut menyediakan pelbagai risalah dan majalah serta ada diantaranya diterjemahkan ke dalam beberapa bahasa utama lain untuk memberi maklumat kepada para pelancong antaranya :

- 1) Selangor Breakaway
- 2) Terbitan Selangor Vision
- 3) Selangor Explore 102e
- 4) Selangor Homestay
- 5) Selangor MICE
- 6) Selangor Directory
- 7) Peta Pelancongan
- 8) Selangor Golf
- 9) CD Selangor Breakaway
- 10) CD Mice
- 11) Risalah Pelancongan Daerah

Tourism Selangor juga sedang giat untuk menerbitkan beberapa terbitan lagi untuk memantapkan usaha promosi dan melancarkan lagi Kempen Selangor Shines.

Bagi memperluaskan promosi mengenai produk pelancongan serta acara di Selangor , Tourism Selangor turut menggunakan kaedah pengiklanan di dalam surat khabar serta majalah juga di dalam beberapa bahasa antaranya :

- 1) Majalah 3 Sixty Degree (Majalah Pesawat Air Asia)
- 2) Majalah Gaya Travel Nusantara
- 3) Majalah Libur
- 4) Majalah Travel Mate
- 5) Majalah Travelution
- 6) Akhbar Sinar Harian
- 7) Selangor Kini
- 8) Buletin Khas MBSA Sambutan 10 tahun Sebagai Bandaraya
- 9) Buku Cenderahati Sultan Selangor Cup
- 10) The Visitor
- 11) Amazing Malaysia

Tourism Selangor juga mendapat kerjasama daripada media cetak dan eletronik dengan memuat artikel serta berita mengenai produk Selangor .

Tourism Selangor juga turut mengadakan Selangor Shines Fam Tour 25 hingga 29 Jun 2010 dengan membawa wartawan media cetak dan penyiaran daripada Malaysia serta daripada luar negara seperti daripada Jepun , Filipina , Korea dan Indonesia . Para peserta dibawa untuk mengalami sendiri di produk-produk serta destinasi pelancongan menarik yang terdapat di negeri Selangor. Selain itu Tourism Selangor turut membawa peserta daripada Negara India yang mengadakan mesyuarat di negeri Sembilan (India SABMiller) dan membawa FAM TRIP MATTA Cawangan negeri Sabah untuk melawat produk-produk pelancongan negeri Selangor seperti i-City.

Selain daripada itu Tourism Selangor turut menubuhkan Skuad Selangor Shines. Skuad Selangor Shines ini adalah skuad bergerak menggunakan kenderaan khas yang beridentitikan 'Selangor Shines'. Skuad ini akan bergerak dan membawa maklumat berkaitan produk dan destinasi pelancongan di Selangor serta berbagai cenderahati untuk diberikan kepada orang ramai. Skuad ini telah mengadakan promosi di Daerah Hulu Selangor berikutan pelancaran produk baru iaitu 'tubing' di Sungai Selangor. Penjelajahan skuad ini turut ke beberapa buah negeri lain seperti Perak , Pulau Pinang , Kedah serta Perlis . Skuad Selangor Shines turut berada di beberapa acara seperti Sambutan Hari Maritim My Pelaut Peringkat Kebangsaan di Pelabuhan Klang baru-baru ini.

Tourism Selangor juga menyebarkan maklumat mengenai produk, acara dan kempen Selangor Shines melalui laman web Tourism Selangor www.tourismselangor.org serta di laman web Visitor dan 701 Panduan.

Tourism Selangor turut menganjurkan pelbagai acara bagi menarik lebih ramai pelancong ke negeri Selangor. Selain sebagai penganjur utama Tourism Selangor menjadi penganjur bersama . Antara acara tersebut ialah :

BIL	TARIKH	ACARA	TEMPAT
1.	9 Januari	Larian Bendang	Sabak Bernam
2.	15-17 Januari	MASUM (Matta International Umrah and Muslim Travel)	Shah Alam Convention Centre
3.	29-30 Januari	Fiesta Thaipusam	Batu Caves
4.	20 Februari	Sambutan Tahun Baru Cina Peringkat Selangor	Jenjarum
5.	27 Februari	Chap Goh Mei	i-City, Shah Alkam
6.	7 Mac	Sambutan 80 Tahun Kuala Kubu Bharu & Le Tour De Langkawi	Kuala Kubu Baru
7.	13-14 Mac	Selangor 8th "Nash Hash"	Royal Klang Club, Klang
8.	13-14 Mac	Karnival Sungai Klang	Pengkalan Batu, Klang
9.	13-14 Mac	Shah Alam Auto Show 2010	Perkarangan Stadium Shah Alam
10.	24 & 25 April	Selangor Mountain Bike Challenge	Kg Bukit Lagong, Sungai Buloh
11.	15 Mei	Selangor Shines Hunt 2010	Shah Alam - Sabak Bernam
12.	23 Mei	Selangor Shines Photo Hunt	Shah Alam & Kuala Langat
13.	24 – 26 Jun	Kejohanan Bot Laju Kawalan Jauh (PDB)	Tasik Kelana Jaya, Kelana Jaya
14.	26 Jun -11 Julai	Pesta Bola Piala Dunia Selangor	Padang Timur, PJ
15.	26 Jun -18 Julai	Musical Extravaganza 2010	Petaling Jaya, Subang Jaya & Shah Alam
16.	17 Julai	Festival Bon Odori 2010	Stadium Matshushita, Shah Alam
17.	27 Julai - 7 Ogos	International Symposium Firefly	FRIM

18.	31 Julai & 1Ogos	Pertandingan Jet-Ski Selangor	Tasik Biru, Kundang
19.	5 - 7 Ogos	Worldwide Holdings Selangor Masters (GOLF)	Kelab Golf Sri Selangor, Petaling Jaya
20.	7 - 8 Ogos	Perayaan Hari Orang Asal Sedunia Peringkat Nasional	Sepang Goldcoast
21.	21-23 Ogos	Let's Travel Treasure Hunt On Wheel	Shah Alam - Taiping
22.	23-28 September	My Selangor Story Competition 2010	Sekitar Selangor
23.	10 Oktober	Selangor Shines Extreme Challenge 2010	Shah Alam
24.	23-24 Oktober	Pesta Sayap 2010	Taman Alam, Kuala Selangor

- b) Tourism Selangor giat menjalankan aktiviti promosi di dalam dan luar Negara seperti yang dijadualkan di bawah:-

Siri promosi di dalam Negara

Bil	Siri promosi	Tarikh
1	MASUM	15 -17 Jan 2010
2	KARNIVAL WOW PUTRAJAYA	20 – 21 FEB 2010
3	ROAD TO CHALLENGER 1 (MUAY THAI COTENDER ASIA)	21 MAR 2010
4	TRADITIONAL WELCOME TROUPE FOR QUEEN VICTORIA	25 MAR 2010
5	KARNIVAL KLANG, PULAU INDAH	10 – 11 APR 2010
6	VASAKHI FESTIVAL	15 MEI 2010
7	MATTA SABAH FAM TOUR TO SELANGOR	20 – 23 MEI 2010
8	ROYAL CLASSIC CAR RALLY	21 – 23 MEI 2010
9	HARI BERTEMU PELANGGAN, PKNS BANGI	25 – 26 MEI 2010
10	ECO GREEN WEEK 2010 (BECOME)	2 – 6 JUN 2010
11	KARNIVAL LARIAN 10KM MPSJ – NST 2010	12 – 13 JUN 2010

12	SIMPOSIUM SEMPENA TAMAN TASIK SHAH ALAM KALI PERTAMA (1)	17 – 20 JUN 2010 17 – 20 JUN 2010
13	SELANGOR SHINES FAM TOUR 2010	25 – 29 JUN 2010
14	KARNIVAL NASYID, STADIUM MELAWATI	8 – 11 JUL 2010
15	PADANG TIMUR, SME	10 – 11 JUL 2010
16	MALAYSIAN LAW CONVENTION	29 – 31 JUL 2010
17	SIMPOSIUM KELIP-KELIP	2 – 5 OGOS 2010
18	SAMBUTAN KEMERDEKAAN DAN PENGHAYATAN RAMADHAN. I-CITY	30 OGOS 2010
19	KARNIVAL MARITIM SEDUNIA PERINGKAT KEBANGSAAN, PLBHN KLANG	17 – 18 OKT 2010
20	KARNIVAL MARITIM SEDUNIA, TRESURE HUNT, PLBHN KLANG	22-23 OKT 2010
21	PESTA SAYAP (KUALA SELANGOR)	23-24 OKT 2010

Siri Promosi di luar Negara

Bil	Siri Promosi	Tarikh
1	Asean Tourism Forum, Brunei Pasaran Asia / Dunia	26 – 28 Jan
2.	Sales Mission South Asia, India Pasaran Baru	18 – 21 Feb
3.	Asia Pacific Incentive And Meeting, Australia Khusus MICE sahaja	2 - 3 Mac
4.	Discover World, Thailand Pasaran Thailand / Dunia	11 – 13 Mac
5.	Malaysia International Travel Tourism, Rusia Pasaran baru	18 – 21 Mac
6.	Indonesia Travel And Holiday Pasaran Indonesia / Asia	April
7.	Arabian Travel Mart, UAE Pasaran Timur Tengah	5 – 8 Mei
8	Fascinating Malaysia, Singapore Pasaran Singapura	13 – 15 Mei
9.	PATA, Macau Anggota PATA / Asia Pasifik/ China	14 – 17 Sept
10.	International Travel Expo, Vietnam Asia Tenggara	23 – 25 Sept
11.	JATA, Japan Pasaran Jepun	24 – 26 Sept

12.	Bonorata Malaysia, Filipina Pasaran Filipina / Asia Tenggara	31 Okt – 3 Nov
13.	World Travel Mart, UK Pasaran Eropah / UK / Dunia	9 – 12 Nov

c) Program inap desa (*homestay*) mencapai perkembangan yang baik seperti mana berikut:-

TAHUN	JUMLAH PELANCONG ASING	JUMLAH PELANCONG TEMPATAN	JUMLAH PENDAPATAN (RM)
2008	7,301	10,342	917,440
2009	4,697	23,367	1,495,711
2010 (Jan – Julai)	2,106	12,078	734,466
JUMLAH	14,104	45,787	3,147,617

Persatuan homestay Negeri Selangor dan Tourism Selangor sentiasa bekerjasama mempromosikan homestay agar kedatangan pelancong ke Homestay sentiasa dikunjungi dan bertambah. Usaha-usaha ini dapat dijalankan dengan pelbagai usaha seperti cetakan risalah-risalah, brosur-brosur, majalah dan papan tanda tunjuk arah oleh pihak UPEN (Unit Perancang Ekonomi Negeri)

Perangkaan jumlah pelancong mengikut negara asal yang menikmati program ini sejak tahun 2008 serta hasil pendapatan daripada program ini kepada negeri Selangor adalah seperti berikut :-

TAHUN	JUMLAH PELANCONG ASING	NEGARA ASAL	JUMLAH PELANCONG TEMPATAN	JUMLAH PENDAPATAN (RM)
2008	7,301	Singapura, Jepun, Australia, Indonesia, Korea	10,342	917,440
2009	4,697	Australia, China, Korea, Singapura, Indonesia, Jepun, Chile, Sudan, Mongolia, Sri Lanka, Malawi, Mozambique, Paraguay, Syria, Oman, Vietnam, Iran, Rusia dan Filipina	23,367	1,495,711
2010 (Jan – Julai)	2,106	Jepun, Korea, Brunei, Arab Saudi, Afrika, Hong Kong, Indonesia, Jerman, Belanda, Itali, Kanada, Bangladesh, Australia dan USA	12,078	734,466
JUMLAH	14,104		45,787	3,147,617

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : GEJALA SOSIAL

8. Kegiatan gejala sosial menyumbangkan peningkatan kadar jenayah terutama melibatkan remaja di Negeri Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Senaraikan jumlah kes-kes yang terlibat dengan gejala sosial dari tahun 2008 hingga Sept 2010 mengikut bangsa di Selangor.
- b) Senaraikan punca-punca utama yang menyebabkan remaja rakyat Selangor terjerumus dalam kes gejala sosial.
- c) Apakah langkah-langkah yang perlu di ambil untuk membendung dan mengurangkan kes-kes ini ?

JAWAPAN :

a) STATISTIK KE-KES 2008

Jenis Kesalahan	Jumlah kes	Jumlah kes mengikut pecahan bangsa						
		Melayu & cina	Melayu & India	Cina & India	Melayu & Melayu	Cina & Cina	India & India	Lain-lain bangsa
147/384 KK (Merusuh tanpa senjata/ pemerasan)								
384 KK (Pemerasan)	2							
147 KK (Merusuh tanpa senjata)	35	3	15	1	9	4	3	
148 KK (Merusuh dengan senjata)	28	3	14	1	4	1	5	
324 KK (Mendatangkan cedera)	23	3	6	4	5	2	3	
325 KK (Mendatangkan cedera)	7	1	3		3			

323 KK (Mendatangkan cedera ringan)	27	2	5	2	9	2	7	
384/323 KK (Pemerasan / mendatangkan cedera ringan)	1			1				
506 KK (ugutan jenayah)	4		1		1		2	
506/384 KK (Ugutan Jenayah/ pemerasan)								
385 KK (Pemerasan)	10	1	2	1	3	1	2	
323/506 KK (Mendatangkan cedera ringan ugutan jenayah)	5		1		1		3	
324/ 506 KK (Mendatangkan cedera/ ugutan jenayah)	1						1	
Jumlah	143	13	47	10	37	10	26	

STATISTIK KE-KES 2009

Jenis Kesalahan	Jumlah kes	Jumlah kes mengikut pecahan bangsa						
		Melayu & cina	Melayu & India	Cina & India	Melayu & Melayu	Cina & Cina	India & India	Lain-lain bangsa
147/384 KK (Merusuh tanpa senjata/ pemerasan)	1	1						
384 KK (Pemerasan)	2				1		1	
147 KK (Merusuh tanpa senjata)	33	7	12	3	6	2	3	
148 KK (Merusuh dengan senjata)	20	2	7	1	3	3	3	
324 KK (Mendatangkan cedera)	26	1	12	2	7		4	
325 KK (Mendatangkan cedera)	5	1	1		2		1	
323 KK (Mendatangkan cedera ringan)	7		1	2	3		1	
384/323 KK (Pemerasan / mendatangkan cedera ringan)								
506 KK (ugutan jenayah)	6		2		2		2	
506/384 KK (Ugutan Jenayah/ pemerasan)	1					1		

Jenis Kesalahan	Jumlah kes	Jumlah kes mengikut pecahan bangsa						
		Melayu & cina	Melayu & India	Cina & India	Melayu & Melayu	Cina & Cina	India & India	Lain-lain bangsa
385 KK (Pemerasan)	2				1		1	
323/506 KK (Mendatangkan cedera ringan ugutan jenayah)	9		1	1	5		2	
324/ 506 KK (Mendatangkan cedera/ ugutan jenayah)	2						2	
Jumlah	114	12	36	9	30	6	20	

STATISTIK KE-KES JAN HINGGA OGOS 2010

Jenis Kesalahan	Jumlah kes	Jumlah kes mengikut pecahan bangsa						
		Melayu & cina	Melayu & India	Cina & India	Melayu & Melayu	Cina & Cina	India & India	Lain-lain bangsa
147/384 KK (Merusuh tanpa senjata/ pemerasan)								
384 KK (Pemerasan)	3				1	2		
147 KK (Merusuh tanpa senjata)	28	1	12		10	3	2	
148 KK (Merusuh dengan senjata)	15	3	5		4		3	
324 KK (Mendatangkan cedera)	11	2	4		3		2	
325 KK (Mendatangkan cedera)	4			1	3			

323 KK (Mendatangkan cedera ringan)	1				1			
384/323 KK (Pemerasan / mendatangkan cedera ringan)								
506 KK (ugutan jenayah)	1				1			
506/384 KK (Ugutan Jenayah/ pemerasan)								
385 KK (Pemerasan)	1						1	
323/506 KK (Mendatangkan cedera ringan ugutan jenayah)	2	1				1		
324/ 506 KK (Mendatangkan cedera/ ugutan jenayah)								
Jumlah	66	6	21	1	23	6	8	

b)

- i) Kurangkannya pendidikan agama yang diterapkan di dalam diri seseorang remaja.
- ii) Kelemahan institusi keluarga di mana ibu / bapa /penjaga yang memementingkan pekerjaan daripada meluangkan masa bersama keluarga.
- iii) '*Self Estem*' yang rendah di dalam diri menyebabkan remaja lebih mudah terpengaruh kepada persekitaran sekeliling.
- iv) Ingin mendapatkan pengiktirafan daripada rakan sebaya dengan melibatkan diri dalam kumpulan / geng-geng yang tidak bermoral.
- v) Mengambil jalan mudah untuk mendapatkan kesenangan dan kemewahan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : PROJEK PEMBERSIHAN SUNGAI KLANG

9. Bertanya Kepada YAB. Dato Menteri Besar;
- a) Sila nyatakan apakah perkembangan terkini Perancangan Projek Pembersihan Sungai Klang ?
 - b) Sila nyatakan nama syarikat swasta yang telah dipilih untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan Sungai Klang dan bagaimanakah latar belakang syarikat tersebut ?
 - c) Sila kemukakan anggaran awal jumlah kos kerja-kerja pembersihan Sungai Klang dan nyatakan apakah implikasi jangka pendek dan jangka panjang terhadap perkembangan ekonomi Negeri Selangor ?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor telah mengenal pasti beberapa projek perniagaan/pembangunan yang akan digunakan untuk membiayai Projek Pemuliharaan dan Pembangunan Sungai Klang. Hasil yang diperolehi daripada projek-projek ini dalam bentuk premium tanah, perkongsian untung, sumbangan dan sebagainya akan digunakan untuk membiayai Projek Sungai Klang. Beberapa projek pembangunan telah disenaraikan untuk menjadi sebahagian daripada skim ini. Projek-projek tersebut ialah:-
 - 1) Projek Pembangunan Taman Keramat AU2 seluas lebih kurang 4 ekar yang di tender kepada umum pada 1 November 2010 – Dijangka memberi pulangan tunai dan bukan tunai sebanyak RM 20 juta untuk Projek Sungai Klang.
 - 2) Projek Pembangunan di kawasan Sungai Sering seluas lebih kurang 75 ekar yang telah di tender pada Julai 2010 tetapi akan di tender semula untuk mendapatkan pulangan lebih baik – Dijangka memberi pulangan tunai dan bukan tunai sebanyak RM 150 juta ke atas untuk kerajaan negeri dan Projek Sungai Klang.
 - 3) Projek Pembangunan di Seksyen 24, Shah Alam; masih di peringkat kerja-kerja awal – Dijangka memberi pulangan tunai dan bukan tunai sebanyak RM 30 juta ke atas untuk Projek Sungai Klang.
 - 4) Projek Khas di I-City, Seksyen 7 Shah Alam; masih di peringkat kerja-kerja awal – Dijangka akan memberi impak besar kepada kebersihan Sungai Rasau yang mengalir ke Sungai Klang

Projek-projek lain sedang dalam proses dikenal pasti. Kerajaan akan mengamalkan sistem tender terbuka terutamanya untuk projek-projek pembangunan bagi memastikan ketelusan.

Hasil-hasil yang diperoleh daripada projek-projek di atas akan diagihkan untuk kerja-kerja fizikal Projek Sungai Klang. Dijangkakan hasil daripada projek pertama di atas akan diperoleh pada Mac 2011 dan kerja-kerja fizikal akan dilaksanakan pada masa tersebut.

- b) Syarikat-syarikat yang terlibat pada awalnya adalah TSS-MAKO Sdn. Bhd, GJA Engineering Sdn. Bhd., dan konsortium Wessex Water-I Bhd. Sdn. Bhd. Tiga syarikat ini telah dipilih daripada 13 yang menghantar *business proposal* kepada Kerajaan Negeri Selangor.
- c) ***Anggaran awal jumlah kos kerja-kerja pembersihan Sungai Klang adalah sebanyak RM4 bilion yang sebahagiannya adalah termasuk di dalam program Greater KL/KV di bawah Kerajaan Persekutuan.***

Projek Sungai Klang yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri mengguna pakai konsep Public/Private Partnership (PPP) dan *Private Funding Initiative* (PFI). Di dalam konteks Kerajaan Negeri, projek-projek perniagaan atau pembangunan akan dilaksanakan terlebih dahulu untuk mendapatkan pulangan tunai dan bukan tunai untuk membiayai projek tersebut.

Sumbangan jangka pendek dan jangka panjang projek tersebut kepada perkembangan ekonomi negeri adalah dari segi:-

- 1) Menambahkan pelaburan swasta di dalam projek-projek spesifik untuk pemuliharaan Sungai Klang atau projek-projek yang akan digunakan untuk membiayai Projek Sungai Klang.
- 2) *'Multiplier effect'* daripada pelaburan-pelaburan yang terbabit.
- 3) Menambahkan peluang pekerjaan terutamanya di dalam sektor perkhidmatan dan pembinaan.
- 4) Mewujudkan persekitaran yang lebih bersih dan indah di sepanjang Sungai Klang dan meningkatkan nilai hartanah dan potensi pelancongan.
- 5) Menyelesaikan masalah-masalah pencerobohan tanah kerajaan, setingan, kilang-kilang haram dan masalah setempat yang membantutkan pembangunan dan kelancaran ekonomi terutamanya yang berkaitan dengan Projek Sungai Klang ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : RUMAH KOS RENDAH

10. kini harga rumah kos rendah semakin meningkat di Selangor berikutan harga tanah yang tinggi.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah kerajaan untuk memastikan rumah kos rendah kekal pada RM42000 dan tidak melambung naik sepertimana harga rumah kos rendah sederhana dan tinggi?

JAWAPAN :

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Selangor masih lagi mengekalkan harga jualan bagi Rumah Kos Rendah adalah tidak melebihi RM42,000.00 seunit. Antara langkah pengawalan yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan harga jualan Rumah Kos Rendah kekal dijual pada harga yang ditetapkan, adalah dengan menjadikan ia sebagai harga kawalan yang dinyatakan terus dalam surat kelulusan sama ada kelulusan tukar syarat tanah, atau pemberimilikan tanah atau pecah sempadan atau permohonan secara serentak. Oleh itu, sebarang pindaan penyediaan dan harga jualan perlu di bawa ke pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri dan tidak boleh sewenang-wenangnya dinaikkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : KUPON AIR DI PANGSAPURI KOS RENDAH

11. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:
- a) Meminta kerajaan memberi penerangan tentang pelaksanaan kupon air untuk pangsapuri kos rendah Sri Tanjung di USJ16?
 - b) Meminta penerangan bagaimana RM24.5 juta yang diperuntukkan setahun dibawah program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) membabitkan 620 pemaju pangsapuri kos rendah di negeri ini dapat dilaksanakan.

JAWAPAN :

- a) Mekanisme pelaksanaan pemberian kupon air bagi Pangsapuri Sri Tanjung adalah seperti berikut:
 - i- Badan Pengurusan Bersama (JMB) membuat bacaan bil meter air mengikut kegunaan setiap petak (rumah) bagi bulan semasa.
 - ii- JMB mengeluarkan bil air dan kupon kepada semua rumah. Tuntutan rebet kupon adalah berdasarkan penggunaan air sebenar bagi setiap rumah pada had maksimum RM11.40.
 - iii- Pembeli akan mengemukakan kupon beserta bayaran baki bil air bulan semasa (sekiranya bil air melebihi RM11.40) kepada JMB selewat-lewatnya pada 20 haribulan bagi bulan semasa.
 - iv- JMB mengemukakan kupon-kupon air yang dituntut pembeli beserta bayaran baki bil air meter pukal setelah ditolak jumlah tuntutan bil air yang mendapat rebet kupon.
 - v- SYABAS membuat tuntutan rebet kupon kepada Kerajaan Negeri.
- b) Setelah projek perintis program pemberian kupon air percuma kepada pangsapuri kos rendah yang menggunakan meter air pukal dilaksanakan di Pangsapuri Sri Tanjung bermula bagi bil air bulan Jun 2010 berjaya, Kerajaan Negeri telah mengenalpasti sejumlah 69 skim pangsapuri kos rendah melibatkan 23,093 pembeli bagi pelaksanaan fasa pertama pemberian air percuma ini. Skim pangsapuri kos rendah yang dipilih adalah berdasarkan keutamaan kepada pangsapuri-pangsapuri kos rendah yang mempunyai Badan Pengurusan Bersama (JMB) yang aktif atau berpotensi. Kriteria ini ditetapkan kerana Kerajaan Negeri telah mempertanggungjawabkan JMB/MC untuk menguruskan pengedaran dan pengutipan kupon kepada pembeli-pembeli. Oleh itu, dengan adanya JMB/MC yang aktif dipercayai dapat membantu Kerajaan Negeri dalam memastikan program pemberian air percuma melalui sistem kupon dapat dilaksanakan dengan teratur.

Fasa pertama program pemberian air percuma pangsapuri kos rendah yang menggunakan meter air pukal akan dilaksanakan bagi bil air bulan Oktober 2010.

Seterusnya, Kerajaan Negeri sedang mempergiatkan usaha untuk mengumpulkan maklumat skim pangsapuri-pangsapuri kos rendah yang menggunakan meter air pukal bagi pelaksanaan fasa kedua pemberian air percuma bagi tahun hadapan. Oleh demikian, satu kempen pendaftaran terbuka akan dibuat di semua kaunter-kaunter pejabat unit Pesuruhjaya Bangunan di semua kawasan pihak berkuasa tempatan. Melalui kempen pendaftaran terbuka tersebut, semua pemaju, badan pengurusan bersama, perbadanan pengurusan atau mana-mana pihak yang sah yang mewakili skim kawasan pemajuan pangsapuri terbabit boleh membuat pendaftaran bagi menyertai program pemberian air percuma ini.

Kerajaan Negeri juga telah mewajibkan semua kawasan pemajuan strata untuk membuat migrasi meter air pukal kepada migrasi meter air individu supaya pemberian air percuma dapat dilaksanakan secara automatik. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Pesuruhjaya Bangunan di semua kawasan pihak berkuasa tempatan negeri Selangor dan SYABAS telah menganjurkan program turun padang ke kawasan-kawasan pemajuan strata yang masih menggunakan meter air pukal untuk memberi taklimat mengenai pelaksanaan program migrasi tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK: PEMERDAGANGAN MANUSIA

12. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan indeks pemerdagangan manusia Selangor dan statistik kes tersebut?
- b) Adakah kewujudan pusat-pusat hiburan haram menyumbang kepada jenayah ini ?

JAWAPAN:

a)

DAERAH / TAHUN	09	10	+/-	%
PETALING JAYA	1	3	2	200
SUBANG JAYA	2	4	2	100
KLANG	5	2	-3	-60
AMPANG JAYA	3	2	-1	-33
KAJANG		3	3	100
GOMBAK		3	3	100
SHAH ALAM	1	1	0	0
HULU SELANGOR			0	
KUALA SELANGOR			0	
KUALA LANGAT		2	2	100
SABAK BERNAM		2	2	100
SEPANG		4	4	100
JUMLAH	12	26	14	117

- b) Dengan wujudnya pusat-pusat hiburan tidak berlesen ini telah mengundang kemasukan wanita warganegara asing untuk memenuhi keperluan di mana kebanyakan daripada mereka ini mempunyai pasport yang sah untuk bekerja di premis tersebut.

Sebanyak 2 kes pada tahun ini telah disiasat oleh pihak polis yang menjurus kepada Akta Pemerdagangan Orang 2007 di mana tangkapan telah dilakukan di pusat hiburan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : BANTUAN KEPADA GENERASI MUDA

13. Ramai generasi muda yang ingin berniaga selepas menamatkan pengajian mereka. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah langkah-langkah yang diambil Kerajaan Negeri bagi membantu generasi muda tersebut yang ingin mula berniaga selepas mereka menamatkan pengajian mereka selain dari memberikan latihan asas serta pinjaman perniagaan?
- b) Berapa lamakah bantuan tersebut disalurkan kepada mereka?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dengan para graduan lepasan IPTA/IPTS dalam mencari peluang kerjaya. Sehubungan dengan itu, pelbagai inisiatif dilakukan dalam membangunkan kerjaya para lepasan graduan ini terutamanya dalam bidang keusahawanan. Sehingga kini terdapat dua (2) jenis bantuan peralatan yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri iaitu bantuan Blueprint di bawah Jawatankuasa Tetap Kemiskinan dan bantuan perniagaan oleh Jawatankuasa Tetap Usahawan. Bagi bantuan Blueprint di bawah Jawatankuasa Tetap Kemiskinan, syarat-syarat permohonan adalah mereka yang mempunyai pendapatan isi rumah di bawah RM1,500.00 sebulan dan perlu mempunyai asas perniagaan. Manakala bagi bantuan perniagaan di bawah Jawatankuasa Tetap Usahawan, perniagaan mestilah beroperasi sekurang-kurangnya dua (2) tahun dan tidak melebihi RM5,000.00 bagi pendapatan perniagaan sebulan.

Walaupun begitu, Kerajaan Negeri telah memulakan Pinjaman Mikro Kredit iaitu Yayasan Dar Al Qard Al Hassan Selangor di bawah Y.B Dato' Hj Hassan Bin Mohamed Ali. Pinjaman ini dibuka kepada yang sedang dan ingin memulakan perniagaan di Selangor yang mana pinjamannya adalah sehingga RM20,000.00. Sebanyak RM 70 juta telah diperuntukkan bagi tabung Yayasan Dar Al Qard Al Hassan Selangor ini.

Oleh yang demikian, para graduan adalah disarankan untuk memohon pinjaman di bawah tabung ini.

- b) Bagi permohonan Blueprint di bawah Jawatankuasa Tetap Kemiskinan yang lulus, bantuan tersebut akan disalurkan dalam masa 4 bulan dari tarikh permohonan . Manakala bagi bantuan di bawah Jawatankuasa Tetap Usahawan, penyaluran bantuan ini disalurkan pada setahun sekali.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR B. TOYO
(SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : PENASIHAT EKONOMI NEGERI SELANGOR

14. YAB Menteri Besar mengumumkan pelantikan Datuk Seri Anwar bin Ibrahim sebagai Penasihat Ekonomi Negeri dengan bayaran RM 1.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah Datuk Seri Anwar menerima imbuhan lain seperti perbelanjaan ke luar negara dan sebarang elaun?
- b) Jika ada, apakah perincian aktiviti dan jumlah pembiayaan yang telah dibuat oleh beliau dan kakitangannya sejak pelantikan beliau sehingga 30 September 2010?
- c) Berapa ramaikah kakitangan Pejabat Penasihat Ekonomi Negeri Selangor dan berapakah kos gaji dan pengurusan pejabat tersebut setiap bulan?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK : MASALAH TIKUS DAN LIPAS

15. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:
- a) Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menangani masalah tikus dan lipas yang semakin serius?
 - b) Adakah satu bajet khas akan diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri untuk menangani masalah ini memandangkan PBT sentiasa memberi alasan tidak mempunyai bajet?
 - c) Sila senaraikan kes-kes kematian di Selangor sejak 2008 yang diakibatkan oleh tikus dan lipas.

JAWAPAN :

- a) Permasalahan tikus dan lipas adalah perkara yang kerap berlaku di kawasan kependudukan berkepadatan tinggi yang mengalami proses urbanisasi terutama di kawasan bandar. Ia juga dikaitkan dengan keadaan persekitaran terutama di kawasan penduduk yang tidak dijaga secara sempurna kebersihannya dengan pembuangan sampah dan sisa makanan yang tidak teratur dan kawasan pembuangan sampah yang terbiar tanpa penyelenggaraan yang sempurna. Bagi menangani permasalahan ini, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan akan melaksanakan langkah-langkah seperti berikut:
 - i. Menjalankan pemeriksaan terutamanya di premis makanan dan restoran bagi memastikan premis-premis ini bersih, bebas dari sebarang rodensia serta
 - ii. mendapatkan khidmat '*pest control operator*' yang berlesen dengan Lembaga Racun Makhluk Perosak.
 - iii. Menjalankan kerja pemasangan umpan racun tikus di kawasan yang bermasalah terutamanya tapak pasar pagi dan pasar malam dan juga kawasan yang terdapat aduan awam berkaitan masalah tikus.
 - iv. Mengenal pasti tempat pembiakan tikus dan lipas dan menggunakan racun pembunuh tikus dan lipas yang bersesuaian.
 - v. Meningkatkan penglibatan masyarakat melalui Jawatankuasa Penduduk, Persatuan Peniaga dan penduduk setempat dengan menjalankan aktiviti gotong royong membersihkan kawasan.
 - vi. Menjalankan kerja-kerja pemasangan umpan racun di kawasan yang dijalankan gotong-royong anti denggi.
 - vii. Meningkatkan pendidikan kesihatan antaranya dengan mengedarkan risalah dan ceramah.
 - viii. Memastikan sampah diangkut mengikut jadual.

- ix. Melaksanakan beberapa tindakan pencegahan seperti meracun, meletakkan perangkap atau gam, menutup lubang-lubang laluan tikus dan pembersihan longkang-longkang dari sisa-sisa makanan.
 - x. Mengadakan program menangkap tikus dan lipas bersama Jawatankuasa Penduduk dan Komuniti dengan memberikan bayaran.
- b) Buat masa ini, Kerajaan Negeri belum bercadang untuk memberikan peruntukan khas bagi menangani masalah tikus dan lipas.
- c) Setakat ini kerajaan negeri tidak menerima sebarang maklumat yang melibatkan kematian berhubung masalah tikus dan lipas. Walau bagaimanapun terdapat beberapa kes keracunan yang melibatkan tikus di beberapa buah chalet di dalam daerah Hulu Langat. Bagi menangani kes keracunan tersebut, satu '*task force*' telah ditubuhkan yang melibatkan semua pengusaha chalet, Pejabat Tanah Daerah dan Pejabat Kesihatan Daerah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA KAWASAN
(TERATAI)**

**TAJUK: PADANG FUTSAL DAN MEDAN SELERA DI SEBELAH PANDAN PERDANA
LOW COST FLAT KAWASAN TERATAI, MAJLIS PERBANDARAN AMPANG
JAYA.**

16. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Apakah status tanah tersebut.
 - b) Dengan sepucuk surat tawaran dari MPAJ, adakah operator itu berhak untuk membangunkan kawasan tersebut dan dalam apakah keadaan kerajaan boleh ambil alih tempat tersebut. Sila jelas dari segi undang-undang.
 - c) Sila kemukakan semua kontrak-kontrak dan dokumen berkenaan.

JAWAPAN:

- a) Status tanah tersebut merangkumi
 - i) Rezab loji rawatan kumbahan (0.61ekar)
 - ii) Rezab kawasan lapang (1.72ekar)
 - iii) Rezab gerai (0.21ekar)

Lesen menduduki sementara telah diperolehi oleh MPAJ pada 24/04/2008 bagi tahun 2008 dan 2009
- b) Tiada perjanjian di antara pihak MPAJ dan pemaju.
- c) Surat tawaran pada 30/03/2004.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)**

TAJUK : ISU KEMISKINAN

17. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :
- a) Berikan secara dgn terperinci, statistik mengenai rakyat miskin di negeri Selangor?
 - b) Apakah masalah yang timbul akibat kemiskinan ini?
 - c) Apakah langkah-langkah jangka masa pendek dan panjang yang dilaksanakan Kerajaan Negeri bagi membantu mereka?

JAWAPAN:

- a) Jumlah kemiskinan mengikut pecahan daerah bagi tahun 2010 adalah seperti berikut:-

Bil	Daerah	Jumlah miskin
1.	Klang	2631
2.	Petaling	6220
3.	Hulu Langat	10,889
4.	Kuala Langat	2917
5.	Gombak	1672
6.	Sepang	2264
7.	Hulu Selangor	6690
8.	Kuala Selangor	5695
9.	Sabak Bernam	5275
	JUMLAH KESELURUHAN	44253

Sumber: UPEN/Pejabat Daerah

Data kemiskinan adalah sangat dinamik. Banyak faktor yang boleh menjadi penyebab kepada kemiskinan. Penghijrahan, kematian ketua keluarga, keadaan ekonomi semasa, kehilangan pekerjaan, sikap dan mentaliti individu dan pelbagai faktor lain boleh menjadi penyumbang kepada insiden kemiskinan. Data juga akan berubah apabila garis kemiskinan diubah. Kerajaan Negeri melalui Pejabat Daerah dan aganasi-agensi pelaksanaan akan sentiasa memastikan maklumat tersebut dapat diperkemaskan dari semasa ke semasa.

- b) Kemiskinan boleh meninggalkan kesan negatif kepada individu, masyarakat dan negara. Masalah yang timbul akibat kemiskinan boleh menyebabkan banyak keperluan asasi individu dan keluarga tidak dapat dipenuhi. Keperluan asas seperti makanan, tempat tinggal, pendidikan dan kesihatan akan terabai. Selain itu kemiskinan boleh memberi kesan dan impak kepada pembangunan sosial masyarakat dimana ia boleh mengakibatkan indeks jenayah dan masalah sosial meningkat serta mengancam kesejahteraan rakyat.

c) Strategi Pembasmian Kemiskinan Negeri Selangor adalah seperti berikut:-

i) Meningkatkan pendapatan melalui program keusahawanan

Kerajaan Negeri telah mewujudkan beberapa program seperti Program Mikrokredit, program bantuan peralatan “blueprint”, kursus-kursus keusahawanan dan program-program peningkatan kemahiran. Program-program tersebut dilaksanakan dengan objektif untuk membantu golongan miskin dan berpendapatan rendah berdagang dan meningkatkan pendapatan melalui pelbagai aktiviti keusahawanan.

ii) Membangunkan modal insan melalui pendidikan

Kerajaan Negeri memberi fokus kepada pembangunan modal insan anak-anak golongan miskin yang tercidir daripada melanjutkan pelajaran. Program Kemahiran Teknikal dan Tabung Pendidikan Anak Pekerja Ladang dilaksanakan dengan kerjasama Kolej Antarabangsa INPENS ini berjaya menempatkan anak-anak golongan miskin dan berpendapatan rendah untuk meneruskan pelajaran di dalam bidang kemahiran teknikal peringkat sijil. Kursus-kursus yang ditawarkan adalah seperti Mekanik Kenderaan Motor, Juruteknik Elektrik, Pembuat Pakaian Wanita, Jurukecantikan, Mekanik Penyejukbekuan dan Penyaman Udara serta pelbagai kursus kemahiran lain.

Kerajaan Negeri juga turut menaiktaraf kemudahan di Kolej Antarabangsa INPENS dengan menyediakan peruntukan sebanyak RM5 juta bagi pembinaan asrama yang akan dapat menempatkan seramai 500 orang pelajar. Pengambilan pelajar yang bertambah akan dapat melahirkan lebih ramai tenaga mahir dan dapat membantu lebih ramai anak-anak keluarga miskin menerima pendidikan teknikal dan vokasional.

iii) Menyediakan kemudahan infrastruktur asas keluarga miskin

Pada masa ini Kerajaan Negeri melaksanakan Program Rumah Kerajaan Prihatin dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) kepada keluarga miskin dan berpendapatan rendah. Program-program ini akan diteruskan bagi memastikan keluarga miskin dan berpendapatan rendah mendapat kemudahan asas yang diperlukan seperti rumah serta menerima akses kepada kemudahan bekalan elektrik dan air bersih.

iv) Meningkatkan kualiti kesihatan keluarga miskin

Program Bantuan Kesihatan juga telah diwujudkan. Tiga (3) jenis rawatan yang diberi bantuan adalah rawatan katarak mata, dialisis buah pinggang dan pembedahan kecil. Program bantuan kesihatan ini dapat mengurangkan beban golongan miskin dan berpendapatan rendah untuk mendapatkan pembiayaan bagi menampung kos rawatan yang semakin meningkat. Kerajaan Negeri membiayai kos rawatan bagi katarak mata sebanyak RM1,200 (one-off), rawatan dialisis buah pinggang sebanyak RM2,000 seorang (One-off) dan pembedahan kecil tidak melebihi RM5,000 seorang pesakit.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : PERUNTUKAN

18. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :
- a) Berapakah peruntukan yang di belanjakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor kepada penerima-penerima bantuan bulanan di seluruh Parlimen Ampang bagi tahun 2008 & 2009 secara terperinci, berikan mengikut **UMUR** dan **BANGSA**?

JAWAPAN :

- a) Peruntukan yang dibelanjakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor bagi kepada penerima bantuan bulanan di Parlimen Ampang bagi tahun 2008 dan 2009 adalah seperti di bawah. :

2008				
Bangsa	Persekutuan		Negeri	
	Jum. Penerima Bantuan	RM	Jum. Penerima Bantuan	RM
Melayu	922	229,120	11	1320
Cina	164	187,820	16	1920
India	739	178,960	23	2760
JUMLAH	2425	595,900	50	6,000

2009				
Bangsa	Persekutuan		Negeri	
	Jum. Penerima Bantuan	RM	Jum. Penerima Bantuan	RM
Melayu	1419	289,340	107	12,840
Cina	1157	286,060	108	12,960
India	968	229,340	97	11,640
JUMLAH	3544	804,740	312	37,440

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK: PROGRAM PENETAPAN HARI SABTU SEBAGAI HARI TANPA PLASTIK

19. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah program yang dilaksanakan menepati objektif dan sejauh mana keberkesanannya ?
- b) Adakah langkah lanjut untuk memastikan program ini berjaya ?

JAWAPAN:

- a) Kempen Hari Tanpa Beg Plastik ini dilaksanakan khusus bagi mengurangkan penggunaan beg plastik di Negeri Selangor dan juga mengubah pemikiran masyarakat tentang kesan penggunaan beg plastik. Selama kempen ini dijalankan, sebanyak 4 juta beg plastik berjaya diselamatkan dan kelihatan masyarakat sudah mula menerima kempen ini semasa membeli belah pada hari Sabtu dengan membawa beg sendiri daripada rumah untuk membeli belah. Walaubagaimanapun, kempen ini perlu dijalankan secara terus menerus bagi memastikan keberkesanan kempen di masa akan datang.
- b) Kerajaan Negeri akan terus-menerus menjalankan pemantauan kempen ini bagi memastikan objektif kempen tercapai bukan hanya pada masa sekarang tetapi pada masa yang akan datang. Kerajaan Negeri mensasarkan lebih ramai peruncit/pasaraya yang menyertai kempen "Hari Tanpa Beg Plastik" ini dan penglibatan orang ramai bagi menjayakan kempen ini penting bagi keberkesanan pengurangan penggunaan beg plastik di Negeri Selangor dan seterusnya menjadi contoh ikutan bagi negeri-negeri yang lain.

List of Partners in 'No Plastic Bag Day' Campaign by Selangor State Government (20 Oct 2010)

No.	Company Name
1	GCH (M) Sdn Bhd - Giant Hypermart
2	IKANO Sdn Bhd - IKEA
3	Sunway Pyramid Sdn Bhd
4	Magnificent Diagraph Sdn Bhd - Carrefour
5	99 Speedmart Sdn Bhd
6	GCH Retail (M) Sdn Bhd - Guardian Cawangan Selangor
7	Econsave Cash & Carry (PD) Sdn Bhd
8	Kumpulan Farmasi Vitacare Sdn Bhd
9	The Store Corporation Berhad
10	Parkson Corporation Sdn Bhd
11	7-Eleven Malaysia Sdn Bhd
12	Aeon Co (M) Bhd
13	Classic Bonita Sdn Bhd - Elianto, Bonita, Tiamo
14	1 Utama Shopping Centre
15	Watson's Personal Care Stores Sdn Bhd
16	Goin' Places Sdn Bhd - Goin Places Winter Apparel
17	Hektar Premier Sdn Bhd - Subang Parade
18	Able Potential Sdn Bhd (ITMAS) - Aoneplus
19	Action IT Solution Sdm Bd (USJ 19) - Aoneplus
20	Caring Pharmacy Sdn Bhd
21	Tropicana Life Sdn Bhd
22	Tesco Stores (M) Sdn Bhd
23	Planete Enfants Sdn Bhd
24	Mydin Mohamed holdings Berhad
25	IT Hyperstore (M) Sdn Bhd - E@Curve
26	Tiens Health Development (M) Sdn Bhd
27	Golden Screen Cinema Sdn Bhd - 1U, Summit, Tropicana, IOI, Klang Shaw Centre Point
28	HSL E&E Corp (M) Sdn Bhd
29	Yves Rocher - Luxor YRM Sdn Bhd
30	Magic Clothing Alterations (Subang Parade)
31	BV Eyecare (M) Sdn Bhd - BetterVision (Subang Parade)
32	Mirac Jaya Sdn Bhd (Subang Parade)
33	Johnson fitness (M) Sdn Bhd (Subang Parade)
34	D&J Collection (Subang Parade)
35	Bintang Retail Industries Sdn Bhd
36	Memory Lane (M) Sdn Bhd (Subang Parade)
37	Speedy Video Distributors Sdn Bhd (Subang Parade)
38	Kilauan Lestari Sdn Bhd (Subang Parade)

39	Memory Lane (M) Sdn Bhd (Sg Chua, Kajang)
40	Pasaraya Badurun
41	Baby Villa Sdn Bhd
42	Baby Cottage Sdn Bhd (Subang Parade)
43	Warta Superstore (Batu Caves) Sdn Bhd
44	EK HARDWARE DIY (M) SDN. BHD
45	SACC Mall
46	MPH Bookstores Sdn Bhd -
47	Rampai Niaga Sdn Bhd - The Body Shop
48	QUESTEAM SDN. BHD. - <i>The FaceShop (Tropicana City)</i>
49	Pets More Sdn Bhd
50	Kat-Iye Boutique Sdn Bhd (Subang Parade)
51	KK Group - KK Supermart
52	HiTS Collection (SACC)
53	Nando's (SACC)
54	Turkuaz Sdn Bhd (SACC)
55	Qamilla Collection (SACC)
56	Sunway Giza- Kota Damansara
57	Green Life Organic Enterprise
58	Sinma Jewellery Centre Sdn Bhd (Klang Parade)
59	Cziplee Books & Stationery (Kajang) Sdn Bhd
60	Speedy Video Distributors Sdn Bhd (Klang Parade)
61	Rumix Station (Klang Parade)
62	RenRen Bookshop Sdn Bhd (Klang Parade)
63	Big Bookshop Sdn Bhd
64	Pizza Pah Foods Sdn Bhd (PKNS Bangi)
65	Ikatan Ria Enterprise (PKNS Bangi)
66	Nur Nilam Sari Centre (PKNS Bangi)
67	Seloka Sukma Sdn Bhd - Bathroom Accessories
68	BMS Organics
69	Syarikat Elektrik Tong Seng Sdn Bhd
70	Wings Leather Enterprise (Subang Parade)
71	Classic Bonita Sdn Bhd - Elianto (Subang Parade)
72	~H2O - Luxor YRM Sdn Bhd
73	Little Green Planet Sdn Bhd
74	Forever 21 (1Utama)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : STATUS TERKINI SYABAS

20. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah status terkini projek pembelian air di antara Kerajaan Negeri dengan pihak SYABAS?
- b) Adakah pembelian ini akan menguntungkan rakyat di Selangor, nyatakan?

JAWAPAN:

4	Mbaiki Jalan Di Kg. Sentosa Semenyih	20,000.00	Semenyih	20,000.00	19,191.00	95.96
5	Mbaiki Jalan dan Longkang di Belakang Balairaya Bt. 23, Kg. Lui, Hulu Langat.	87,000.00	Dusun Tua	85,538.50	76,020.30	88.87
6	Mbaiki Jalan di Kg. Perdik Hulu Langat	48,000.00	Dusun Tua	43,200.00	42,900.00	99.31
7	Mbina Tembok Runtuh di Belakang Bilik Perpaduan Semenyih.	38,000.00	Semenyih	34,939.50	34,939.50	100.00
8	Mbaiki Longkang di Kg. Melayu Ampang	50,000.00	Bukit Antarabangsa	45,068.00	45,068.00	100.00
9	Mbina Longkang Kg. Baru Batu 20, Jalan Sentosa, Kg. Sungai Lui	70,000.00	Dusun Tua	63,042.00	63,042.00	100.00
10	Mbaiki Longkang di Kg. Bangi Tambahan	28,000.00	Bangi	27,425.00	27,279.45	99.47
11	Kerja-Kerja Menurap Kawasan Hadapan Sek. Ren. Agama Sg. Tekali Hulu Langat.	31,191.00	Dusun Tua	28,084.00	28,084.00	100.00
12	Kerja-Kerja Menurap Jalan Kg. Gamie, Hulu Langat.	64,000.00	Dusun Tua	62,504.00	15,387.23	24.62
13	Mbaiki Semula Jalan Kenanga dan Jalan Melor, Kg. Sungai Ramal.	20,000.00	Bangi	20,000.00	19,724.60	98.62
14	Mbaiki Jalan Sahabat Batu 14, Hulu Langat.	10,000.00	Dusun Tua	10,000.00	9,998.80	99.99
	Jumlah	506,953.50		480,623.50	422,318.28	87.87

JUMLAH PERBELANJAAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DI DAERAH HULU LANGAT
BAGI TAHUN 2009

FASA I

Bil.	Nama Projek	Peruntukan	DUN	Kos Projek	Jumlah Perbelanjaan	(%)Peratus Perbelanjaan
1	Menurap jalan tok Susu Kg. sg. Sekamat	15,000.00	Kajang	15,000.00	14,825.00	98.8
2	Menyelenggara Longkang di Kg. Bangi	17,000.00	Bangi	17,000.00	16,987.70	99.9
3	Menyelenggara Jalan di Kg. Sg. Ramal Luar	10,000.00	Bangi	10,000.00	9,979.50	99.8
4	Menyelenggara Jalan di Kg. Sg. Ramal Dalam	5,000.00	Bangi	5,000.00	4,973.50	99.5
5	Menyelenggara Longkang di Kg. Pasir	10,000.00	Semenyih	10,000.00	9,680.90	96.8
6	Menyelenggara Jalan Masuk Kg. Sentosa	10,000.00	Semenyih	10,000.00	7,968.60	79.7
7	Menyelenggara Balai Raya Kg. Sg. Kembong Hilir	7,000.00	Semenyih	7,000.00	6,730.00	96.1
8	Menyelenggara Balai Raya Kg. Melaka	3,000.00	Dusun Tua	3,000.00	2,942.60	98.1
9	Menyelenggara Jalan Haji Abas Kg. Rinching Hilir	10,000.00	Semenyih	10,000.00	9,123.50	91.2
10	Mbaiki Jalan kg. Batu 20, Hulu Langat	7,000.00	Dusun Tua	7,000.00	6,945.50	99.2
11	Menyelenggara Balai Raya Kg. Sg. Raya	3,300.00	Dusun Tua	3,300.00	3,294.00	99.8
12	Mbaiki Balai Raya Kg. Rinching Hilir	5,000.00	Dusun Tua	5,000.00	4,989.97	99.8
13	Menyelenggara Jalan Kg. Sg. Balak	20,000.00	Balakong	20,000.00	19,100.00	95.5
14	Menyelenggara Longkang Kg. Bahagia Bangi	10,000.00	Bangi	10,000.00	9,985.08	99.9
15	Menyelenggara Longkang di Kg. Bukit Sg. Putih	20,000.00	Lembah Jaya	20,000.00	19,995.00	100.0
	Jumlah:-	152,300.00		152,300.00	147,520.85	96.9

JUMLAH PERBELANJAAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DI DAERAH HULU LANGAT
BAGI TAHUN 2009

FASA II

Bil.	Nama Projek	Peruntukan	Parlimen	DUN	Kos Projek	Jumlah Perbelanjaan	(%)Peratus Perbelanjaan
1	Membina dan membaiki longkang Jalan Kelisa Satu, Kg. Sg. Tangkas, Kajang.	10,000.00	Hulu Langat	Kajang	10,000.00	9,998.36	100.0
2	Membina dan menyelenggara longkang, Jalan Iman, Kg. Sg. Ramal Dalam Kajang.	10,000.00	Serdang	Bangi	10,000.00	9,984.26	99.8
3	Menyelenggara dan membaiki Jalan Ikhlas dan Jalan Makmor, Kg. Teras Jernang, Kajang.	10,000.00	Hulu Langat	Bangi	10,000.00	10,000.00	100.0
4	Menyelenggara dan membaik pulih longkang Kg. Dato Mufti Shuib.	10,000.00	Ampang	Lembah Jaya	10,000.00	9,954.25	99.5
5	Menyelenggara dan membaik pulih Kg. Ampang Indah.	10,000.00	Ampang	Lembah Jaya	10,000.00	9,949.35	99.5
6	Menyelenggara dan membaik pulih longkang Kg. Lembah Jaya Selatan.	10,000.00	Ampang	Lembah Jaya	10,000.00	9,941.68	99.4
7	Baiki Jalan Badli Shah / Sekamat Dalam Kg. Batu 13, Jalan Cheras.	10,000.00	Hulu Langat	Kajang	10,000.00	9,959.10	99.6
8	Menyelenggara Balai Raya Batu 10, Cheras.	10,000.00	Hulu Langat	Balakong	10,000.00	9,932.00	99.3
9	Membina longkang di Kampung Sesapan Kelubi, Beranang	10,000.00	Hulu Langat	Semenyih	10,000.00	9,850.00	98.5
10	Membaik Pulih Balai Raya Kg. Batu 3, Jalan Bangi, Semenyih.	10,000.00	Hulu Langat	Semenyih	10,000.00	9,997.70	100.0
11	Membaiki Jalan Kg. Kuala Pajam	5,000.00	Hulu Langat	Semenyih	5,000.00	4,080.00	81.6
12	Membina longkang dan menurap Jalan Kg. Jalan Enam Kaki.	10,000.00	Hulu Langat	Semenyih	10,000.00	9,675.00	96.8
13	Menyelenggara Parit Dan Longkang Di Kg. Batu 10 Cheras.	5,000.00	Hulu Langat	Dusun Tua	5,000.00	2,584.00	51.7
		120,000.00			120,000.00	115,905.70	96.6

JUMLAH PERBELANJAAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DI DAERAH HULU LANGAT
BAGI TAHUN 2010

Bil.	Nama Projek	Peruntukan	Parlimen	DUN	Kos Projek	Jumlah Perbelanjaan	(%) Iratus Perbanjaan
1	Kerja-kerja Membaiki Tebing Jalan Runtuh di Kampung Bahgia bangi.	20,000.00	Hulu Langat	Kajang	20,000.00	19,959.20	980
2	Membaikpulih Pengajian Hayatul Uloom, Hulu Langat.	100,000.00	Hulu Langat	Dusun Tua	100,000.00		
3	Kerja-Kerja Menyelenggara Kemudahan Rekreasi Di Air terjun Sg. Gabai, Hulu langat.	40,300.00	Hulu Langat	Dusun Tua	40,300.00		
4	Baik Pulih Jalan Saujana Kampung Sungai Ramal Dalam.	19,366.00	Hulu Langat	Bangi	19,366.00		
5	Baik Pulih Jalan Kenanga Kampung Sungai ramal Luar	19,474.00	Hulu Langat	Bangi	19,474.00		
6	Baik Pulih Jalan Datuk Ludin Dan Membina Bonggol Kampung Melaka.	19,920.00	Hulu Langat	Kajang	19,920.00		
7	Baik Pulih Jalan Balam Dan Jalan Merpati Kb. Batu 10 Cheras.	19,340.00	Hulu Langat	Kajang	19,340.00		
8	Baik Pulih Lorong Kampung Sungai Serai	19,956.00	Hulu Langat	Dusun Tua	19,956.00		
	Jumlah:-	258,356.00			258,356.00	19,959.20	73

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : KES PEMBUANGAN BAYI

33. Setiap tahun kadar kes pembuangan bayi yang melibatkan remaja perempuan semakin meningkat terutama di Selangor. Kegiatan ini semakin keji apabila terdapat kes, bayi dibuang dalam tong sampah, semak dan dimakan bintang buas.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Senaraikan jumlah kes pembuangan bayi di Selangor mengikut bangsa bagi tahun 2007 hingga Sept 2010.
- b) Apakah hukuman atau denda yang di kenakan kepada pasangan yang membuang bayi?
- c) Apakah bentuk pencegahan, kaunseling dan tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa bagi menyekat kes ini terus berlaku.

JAWAPAN :

- a) Seperti di lampiran.
- b) Seperti di lampiran
- c) Pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor sentiasa mengadakan program-program pencegahan dari semasa ke semasa untuk mengurangkan gejala sosial yang semakin berleluasa di Negeri ini. Program-program pencegahan yang diadakan adalah melalui Pasukan Perlindungan Kanak-kanak Daerah (PPKK) dan Jawatankuasa Kebajikan Kanak-kanak Daerah (JKKD). JKKD di setiap daerah yang terdiri daripada pelbagai golongan masyarakat sentiasa membantu pihak Jabatan menganjurkan pelbagai aktiviti serta program kesedaran, bimbingan dan motivasi bagi menangani gejala sosial kanak-kanak. Sementara PPKK selain memberi penekanan kepada kes-kes penganiayaan dan pengabaian kanak-kanak, turut sama membantu mencegah berlakunya kerosakan akhlak kanak-kanak dan lain-lain masalah sosial.

Selain itu, pihak JKMN Selangor juga turut terlibat dalam Bengkel Pelan Tindakan Menangani Isu Pembuangan Bayi yang merangkumi pelbagai aspek seperti advokasi, pencegahan, intervensi dan pemulihan.

Manakala bagi institusi di bawah JKM yang memberikan perlindungan dan pemulihan bagi kanak-kanak / wanita mengandung. Pihak pegawai kaunselor sentiasa aktif menjalankan sesi kaunseling dan bimbingan selain mengadakan program-program kesedaran di peringkat institusi berkenaan. Seramai 20 orang kaunselor ditempatkan di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) dan institusi yang memberikan perkhidmatan khidmat nasihat dan tele kaunseling pada waktu pejabat. Pada masa yang sama, sekiranya perlu perkhidmatan kaunseling akan diberikan bukan sahaja kepada individu malah turut kepada keluarga dan bagi tujuan tersebut., pihak yang berkenaan perlu menghubungi PKMD yang berdekatan.

DARIPADA : Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN (MERU)

TAJUK : KES PEMBUANGAN BAYI

JAWAPAN :-

Soalan (a)

KES 317 KK (BUANG BAYI JUMPAI HIDUP)
BAGI TAHUN 2007 HINGGA 2009 (JANUARI – DISEMBER)
& 2010 (JANUARI – SEPTEMBER)

TAHUN	JUM KES	BANGSA													
		MELAYU		CINA		INDIA		LAIN - LAIN		JANIN			BANGSA/JANTINA TIDAK PASTI		
		L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L/P	L	P	L/P
2007	10	2	3	1									3	1	
2008	8	1				1							1	2	3
2009	6												2	4	
2010	8	2	2			2							1	1	
JUM	32	5	5	1		3							10	8	3

**KES 318 KK (BUANG BAYI JUMPAI MATI)
BAGI TAHUN 2007 HINGGA 2009 (JANUARI – DISEMBER)
& 2010 (JANUARI – SEPTEMBER)**

TAHUN	JUM KES	BANGSA														
		MELAYU		CINA		INDIA		LAIN - LAIN		JANIN			BANGSA/JANTINA TIDAK PASTI			
		L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L/P	L	P	L/P	
2007	5											2	1	1	1	
2008	12									1	1	3	3	1	3	
2009	4									1					3	
2010	6	3								1					2	
JUM	27	3								3	1	5	4	2	9	

**KES 317 KK (BUANG BAYI JUMPAI HIDUP)
MENGIKUT DAERAH-DAERAH KONTINJEN SELANGOR**

BIL	DAERAH	TAHUN			
		2007	2008	2009	2010
01	PETALING JAYA	2	2	1	1
02	SUBANG JAYA	2			1
03	KLANG (SELATAN)	1		1	1
04	KLANG (UTARA)				
05	SHAH ALAM		1	1	
06	KAJANG	1			3
07	GOMBAK	1			1
08	AMPANG JAYA		4	2	
09	KUALA LANGAT				
10	KUALA SELANGOR	1			
11	HULU SELANGOR	1			
12	SABAK BERNAM		1		
13	SEPANG	1			1
14	SERDANG			1	
JUMLAH BESAR		10	8	6	8

**KES 318 KK (BUANG BAYI JUMPAI MATI)
MENGIKUT DAERAH-DAERAH KONTINJEN SELANGOR**

BIL	DAERAH	TAHUN			
		2007	2008	2009	2010
01	PETALING JAYA	2	1		1
02	SUBANG JAYA		5		1
03	KLANG (SELATAN)	1	2		1
04	KLANG (UTARA)				
05	SHAH ALAM		1	1	1
06	KAJANG			1	
07	GOMBAK				
08	AMPANG JAYA	2	2	1	
09	KUALA LANGAT				
10	KUALA SELANGOR		1		1
11	HULU SELANGOR			1	1
12	SABAK BERNAM				
13	SEPANG				
14	SERDANG				
JUMLAH BESAR		5	12	4	6

Soalan (b)

Hukuman atau denda yang dikenakan kepada pasangan yang membuang bayi sebagaimana yang diperuntukkan oleh Kanun Keseksaan iaitu :-

Seksyen 317 Kanun Keseksaan

Ibubapa atau orang yang bertanggungjawab menjaga kanak-kanak yang berumur kurang daripada dua belas tahun mendedahkan dan membuang kanak-kanak itu.

Barang siapa, yang menjadi bapa atau ibu seorang kanak-kanak yang berumur kurang daripada dua belas tahun, atau yang bertanggungjawab menjaga kanak-kanak itu, mendedah atau meninggalkan kanak-kanak itu dengan niat hendak membuang kanak-kanak itu sama sekali, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai tujuh tahun, atau denda, atau kedua-duanya.

Seksyen 318 Kanun Keseksaan

Menyembunyikan kelahiran dengan jalan membuang mayat dengan sulit.

Barang siapa dengan sengaja menyembunyikan kelahiran seorang kanak-kanak dengan jalan mengebumikan atau dengan jalan lain membuang mayat kanak-kanak itu dengan sulit, sama ada kanak-kanak itu mati sebelum atau selepas atau dalam masa ia dilahirkan, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai dua tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.

Memperkasa program Rakan Cop sebagai medium antara masyarakat dan pasukan polis untuk mencegah jenayah rogol, cabul dan lain-lain.

Memperkemas dan memperbanyakkan lagi unit rondaan untuk memantau kes-kes rogol dan buang bayi.

Mengecilkan skala jenayah rogol, sumbang mahram dan pembuangan bayi dengan mendidik masyarakat tentang undang-undang sedia ada supaya masyarakat lebih terkesan dengan hukuman yang diperuntukkan.

Meningkatkan lagi penguatkuasaan di tempat-tempat yang disyaki berlakunya penzinaan haram seperti di hotel-hotel dan rumah tumpangan.

Mendidik masyarakat supaya mengamalkan budaya 'jaga tepi kain orang' supaya perbuatan-perbuatan maksiat di kawasan kejiranan dan sebagainya dapat dibanteras.

Memperluaskan lagi pengetahuan tentang psikologi dan kaunseling dan juga membudayakan kaunseling dalam masyarakat supaya masyarakat dapat meningkatkan lagi taraf hidup dari sudut jasmani, emosi dan spiritual.

Kerajaan dan NGO perlu bekerjasama untuk memperbanyak dan mewujudkan lagi program-program seperti 'Imam Muda', 'Rakan Surau' dan lain-lain lagi untuk memacu remaja ke arah hidup yang lebih positif.

Pihak yang bertanggungjawab perlu meningkatkan lagi keprihatinan kepada gadis-gadis miskin, terbiar dan golongan yang tidak mampu mendidik anak-anak gadis mereka supaya diberi bantuan dan keperluan yang sewajarnya supaya tidak terjadi perkara tidak diingini.

Didik ibu bapa supaya lebih bijak mengawal selia anak mereka dan menghadkan waktu 'keluar rumah' supaya anak-anak mereka tidak terjebak kepada unsur-unsur maksiat penzinaan yang akhirnya sangat menyumbang kepada gejala pembuangan bayi.

Wujudkan satu fenomena dan 'atmosphere' dalam masyarakat bahawa gejala buang bayi adalah sangat keji, sangat terkutuk dan sangat dibenci oleh sekalian kita masyarakat Malaysia.

Mengajak masyarakat supaya ingat Allah dan kembali kepada ajaran Allah dan Rasul kerana inilah formula terbaik dalam apa jua bentuk permasalahan di dunia ini.

Bentuk pencegahan,kaunseling dan tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa bagi menyekat kes ini terus berlaku adalah :-

Membanteras pengedaran dan penjualan bahan-bahan lucah seperti cd,majalah,komik dan lain-lain daripada tatapan anggota masyarakat terutama bagi golongan remaja.

Mengadakan kempen kesedaran sebagai contoh pendedahan berbentuk grafik atau "kisah benar" tentang seseorang yang pernah membuang anak,gambar-gambar bayi yang dibuang sama ada hidup mahupun telah meninggal dunia.

Program motivasi seperti adab bergaul,dosa-dosa besar yang mampu memperkuat lagi rasa insaf serta takut golongan remaja kepada dosa.

Mengadakan ceramah-ceramah berkaitan kesan negative,hukuman yang dikenakan bagi kesalahan pembuangan bayi di sekolah serta institusi pendidikan tinggi.

Menyaran agar membentuk system nilai berasaskan proses sosiolisasi yang menunjuk ajar bagaimana untuk bertingkah laku. Sosiolosasi merujuk kepada pengaruh keluarga,sekolah,institusi agama,pertubuhan bukan kerajaan dan politik,pengalaman kerja,media massa dan kumpulan rakan sebaya. Nilai-nilai dipelajari dan dinyatakan melalui perlakuan dan komunikasi. Nilai memberi hala tuju tindakan terakhir yang boleh dijangkakan dan membantu mengenalpasti baik atau buruk,betul atau salah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : GEJALA SOSIAL DI SELANGOR

34. Gejala sosial dan kesalahan moral menjadi-jadi, termasuk di Negeri Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Sejauh manakah seriusnya gejala sosial dan kesalahan moral berlaku di Selangor?
- b) Apakah tindakan-tindakan yang dilakukan oleh kerajaan negeri bagi mengatasinya?
- c) Bagaimanakah kerajaan negeri menangani gejala ibu mengandung tanpa nikah dan buang bayi di Negeri Selangor?

JAWAPAN :

- a) Masalah sosial dan kesalahan moral merupakan satu fenomena yang melanda masyarakat masa kini bukan sahaja di Negeri Selangor malah seluruh negeri di Malaysia. Walaubagaimanapun tidak dapat dinafikan bahawa Negeri Selangor juga mencatat jumlah gejala sosial yang membimbangkan di mana pelbagai kes jenayah berlaku di Negeri Selangor. Mengikut rekod daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) di antara tahun 2009 dan 2010 menunjukkan tahap keseriusan gejala sosial di Negeri Selangor. Jenayah Kekerasan mencatat jumlah yang agak membimbangkan di mana pada tahun 2009 sebanyak 41 015 kes dilaporkan dan pada tahun 2010 sehingga September jumlah kes dicatatkan sebanyak 35 651 kes.

Kes pembuangan bayi yang direkodkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada tahun 2009 sebanyak 6 kes dan pada tahun 2010 sebanyak 8 kes direkodkan. Manakala bagi kes pengawasan penagih dadah dalam komuniti di Negeri Selangor mencatatkan peningkatan jumlah kes pengawasan pada tahun 2009 sebanyak 5141 kes dan meningkat sebanyak 6046 kes pada tahun 2010. Berdasarkan kepada statistik daripada Polis Diraja Malaysia dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan menunjukkan peningkatan kes gejala sosial di Negeri Selangor agak membimbangkan.

Jadual 1

Bil	Jenis Jenayah	2009	2010
1.	Kes Pembuangan bayi	6	8
2.	Jenayah Kekerasan	8601	6680
3.	Jenayah Harta Benda	41015	35651
4.	Dadah (Kes Pengawasan Penagih)	5141	6046

- b) Kerajaan Negeri Selangor memandang serius mengenai masalah sosial yang melanda negeri ini. Satu Pelan Tindakan Menangani Gejala Sosial telah dilaksanakan di mana satu Jawatankuasa Induk Menangani Gejala Sosial Peringkat Negeri Selangor telah ditubuhkan dan dipengerusikan oleh YB Dr Hajah Halimah Ali, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan. Satu pelan tindakan menangani gejala sosial atau dikenali sebagai Program Generasi Idaman Selangor (GeMS) telah dirangka khusus untuk program-program menangani gejala sosial.

Pelan Tindakan Menangani Gejala Sosial disediakan sebagai panduan untuk melaksanakan tindakan menangani gejala sosial secara holistik dan bersepadu. Ianya meliputi semua aspek bagi memastikan tindakan menangani gejala sosial dapat dilaksanakan dengan berkesan selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri Selangor untuk menjadikan Selangor sebagai Negeri Idaman, Maju, Sejahtera Dan Berkeadilan. Semua Program Menangani Gejala Sosial akan dikenali sebagai **Program Generasi Idaman Selangor (GeMS)**.

Program Generasi Idaman Selangor (GeMS) adalah satu langkah serius yang diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi menangani isu gejala sosial yang melanda masyarakat di Negeri Selangor. Satu Jawatankuasa Induk Menangani Gejala Sosial Peringkat Negeri Selangor yang di pengaruhi oleh YB Dr Hajah Halimah Ali, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan Negeri Selangor.

Jawatankuasa yang bersifat konklusif akan diwujudkan di setiap daerah yang melibatkan Pejabat Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Polis Diraja Malaysia, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK), Jabatan Pelajaran Selangor, Pertubuhan Belia, Pertubuhan Wanita, Majlis Permuafakatan Persatuan Ibu bapa dan Guru (MPPBIG), Majlis Permuafakatan Tadika Selangor, Majlis Institusi Pendidikan Islam Selangor, Majlis Permuafakatan Mahasiswa Selangor, ketua-ketua kaum, Persatuan Pesara, kaunselor dan Agensi dan NGO,s yang berkaitan.

Kerajaan Negeri bersetuju untuk menggunakan pendekatan bersepadu iaitu 5P :

- i) Pembangunan (*Development*)
 - ii) Pencegahan (*Prevention*)
 - iii) Pencelahan (*Intervention*)
 - iv) Penguatkuasaan (*Enforcement*)
 - v) Pemulihan (*Rehabilitation*)
- c) Di bawah Pelan Tindakan menangani gejala sosial Negeri Selangor satu program khas yang dirangka untuk mencegah berlakunya masalah ibu mengandung dan gejala membuang bayi dengan pelaksanaan Kempen Anti Zina yang telah dilancarkan pada 31 Ogos 2010 sempena sambutan Kemerdekaan yang lalu. Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang Kempen Anti Zina seperti mengedarkan risalah mengenai kesan jika terjebak dengan zina dan langkah-langkah menjauhi zina. Selain daripada itu, ops dakwah dijalankan dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia, RELA, Jabatan Agama Islam serta NGO bagi membanteras gejala sosial yang sering berlaku ketika sambutan sesuatu perayaan.

Dalam pelaksanaan Kempen Anti Zina terdapat modul khas yang telah dirangka dan akan dilaksanakan dengan memberi penekanan kepada aspek pendidikan akhlak kepada pesertanya. Program ini akan dilaksanakan di setiap daerah dan golongan sasaran bagi program ini adalah pelajar lepasan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia SPM.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : TUNGGAKAN HUTANG PBT KEPADA SYARIKAT ALAM FLORA

35. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar;
- a) Sila senaraikan butiran terperinci jumlah tunggakan terkini PBT Negeri Selangor kepada Syarikat Alam Flora ?
 - b) Sila nyatakan apakah pendekatan yang sudah diambil oleh pihak Kerajaan Negeri untuk memastikan tunggakan hutang tersebut dapat dilangsaikan secara beransur-ansur tanpa menjejaskan mutu dan prestasi perkhidmatan Alam Flora ?
 - c) Sila perelaskan apakah peranan dan bidang kuasa yang ada pada PBT dan Kerajaan Negeri dalam konteks pembersihan sampah di Negeri Selangor ?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK: KSSB

36. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:
- a) Berapakah jumlah bonus yang diberikan kepada Lembaga Pengarah dan Kakitangan KSSB ?
 - b) Adakah ganjaran yang diberikan setimpal dengan prestasi mereka?
 - c) Apakah garis panduan pemberian bonus?

JAWAPAN:

- a) Jumlah bayaran bonus;

Bayaran Bonus (RM)			
Tahun	Pengarah	Kakitangan	Jumlah
2008	28,000	131,436	159,436
2009	56,000	286,710	342,710
2010	-	213,334	213,334

Bonus 2010 adalah bonus interim.

Pembayaran kepada Pengarah sebenarnya adalah dalam kategori yuran tahunan pengarah. Ianya telah disalah kelaskan sebagai bonus kerana telah dibayar serentak dengan bonus kakitangan.

- b) Bonus dan yuran pengarah yang telah dibayar telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah setelah mengambil kira prestasi syarikat dan berpatutan.

Ianya hanyalah 3.3% dari jualan untuk tahun 2008, 1.1% untuk tahun 2009 dan 0.5% untuk tahun 2010.

- c) Bonus diberikan berdasarkan prestasi syarikat. Kelayakan kakitangan pula adalah berdasarkan prestasi kerja serta pro rata tempoh perkhidmatan untuk sesuatu tahun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : PROGRAM PENDIDIKAN YAYASAN SELANGOR

37. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar;
- a) Sila nyatakan secara detail sumber-sumber pendapatan yang diperolehi oleh Yayasan Selangor untuk membiayai program pendidikan ?
 - b) Sila nyatakan jumlah bilangan pelajar yang menerima bantuan biasiswa daripada pihak Yayasan Selangor sejak tahun 2007 hingga 2010 mengikut pecahan kaum ?
 - c) Sila nyatakan apakah Kriteria yang ditetapkan oleh pihak Yayasan Selangor bagi menentukan sama ada pelajar tersebut layak atau tidak menerima bantuan pinjaman ?

JAWAPAN :

- a) Jawapan disediakan oleh Timbalan Pengurus Besar Yayasan Selangor Bahagian Pengurusan).
- b) Jumlah bilangan pelajar yang menerima bantuan biasiswa daripada Yayasan Selangor daripada tahun 2007 hingga 2010 mengikut pecahan kaum:

Tahun	Cina	India	Melayu
2007	1	2	670
2008	1	2	804
2009	1	1	762
2010	3	2	869

- c) Kriteria yang ditetapkan oleh pihak Yayasan Selangor bagi menentukan sama ada pelajar layak atau tidak menerima bantuan pinjaman.

Kelayakan asas :

1. Pemohon dan ibu bapa warganegara Malaysia
2. Pemohon / ibu / bapa lahir di negeri Selangor atau lahir di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebelum 1 Februari 1974 atau telah bermastautin di Negeri Selangor sekurang-kurangnya 10 tahun
3. Pemohon telah mendapat tawaran belajar secara SEPENUH MASA di peringkat Diploma atau Ijazah di Institusi Pengajian Tinggi Awam tempatan atau Universiti Industri Selangor atau Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor atau Kolej INPENS
4. Pemohon tidak mendapat sebarang biasiswa / dermasiswa / pinjaman atau lain-lain bantuan kewangan dari mana-mana organisasi dalam / luar Negara

Nota : tidak semua pemohon yang menepati syarat di atas dapat diberi pinjaman kerana pinjaman hanya dapat diberi berdasarkan bajet tahunan dan markah temuduga yang telah ditetapkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : KAMPUNG PENEROKA BANDARA

38. Kg.Papan di Pandamaran, Kg. Kenanga di Klang dan Kg.Temenggung di Gombak merupakan kampung-kampung peneroka yang telah membawa isu mereka ke perhatian kerajaan negeri melalui Exco Perumahan YB Iskandar Samad.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status kampung-kampung tersebut?
- b) Apakah penyelesaian daripada kerajaan negeri?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri buat masa ini tidak mengambil sebarang tindakan perobohan atau pemindahan ke atas penempatan peneroka bandar tersebut sehingga adanya penyelesaian yang dipersetujui oleh semua pihak yang terlibat iaitu setinggan, pemaju dan Kerajaan Negeri. Kampung Jalan Papan, Pandamaran masih merupakan tanah milik persendirian iaitu pemaju TPPT Sdn. Bhd. dan akan dibangunkan secara bersama Tetuan Melati Ehsan Sdn. Bhd. Manakala kampung Seri Kenangan dan Kampung Seri Gombak merupakan tapak yang diberi milik kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) untuk dibangunkan secara bersepadu bersesuaian dengan saiz tapak kedua-dua penempatan tersebut yang kecil dan terhad untuk diberi milik kepada peneroka bandar berkenaan.

Bilangan peneroka bandar mengikut kampung-kampung di atas adalah seperti berikut :-

Bil.	Nama Kampung	Nama PBT	Bil. Setinggan
1.	Kg.Jalan Papan, Pandamaran, Klang	MPK	135 keluarga
2.	Kg. Sri Kenangan, Klang	MPK	24 keluarga
3.	Kg. Sri Temenggung, Gombak	MPS	29 keluarga

Kebanyakan peneroka bandar ketiga-tiga kampung tersebut masih berada di tapak kerana masih menuntut kepada Kerajaan Negeri agar diberi milik tanah tersebut kepada mereka. Perkara ini agar sukar dipenuhi oleh Kerajaan Negeri kerana faktor pemilikan tanah Kg. Jalan Papan, Pandamaran adalah tanah milik persendirian. Manakala Kg. Sri Kenangan dan Seri Temenggung adalah terlalu kecil untuk diagih-agih kepada peneroka bandar yang masih berada di tapak .

- b) Kerajaan Negeri masih mengadakan perbincangan dengan pihak peneroka bandar bagi mendapatkan penyelesaian terbaik bagi ketiga-tiga kampung tersebut. Beberapa siri mesyuarat telah diadakan bagi mendapat penyelesaian terutamanya penempatan Kampung Jalan Papan, Pandamaran kerana ianya melibatkan bilangan penduduk yang ramai dan memerlukan kerjasama pihak pemilik tanah persendirian untuk memberi tawaran yang lebih baik kepada penduduk. Bagi penyelesaian masalah peneroka bandar di Kampung Kenanga dan Kampung Temenggung, perbincangan bersama Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) sedang dijalankan untuk menyediakan cadangan penyelesaian kepada Kerajaan Negeri untuk ditawarkan kepada penduduk. Peneroka Kedua-dua kampung ini telah pun kalah dalam kes mahkamah namun Kerajaan Negeri masih memberi ruang kepada mereka untuk mengadakan perbincangan selain menyampaikan sebarang tuntutan kepada Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : PROJEK TERBENGKALAI

39. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan projek-projek terbengkalai yang telah dipulihkan.
- b) Senaraikan projek-projek terbengkalai yang masih belum dapat dipulihkan serta sebab-sebabnya.

JAWAPAN :

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak 22 projek terbengkalai yang melibatkan 8,879 unit telah berjaya dipulihkan dari Mac 2008 sehingga 15 Oktober 2010. Senarai projek tersebut seperti berikut :

BIL	PROJEK	NAMA PEMAJU	UNIT
1	Cadangan Pembinaan Pangsapuri Kos Sederhana Tinggi	Sama Pesona Sdn Bhd	600 Unit
2	1 Blok Hotel 18, Persiaran Raja Muda Musa, Pelabuhan Klang.	Transhabour Sdn Bhd	258 Unit
3	Membina 28 Unit Rumah Berkembar di atas Lot 1344, Jalan Sri Banang 14, Taman Sri Andalas, Mukim Klang	URC Housing Sdn Bhd	28 Unit
4	Taman Bunga Ros, Mukim Klang, Klang	Tetuan Ram Developer Sdn. Bhd & Tetuan Willow Construction Sdn. Bhd	30 unit
5	Projek Perumahan Taman Pinggiran Batu Caves, Daerah Gombak	Tetuan Bee Teck Trading Corporation Sdn. Bhd.	196 Unit

6	Taman Prima Selayang Di Atas Lot 8213, 6017 Sebahagian Lot 4487, 5510 & Tanah Kerajaan Mukim Batu, Gombak	Kansas Corporation Sdn Bhd	220 Unit
7	Rumah Teres 2 Tingkat, HS (D) 56918, PT 31343, Gombak	Tetuan Hartawan Pasifik Sdn. Bhd	387 Unit
8	Taman Hulu Langat Jaya	Spring Courts Sdn Bhd	36 Unit
9	Tmn Wawasan, Mukim Tanjung Karang, Daerah Kuala Selangor	Tetuan Radiant Hart Construction Sdn. Bhd	33 Unit
10	Tmn Yayasan, Mukim Kuala Selangor	Tetuan Pramax Sdn. Bhd. JV Tetuan Yayasan Selangor	77 Unit
11	Cadangan Pembinaan Bercampur Pusat Komersial, Seksyen 7, Bandar Shah Alam	Tetuan PCM Bina Sdn. Bhd	1,514 Unit
12	Pangsapuri Seri Nipah, Taman Pinggiran USJ, Shah Alam	Tetuan LBS Bina Group Berhad	30 unit
13	Bandar Pinggiran Subang, Shah Alam. (Pangsapuri Okid)	SPNB /Unique Creation	580 Unit
14	Cadangan Membina Rumah/Kedai 4 Tingkat Taman Serdang Perdana, Seksyen 5, Mukim Petaling, Daerah Petaling	Tetuan Green Crescent Sdn. Bhd.	512 Unit
15	Cadangan Pembinaan Pusat Perniagaan Pangsapuri Perkhidmatan, UEP Subang Jaya, Mukim Damansara, Daerah Petaling	Tetuan Sanjung Utama Sdn. Bhd.	1,316 Unit
16	Projek Taman Puncak Jalil, Fasa 9 B, 9 C, 9F, 12, 19 dan 21	Talam Corporation Bhd.	1,447 Unit

17	Cadangan Rumah Berkembar 21 Unit 2 Tingkat dan 47 Unit rumah Teres 2 1/2 Tingkat, Taman Kosas, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat (MPAJ)	Tetuan Koperasi Serbaguna Anak-Anak Selangor Berhad	203 Unit
18	Projek Pembesaran Kampung Gesir Tengah, Daerah Hulu Selangor	HRK Holdings Sdn. Bhd.	128 Unit
19	Kompleks Kota Kajang, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat	Tetuan Windhill Development & Construction Sdn. Bhd.	100 Unit
20	Taman Nilam, Mukim Ujung Permatang, Daerah Kuala Selangor	Tetuan Richmall Sdn. Bhd.	84 unit
21	Taman Khalid Al-Walid, Shah Alam	Diambilalih Oleh SPNB	48 Unit
22	Lagoon Perdana, USJ2, Subang Jaya.	IJM / Tetuan Tenaga Gagah Sdn. Bhd.	1,052 Unit
Jumlah Pembeli/Unit			8,879 unit

- b) Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 15 Oktober 2010 terdapat sebanyak 132 projek terbengkalai yang dikenal pasti di seluruh Negeri Selangor. Daripada 132 projek terbengkalai didapati sebanyak 115 projek yang masih belum dapat dipulihkan lagi. Senarai projek terbengkalai yang belum dapat dipulihkan adalah seperti dilampiran.

Berdasarkan fakta di atas, hampir 60 % projek dinyatakan di atas telah terbengkalai melebihi tempoh 5 tahun. Dengan ini boleh dibuat kesimpulan bahawa usaha untuk memulihkan projek terbengkalai bukan satu usaha yang mudah kerana ia memerlukan kaedah luar biasa (inovatif) dan bukannya kaedah biasa seperti membangunkan projek-projek perumahan baru. Ini kerana hampir 90% projek terbengkalai mempunyai masalah kewangan iaitu projek tersebut mempunyai aliran tunai yang lemah disebabkan kelemahan pengurusan kewangan atau kelemahan perancangan pemaju lama. Kesilapan utama pemaju tersebut ialah tidak mengambil kira kos pembangunan secara menyeluruh iaitu kos infrastruktur termasuk bayaran caruman TNB, Syabas, IWK dan lain-lain. Penumpuan pemaju hanya pada penyiapan struktur bangunan dan membuat tuntutan kepada bank berdasarkan kepada peratusan siap bangunan dan kebiasaannya tuntutan hampir 70% hingga 90%. Akibatnya projek ini akan

terbengkalai bukan disebabkan masalah penyiapan bangunan tetapi masalah untuk menanggung kos infrastruktur. Apabila pemaju penyelamat ingin masuk untuk memulihkan projek terbengkalai tersebut baki pembiayaan akhir pembeli hanya ada lebih kurang 10% hingga 15% dan ini amat menyukarkan pemaju penyelamat untuk memulihkan projek ini kecuali mendapat suntikan modal melalui kaedah *top up* di mana pembeli terlibat perlu menambah wang sendiri untuk menanggung defisit tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK : PENUKARAN TANAH BERSTATUS LEASEHOLD

40. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:
- a) Apakah kriteria yang diguna pakai untuk penukaran tanah berstatus "leasehold" kepada "freehold"?
 - b) Apakah proses yang terlibat untuk permohonan bersifat (a)?
 - c) Sila senaraikan permohonan bersifat (a) yang telah diluluskan sejak tahun 2008 sehingga 2010.

JAWAPAN :

- a) Setakat ini, Kerajaan Negeri tidak menetapkan sebarang polisi untuk penukaran tanah berstatus "*leasehold*" kepada "*freehold*". Walau bagaimanapun, penukaran tanah berstatus "*leasehold*" kepada "*freehold*" boleh diberi pertimbangan oleh Pihak berkuasa Negeri melalui permohonan penyatuan tanah di bawah seksyen 147 (2)(c)(i) Kanun Tanah Negara. Peruntukkan di bawah seksyen ini membenarkan permohonan dibuat untuk mencantumkan 2 atau lebih hakmilik-hakmilik yang berdampingan yang mempunyai tempoh pegangan yang berbeza. Tanah pegangan berstatus "*leasehold*" boleh diubah kepada status "*freehold*" sekiranya tanah berstatus "*freehold*" lebih besar luasannya daripada tanah berstatus "*leasehold*" yang dicantumkan.
- b) Permohonan bagi penyatuan tanah melibatkan tanah berstatus "*leasehold*" dan "*freehold*" di bawah seksyen 147 Kanun Tanah Negara perlu dikemukakan kepada Pentadbir Tanah Daerah. Kuasa melulus telah diturunkan daripada Pihak Berkuasa Negeri kepada Dato' Menteri Besar Selangor selaras Warta Kerajaan Negeri Sel.P.U 17 bertarikh 7 Jun 1984.
- c) Hanya 1 permohonan yang telah diluluskan untuk tujuan penyatuan tanah (melibatkan penukaran tanah berstatus "*leasehold*" kepada "*freehold*") di bawah seksyen 147 KTN dan butiran adalah seperti berikut:

Pemilik: Kuan Soon Realty Development Sdn Bhd
Keluasan: Lebih kurang 1,080 m.p (Pekan Pandamaran, Klang)
Tarikh kelulusan: 23 April 2008

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK: PEMUTIHAN KILANG HARAM

41. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Jumlah bilangan yang telah diluluskan?
- b) Berapakah bilangan yang masih belum diselesaikan?

JAWAPAN:

a) Jumlah bilangan yang telah diluluskan adalah seperti di dalam jadual di bawah:-

**LAPORAN KEMAJUAN PROGRAM PEMUTIHAN KILANG TANPA KEBENARAN MENGIKUT DAERAH
(SEHINGGA OKTOBER 2010)**

DAERAH	BIL. LOT	BIL. PERMOHONAN TUKAR SYARAT		KEPUTUSAN			PERMIT KHAS SEMENTARA				JUMLAH PERMOHONAN YANG TELAH DILULUSKAN			PREMIUM TAMBAHAN	
				LULUS	TOLAK	TANGGUH	2007	2008	2009	2010	2008	2009	2010	TELAH BAYAR	BELUM BAYAR
PETALING	985	654	66.40%	591	3	53	3	0	1	1				46,104,292.00	66,265,494.00
KLANG	434	173	39.86%	113	16	0	424	415	434	470	10	7	3	25,135,112.50	9,480,284.50
GOMBAK	44	28	63.64%	37	1	12	32	0	0	0		5		342,056.34	1,256.34
HULU LANGAT	467	244	52.25%	178	11	3	53	18	24	2	13	11	2	20,583,028.60	7,614,654.00
KUALA LANGAT	209	146	69.86%	112	15	5	90	10	35	0	30	9		17,385,389.00	2,039,832.00
SEPANG	44	17	38.64%	17	0	0	14	0	3	1	4	1		2,094,404.00	1,226,095.00
HULU SELANGOR	16	14	87.50%	1	3	3	15	14	10	5		1	1	41,800.00	24,220.00
KUALA SELANGOR	34	10	29.41%	8	2	0	1	6	2	1				14,700.00	0.00
SABAK BERNAM	15	10	66.67%	4	5	10	6	1	3	0		4		10,000.00	5,000.00
JUMLAH	2,248	1,296	57.65%	1061	56	86	638	464	512	480	57	38	6	111,710,782.44	86,656,835.84

- b) Bilangan kes yang masih belum diselesaikan adalah seperti di dalam jadual di (a).

**LAPORAN KEMAJUAN PEMUTIHAN KILANG TANPA KEBENARAN MENGIKUT PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)
(SEHINGGAN MEI 2010)**

PBT	BILANGAN KILANG	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG (KM)			PERMOHONAN PELAN BANGUNAN (PB)			LESEN SEMENTARA				JUMLAH PEMBAYARAN LESEN SEMENTARA
		LULUS	TOLAK	TANGGUH	LULUS	TOLAK	TANGGUH	2007	2008	2009	2010	
MBSA	451	45	0	0	21	1	0	275	159	160	50	368,482.00
MBPJ	373							361	372	373		80,070.52
MPSJ	452	4	0	0	4	0	0	78	22	13		58,140.00
MPK	443	74			47			87	113	139		315,077.00
MPKj	590	138	2	1					320	367		276,800.00
MPAJ	226											
MPS	35											
MPSp	106	48	8	0	15	0	5			55		11,000.00
MDKL	209	11						100	100	8		62,400.00
MDKS	49	7	0	0	4	0	2			16		14,540.00
MDHS	55	5	2	3	6	2	3			31		12,185.00
MDSB	6							6	6	6		14,400.00
JUMLAH	2995	332	12	4	97	3	10	907	1092	1168	50	1,213,094.52

* jumlah pembayaran lesen sementara MPSJ masih belum dikemaskini kerana Bahagian Perlesenan tidak dapat memberi maklumat yang tepat. (pembayaran lesen kilang haram & kilang halal disekalikan)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA KAWASAN
(TERATAI)**

**TAJUK: TAPAK PERKUBURAN ISLAM DI TAMAN BUKIT TERATAI/SUNGAI
SEPUTEH, LOT 16339.908, KAWASAN TERATAI.**

42. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila jelaskan perkembangan projek tersebut.
- b) Adakah projek tersebut dapat kelulusan dari Pejabat Daerah, MPAJ dan Kerajaan Negeri Selangor.
- c) Apakah peranan ADN dalam perkara ini?

JAWAPAN :

- a) Status pada masa kini adalah dalam proses memulakan kerja-kerja tanah di tapak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)**

TAJUK : HAL SAMPAH

43. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan bagi pengurusan sampah di Negeri Selangor pada tahun ini? Sila beri pecahan bagi setiap PBT?
- b) Adakah Kerajaan Negeri membuat kajian khusus bagi mengurangkan kos perbelanjaan pengurusan sampah ini?
- c) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai cara-cara bagi menguruskan sampah dengan lebih efektif dan lebih saintifik?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : KAKITANGAN AWAM

44. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :
- a) Berapakah bilangan kakitangan Kerajaan Negeri Selangor mengikut pangkat, kaum dan umur secara terperinci?
 - b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri dapat menggalakkan pengambilan lebih kakitangan bukan Bumiputera untuk bekerja di sektor awam di Negeri Selangor?

JAWAPAN :

- a) Berdasarkan rekod statistik yang dikemas kini oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor pada 28 Oktober 2010, jumlah keseluruhan anggota Perkhidmatan Awam Negeri Selangor adalah seramai 18,485 orang merangkumi 42 Jabatan / Agensi secara keseluruhannya.

Daripada jumlah berkenaan, berikut diperincikan jumlah anggota berdasarkan pecahan taburan umur, pangkat dan kaum :

Bil.	Julat Umur	Kumpulan Pengurusan	Kumpulan Pengurusan Profesional	Kumpulan Sokongan
1.	>= 56 Tahun	6	30	643
2.	51 – 55 Tahun	15	93	2022
3.	46 – 50 Tahun	0	135	2093
4.	41 – 45 Tahun	0	114	1822
5.	36 – 40 Tahun	0	135	1664
6.	31 – 35 Tahun	0	272	2570
7.	26 – 30 Tahun	0	215	4176
8.	21 – 25 Tahun	0	32	2217
9.	<= 20 Tahun	0	0	35
10.	Tiada Maklumat Umur	0	20	176
	Jumlah Keseluruhan	21	1046	17418

Jadual 1 : Taburan umur dan kumpulan perkhidmatan

Bil.	Julat Umur	Kumpulan Pengurusan	Kumpulan Pengurusan Profesional	Kumpulan Sokongan
1.	Lelaki	21	636	11003
2.	Perempuan		410	6415
	Jumlah Keseluruhan	21	1046	17418

Jadual 2 : Taburan jantina dan kumpulan perkhidmatan

Bil.	Bangsa	Kumpulan Pengurusan	Kumpulan Pengurusan Profesional	Kumpulan Sokongan
1.	Melayu	21	994	15306
2.	Cina	0	9	89
3.	India	0	14	1767
4.	Pakistan	0	0	3
5.	Sri Lanka	0	1	7
6.	Indonesia	0	1	21
7.	Bumiputera Sabah	0	3	7
8.	Sabah Lain-lain	0	1	3
9.	Bumiputera Sarawak	0	2	10
10.	Sarawak Lain-lain	0	0	1
11.	Orang Asli (Semenanjung)	0	0	20
12.	Lain-lain Asia	0	0	3
13.	Lain-lain	0	0	3
14.	Tiada Maklumat	0	2	178
15.	Tiada Maklumat Bangsa	0	1	0
	Jumlah Keseluruhan	21	1046	17418

Jadual 3 : Taburan bangsa dan kumpulan perkhidmatan

- b) Dasar pengambilan kakitangan Tetap Negeri Selangor yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor (SPANS) adalah berdasarkan merit sepenuhnya. Tiada kuota tertentu mengikut kaum yang dilaksanakan dalam urusan pengambilan kakitangan ini.

Pada masa ini, hebahan Iklan Kekosongan Jawatan dilaksanakan melalui akhbar perdana berbahasa Malaysia, laman web rasmi Kerajaan Negeri Selangor dan laman web rasmi SPANS.

Berikutan daripada sesi taklimat yang diberikan kepada Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 4 Ogos 2010 lalu, SPANS turut akan mengiklankan kekosongan jawatan melalui surat khabar Cina dan Tamil di masa akan datang. Selain itu, Iklan kekosongan jawatan ini turut dipaparkan melalui laman web Selangor Kini sebagai langkah mempromosikan pengisian jawatan di kalangan bukan bumiputera di Jabatan / Agensi Negeri Selangor.

**PERTANYAAN - PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY
(BUKIT MELAWATI)**

TAJUK: GERAN TANAH UNTUK PENDUDUK KAWASAN SETINGGAN.

45. Proses menyiasat, mengumpul data, kelulusan untuk tanah dan mengeluarkan geran mengambil masa yang agak lama di Pejabat Tanah Daerah. Pengukuran tanah dan cadangan untuk mendapatkan geran bagi beberapa kawasan di Daerah Kuala Selangor telah dibiayai oleh Bukit Melawati sejak setahun yang lalu.

Kami berharap Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor akan melaksanakan perkara ini pada tahun ke 4 pemerintahannya.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Tolong berikan jangka masa bila perkara ini akan diselesaikan ?
Ini akan memberikan dorongan kepada kami untuk meneruskan dan mengemukakan lebih banyak cadangan bagi kawasan-kawasan lain.

JAWAPAN:

- a) Pejabat Tanah Kuala Selangor telah membuat banciaan dan telah menghantar Kertas Ringkasan ke MMKN untuk kelulusan EXCO. Namun pejabat Tanah dan Galian Selangor telah memulangkan semula Kertas Ringkasan untuk pihak pejabat ini mendapatkan maklumat terperinci pemohon sebelum diangkat ke MMKN.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK: BIASISWA DAN PINJAMAN

46. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Sila nyatakan berapakah jumlah penerima dan nilai Hadiah Pengajian IPT (biasiswa dan pinjaman) yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri sejak dua tahun yang lepas.

JAWAPAN:

- a) Bagi tempoh dua (2) tahun lepas, TKWBNS telah menawarkan pinjaman pelajaran mengikut pecahan seperti berikut:

Tahun	Bilangan Pelajar Ditawarkan	Bilangan Pelajar Terima Tawaran	Kos Pembiayaan
2008	1,056	693	RM3.98 juta
2009	1,077	742	RM4.26 juta
JUMLAH	2,133	1,435	RM8.24 juta

Seterusnya, jumlah keseluruhan penerima dan kos yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri bagi program Hadiah Pengajian IPT (HPIPT) setakat dua (2) tahun lepas adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Pelajar Diluluskan	Jumlah Peruntukan
2008	3,567	RM3,567,000.00
2009	6,014	RM6,014,000.00
JUMLAH KESELURUHAN	9,581	RM9,581,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK: PERUNTUKAN KAWASAN DUN

47. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan secara terperinci dengan bertulis kegunaan peruntukan di kawasan DUN yang ADUNnya terdiri daripada wakil Barisan Nasional dan khususnya bagi DUN Sungai Pelek.

JAWAPAN:

- a) Selaras dengan keputusan MMKN ke 24 / 2006 bertarikh 4 Oktober 2006, setiap Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (AMMKN) akan diperuntukkan sejumlah RM600,000.00 setahun dan RM 500,000.00 setahun bagi Ahli Dewan Negeri (ADN) bagi menjalankan program dan aktiviti serta tanggungjawab sebagai wakil rakyat di kawasan masing-masing.

Prestasi perbelanjaan peruntukan Ahli Dewan Negeri Kawasan (Sungai Pelek) Tahun 2010 sehingga 30 September 2010 adalah 88.3%. Perincian perbelanjaan mengikut kategori adalah seperti berikut :

Bil.	Kategori Perbelanjaan	Bil. Program	Jumlah Amaun Perbelanjaan (RM)
1.	Perbelanjaan Pengurusan Pejabat.		
	1.1 Pengubahsuaian Pejabat	1	1,955.00
	1.2 Pendahuluan Peruntukan ADN	1	30,000.00
	1.3 Pembelian Bekalan dan Perkhidmatan	17	35,319.80
2.	Melaksanakan Projek Kecil Pembangunan	12	194,144.00
3.	Sumbangan Kemasyarakatan secara tunai.		
	3.1. Perseorangan	6	4,200.00
	3.2 Pertubuhan	51	93,227.60
4.	Program dan Aktiviti Mesra Rakyat	15	82,755.50
	JUMLAH	103	441,601.90

Perincian perbelanjaan adalah seperti di lampiran.

SENARAI PERBELANJAAN PERUNTUKAN ADN SUNGAI PELEK TAHUN 2010
WARAN: (O.R.G) RM 500,000.00

BIL.	TARIKH	PROGRAM (ADN SUNGAI PELEK)	JUMLAH (RM)	STATUS PEMBAYARAN	PENERIMA
1	21/01/2010	Memohon Sumbangan Untuk Menjayakan Kursus Penghayatan Ibadat Solat Kanak-kanak.	1,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 0001 (S) No. Cek: 670232 Tarikh: 25.01.2010	PUSAT KHIDMAT MASYARAKAT DUN N56 SG. PELEK
2	21/01/2010	Memohon Peruntukan untuk Menganjurkan Upacara Pertunjukan Pentas Tokong Hock Shy Tarnq.	1,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 0002 (S) No. Cek: 670233 Tarikh: 25.01.2010	PUSAT KHIDMAT MASYARAKAT DUN N56 SG. PELEK
3	21/01/2010	Memohon Sumbangan Jamuan Makan Malam dan Majlis Penyampaian Ganjaran Wang Kepada Anak Keahlian Sempena Ulang Tahun ke-51, Rumah Berhala Thin Long Kong.	1,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 0003 (S) No. Cek: 670234 Tarikh: 25.01.2010	PERSATUAN PENGANUT DEWA THIN LONG KONG
4	21/01/2010	Memohon Peruntukan Untuk Sambutan 'Count Down' 2010.	3,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 0004 (S) No. Cek: 670235 Tarikh: 25.01.2010	JKKK KG. BARU SG. PELEK
5	21/01/2010	Sumbangan Kemasyarakatan Untuk Pesakit (Nipah bt Tahir, 360622-10-5448).	300.00	Sudah Bayar No. Baucer: 0005 (S) No. Cek: 670236 Tarikh: 25.01.2010	PUSAT KHIDMAT MASYARAKAT DUN N56 SG. PELEK
6	21/01/2010	Memohon Peruntukan Untuk Projek Pembinaan Bangunan Baru Sekolah.	2,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 0008 (S) No. Cek: 670239 Tarikh: 25.01.2010	J/K PEMBINAAN BANGUNAN SEKOLAH SJK (C) WAH LIAN SG. PELEK
7	21/01/2010	Perkhidmatan Bas Untuk Majlis Rumah Terbuka Krismas Peringkat N.Selangor 2009	450.00	Sudah Bayar No. Baucer: 0009 (S) No. Cek: 670240 Tarikh: 25.01.2010	SRG TRANSPORT
8	21/01/2010	Sumbangan untuk PA System & LCD Projector bg Kempen OSCC N.Selangor Peringkat DUN N56 Sg. Pelek.	1,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 0010 (S) No. Cek: 670241 Tarikh: 25.01.2010	MOHD. HARIZ ENTERPRISE
9	21/01/2010	Pemohonan Sumbangan Peruntukan Majlis Virgil 2009.	2,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 0011 (S) No. Cek: 670242 Tarikh: 25.01.2010	YUSSRI B. ABDULLAH
10	2/2/2010	Sumbangan Kemasyarakatan Sempena Sambutan Perayaan Tahun Baru Cina 2010 untuk OKU & Orang Berpendapatan Rendah.	10,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 0006 (S) No. Cek: 670238 Tarikh: 25.01.2010	PUSAT KHIDMAT MASYARAKAT DUN N56 SG. PELEK
11	2/2/2010	Sumbangan Kemasyarakatan Sempena Sambutan Perayaan Tahun Baru Cina 2010 untuk Fakir Miskin	10,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 0007 (S) No. Cek: 670237 Tarikh: 25.01.2010	PUSAT KHIDMAT MASYARAKAT DUN N56 SG. PELEK
12	8/2/2010	Sumbangan Kemasyarakatan untuk Kanagasabai a/1 Velautha Kavindan (401107-1-5281).	300.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00012 (S) No. Cek: 670243 Tarikh: 08.02.2010	PUSAT KHIDMAT MASYARAKAT DUN N56 SG. PELEK
13	8/2/2010	Sumbangan Kemasyarakatan untuk Azmiyah binti Mohamad Long (670319-10-6054).	300.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00013 (S) No. Cek: 670244 Tarikh: 08.02.2010	PUSAT KHIDMAT MASYARAKAT DUN N56 SG. PELEK
14	8/2/2010	Sumbangan Kemasyarakatan untuk Palaniammah a/p Kandasamy (440217-05-5010).	300.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00014 (S) No. Cek: 670245 Tarikh: 08.02.2010	PUSAT KHIDMAT MASYARAKAT DUN N56 SG. PELEK
15	8/2/2010	Menyediakan Tempat Solat Dalam Pejabat Pusat Khidmat Masyarakat DUN N56 Sg. Pelek.	1,955.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00015(S) No. Cek: 670246 Tarikh: 08.02.2010	ELLAY ENTERPRISE
16	8/2/2010	Sumbangan Kemasyarakatan untuk Hari Perayaan Thai Ponggal.	300.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00016 (S) No. Cek: 670247 Tarikh: 08.02.2010	SRI MAHA MARIAMMAN TEMPLE
17	8/2/2010	Sumbangan Kemasyarakatan untuk Mengadakan Kursus "Smart Solat" Anjuran Masjid Kg. Salak Tinggi, Sepang.	500.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00017 (S) No. Cek: 670248 Tarikh: 08.02.2010	MASJID KG. SALAK TINGGI'
18	8/2/2010	Sumbangan Kemasyarakatan untuk Hari Perayaan Thai Ponggal.	300.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00018 (S) No. Cek: 670249 Tarikh: 08.02.2010	PERSATUAN PENGIKUT-PENGIKUT DEWA SRI RAMAR-SUBRAMANIAN
19	8/2/2010	Membuat Banner untuk Tahun Baru Cina 2010.	691.20	Sudah Bayar No. Baucer: 00019 (S) No. Cek: 670250 Tarikh: 08.02.2010	SYARIKAT IKLAN & PERNIAGAAN LIAN HUP
20	8/2/2010	Sumbangan Kemasyarakatan Untuk Perkhemahan Pengakap Kanak-kanak.	2,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00020 (S) No. Cek: 695851 Tarikh: 08.02.2010	SJK (C) CHIA CHIAO
21	9/3/2010	Memasang dan Menurun Bunting dan Banner untuk Tahun Baru Cina 2010	600.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00021 (S) No. Cek: 695852 Tarikh: 10.03.2010	WOON SIEW LIM
22	24/3/2010	Sumbangan Kemasyarakatan Secara Tunai - Peruntukan Program Gotong Royong Pembersihan Sekitar RTB Labu Lanjut & Premis-premis JKK Kg. Baru Lanjut.	2,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00022 (S) No. Cek: 695853 Tarikh: 24.03.2010	JKK SURAU DESA RTB LABU LANJUT

BIL.	TARIKH	PROGRAM (ADN SUNGAI PELEK)	JUMLAH (RM)	STATUS PEMBAYARAN	PENERIMA
23	24/3/2010	Sumbangan Kemasyarakatan Secara Tunai - Sumbangan Sempena "Karnival Sambutan Maulidurrasul 1431H" Taman Sri Bayu Bagan Lalang.	2,500.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00023 (5) No. Cek: 695854 Tarikh: 24.03.2010	SURAU AN NUR
24	24/3/2010	Sumbangan Kemasyarakatan Secara Tunai - Memohon Sumbangan Ikhlas untuk Membiayai Kos Pesta Ponggal 2010.	1,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00024 (5) No. Cek: 695855 Tarikh: 24.03.2010	PERSATUAN PEMBINAAN KUIL ARULMIGU SRI MAHA MARIAMMAN
25	24/3/2010	Sumbangan Kemasyarakatan Secara Tunai - Memohon Peruntukan untuk Membersihkan Sampah & Memotong Rumput di Kg. Chincang	2,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00025 (5) No. Cek: 695856 Tarikh: 24.03.2010	JKKK KG. BARU SALAK
26	24/3/2010	Sumbangan Kemasyarakatan Secara Tunai - Permohonan Peruntukan bagi Menganjurkan Program Sambutan Maulidurrasul 1431H/2010 Peringkat Jawatankuasa Perundingan Penduduk Zon BBST Utara.	2,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00026 (5) No. Cek: 695857 Tarikh: 24.03.2010	ROHAYA BINTI DATUK MOHD SHAHIR
27	24/3/2010	Sumbangan Kemasyarakatan Secara Tunai - Memohon Sumbangan Jamuan Sempena Aktiviti G.Royong Sekolah	1,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00027 (5) No. Cek: 695858 Tarikh: 24.03.2010	PIBG SEK REN KEB METHODIST SG. PELEK
28	24/3/2010	Sumbangan Kemasyarakatan Secara Tunai - Memohon Sumbangan untuk Program G.Royong JKKK Kg. Bagan Lalang	2,500.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00028 (5) No. Cek: 695859 Tarikh: 24.03.2010	JKKK KG. BAGAN LALANG
29	24/3/2010	Sumbangan Kemasyarakatan Secara Tunai - Bantuan Peralatan Surau Kg. Lembah Paya Salak.	985.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00029 (5) No. Cek: 695860 Tarikh: 24.03.2010	MUTIARA IT & MULTIMEDIA
30	24/3/2010	Sumbangan Kemasyarakatan Secara Tunai - Memohon Sumbangan Untuk Baik Pulih Sek. KAFA Intergrasi Al-Hijrah Kg. Bagan Lalang	2,500.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00030 (5) No. Cek: 695861 Tarikh: 24.03.2010	KAFAL AL HIJRAH KG. BAGAN LALANG
31	24/3/2010	Program & Aktiviti Mesra Rakyat - Sumbangan Tambahan Untuk Sambutan Perayaan Tahun Baru Cina 2010, Peruntukan untuk Orang Miskin, Org Berpendapatan Rendah & OKU DUN N56 Sg. Pelek.	2,002.50	Sudah Bayar No. Baucer: 00031 (5) No. Cek: 695862 Tarikh: 24.03.2010	PUSAT KHIDMAT MASYARAKAT DUN N56 SG. PELEK
32	7/4/2010	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Baik PulihPagar ' Chain Link Plastic Coated' Serta Kerja-Kerja Berkaitan Dengannya di Balai Raya, Kg Tg. Mas, Bt 2, Sepang.	19,780.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00032 (5) No. Cek: 695863 Tarikh: 07.04.2010	ZAHRA NIAGA ENTERPRISE
33	7/4/2010	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Baik Pulih Jalan Premix Serta Telinga Culvert di Jalan Ketua Kampung, Kg Tg. Mas, Bt 2, Sepang.	19,600.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00033 (5) No. Cek: 695864 Tarikh: 07.04.2010	SHAMA CONSTRUCTION
34	14/04/2010	Kerja-Kerja Membaiki dan Memasang Longkang Sepanjang 150 Meter di Lapis Lima Kampung Baru Sunagi Pelek.	19,500.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00034 (5) No. Cek: 695865 Tarikh: 15.04.2010	BUMI EMPAT ENTERPRISE
35	14/04/2010	Kerja-Kerja Membaiki dan Memasang Longkang di Taman Sri Merbau 1, Sg. Pelek.	17,500.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00035 (5) No. Cek: 695866 Tarikh: 15.04.2010	MYT BERKAT ENTERPRISE
36	14/4/2010	Kerja-Kerja Membina Tembok Sekolah Kebangsaan Methodist, Sungai Pelek, Sepang	13,500.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00036 (5) No. Cek: 695867 Tarikh: 15.04.2010	FASCO DAYA MAJU
37	14/4/2010	Kerja-Kerja Menurap Premix Jalan Sejaht 250m x 2m di Kg. Giching, Salak.	19,740.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00037 (5) No. Cek: 695868 Tarikh: 15.04.2010	MOMAT ENTERPRISE
38	15/4/2010	Kerja-Kerja Mengorek dan Mencuci Semula Parit Serta Kerja-Kerja Menambak Crusher-Run dan Premix Baru Di Taman Sri Merbau 1, Sg. Pelek	15,500.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00038 (5) No. Cek: 695869 Tarikh: 15.04.2010	FARIHAS ENTERPRISE
39	15/04/2010	Sumbangan Kemasyarakatan secara Tunai - untuk Majlis Tilawah Al-Quran Daerah Sepang.	500.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00039 (5) No. Cek: 695870 Tarikh: 15.04.2010	SMK PANTAI SEPANG PUTRA
40	15/04/2010	Sumbangan Kemasyarakatan secara Tunai - untuk Sambutan Hari Perayaan Kuil Sri Maha Mariamman Ladang Teluk Merbau.	1,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00040 (5) No. Cek: 695874 Tarikh: 15.04.2010	SRI MAHA MARIAMMAN TEMPLE
41	15/04/2010	Sumbangan Kemasyarakatan Secara Tunai- Untuk Atlet Silat Sepang yang Mewakili Selangor dan Peralatan Latihan	4,400.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00041 (5) No. Cek: 695875 Tarikh: 15.04.2010	PESAKA DAERAH SEPANG
42	15/04/2010	Menyediakan Minum Petang bagi Majlis Pembayaran Fasa Kedua (Siri Pertama 2010) Skim Mesra Usia Emas Dun N56 Sg.Pelek dan Dun Dengkil	360.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00042 (5) No. Cek: 695873 Tarikh: 15.04.2010	EDY AKHBAR BIN IBRAHIM
43	15/04/2010	Kerja-Kerja Membersih, Meracun Longkang dan Membersih takungan Air di Jalan Haji Supi Kampung Salak	13,500.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00043 (5) No. Cek: 695876 Tarikh: 15.04.2010	TEMUAN SEPAKAT ENTERPRISE
44	15/04/2010	Tabung Wang Pendahuluan ADUN	30,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00044 (5) No. Cek: 695877 Tarikh: 15.04.2010	PUSAT KHIDMAT MASYARAKAT DUN N56 SUNGAI PELEK
45	24/05/2010	Kerja-Kerja Membina Pondok Bas Taman Kedidi di Bagan Lalang dan Kerja-Kerja Berkaitan	15,700.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00045 (5) No. Cek: 695878 Tarikh: 24.05.2010	PAKATAN TEKNIK ENTERPRISE

BIL.	TARIKH	PROGRAM (ADN SUNGAI PELEK)	JUMLAH (RM)	STATUS PEMBAYARAN	PENERIMA
46	24/05/2010	Kerja-Kerja Mengorek Parit Tanah dan Meracun Serta Kerja-Kerja Berkaitan di Jalan Seri Jaya, Kg Hulu Chuchoh	15,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00046 (S) No. Cek: 695879 Tarikh: 15.04.2010	SEPANG PADU ENTERPRISE
47	29/06/2010	Kerja-Kerja Membaiki, Memasang Siling dan Mengganti Papan Lapis Dinding di Rumah PPRT En. Kamal Bin Abdullah, Alamat No.150, Batu 27, Jenderam Hulu.	9,760.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00047 (S) No. Cek: 695880 Tarikh: 29.06.2010	WARISAN ERAS ENTERPRISE
48	29/06/2010	Kerja-Kerja Membina Pondok Menunggu bagi Murid S.K. Kampung Baharu Lanjut	15,064.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00048 (S) No. Cek: 695881 Tarikh: 29.06.2010	IZZAT MAJU
49	29/6/2010	Memohon Peruntukan untuk menganjurkan upacara Sembahyang musim bunga di Tapak Perkuburan Cina Salak.	2,500.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00049 (S) No. Cek: 695883 Tarikh: 29.06.2010	THIAM KONG HONG & NG THIAN MENG
50	29/6/2010	Sumbangan untuk menyambut Hari Pekerja 2010	1,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00050 (S) No. Cek: 695884 Tarikh: 29.06.2010	MUNIANDY A/L MOTTAYAN
51	29/6/2010	Memohon Peruntukan dana untuk program meningkatkan sosio-ekonomi kaum wanita Kg. Hulu Chuchoh melalui kursus jahitan berkelompok siri 1, (Baju Kurung Pesak) - 10 Orang peserta.	2,500.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00051(S) No. Cek: 695885 Tarikh: 29.06.2010	JKKK KG HULU CHUCHOH
52	29/06/2010	Permohonan untuk mendapatkan peruntukan wakil rakyat DUN Selangor bagi sumbangan kepada pelajar cemerlang, warga emas dan kurang upaya sempena Majlis Mesra bersama pemimpin dengan penduduk Kg. Giching	1,200.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00052(S) No. Cek: 695886 Tarikh: 29.06.2010	JKKK KG SALAK TINGGI
53	29/06/2010	Memohon peruntukan dana bagi Program Mesra Rakyat bersama penduduk Kampung.	2,500.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00053(S) No. Cek: 695887 Tarikh: 29.06.2010	JKKK KG HULU CHUCHOH
54	29/06/2010	Memohon peruntukan dana bagi membiayai program motivasi pelajar tahun 5 & 6 Kafa Integrasi Ehsanuddin Kampung Hulu Chuchoh.	1,875.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00054(S) No. Cek: 695888 Tarikh: 29.06.2010	Kafa Integrasi Ehsanuddin
55	29/06/2010	Memohon sumbangan untuk membeli pam air bagi Sekolah Menengah Kebangsaan Pantai Sepang Putra, Sungai Pelek	2,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00055(S) No. Cek: 695889 Tarikh: 29.06.2010	PIBG SMK PANTAI SEPANG PUTRA
56	29/06/2010	Memohon peruntukan untuk menganjurkan perayaan ulang tahun Persatuan Penganut Dewa Natoting Sepang	1,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00056(S) No. Cek: 695890 Tarikh: 29.06.2010	PERSATUAN PENGANUT DEWA NATOTING SEPANG
57	29/06/2010	Sukan Tahunan 2010 Ke 30, Sekolah Kebangsaan Kg. Baharu Lanjut.	500.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00057(S) No. Cek: 695891 Tarikh: 29.06.2010	PIBG SEK. KEB. KG. BAHARU LANJUT
58	29/06/2010	Menyediakan makan & minum petang bagi majlis penyampaian Fasa Kedua (Siri Ketiga 2010) SMUE DUN 56 Sg Pelek dan DUN Dengkil, Sepang.	720.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00058(S) No. Cek: 695892 Tarikh: 29.06.2010	EDY AKHBAR BIN IBRAHIM
59	29/06/2010	Memohon Sumbangan belanja mewujudkan sudut pembelajaran sendiri / Sal (Self Access Learning)	1,630.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00059(S) No. Cek: 695893 Tarikh: 29.06.2010	PIBG SEK. KEB. KG. BAHARU LANJUT
60	29/06/2010	Memohon peruntukan meja untuk balairaya JKKK Kg Baharu Lanjut	1,650.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00060(S) No. Cek: 695894 Tarikh: 29.06.2010	PERNIAGAAN CIN YANG
61	29/06/2010	Membeli meja untuk kegunaan pejabat pusat khidmat masyarakat DUN 56 Sungai Pelek	825.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00061(S) No. Cek: 695896 Tarikh: 29.06.2010	PERNIAGAAN CIN YANG
62	29/7/2010	Memohon Dana Untuk Tabung PIBG Sekolah	2,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00062(S) No. Cek: 695898 Tarikh: 29.07.2010	PIBG SRJK (T) BDR BARU SALAK TINGGI
63	29/7/2010	Memohon Sumbangan Bagi Program Tilawah Al-Quran	2,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00063(S) No. Cek: 695899 Tarikh: 29.07.2010	JKKK KG TANJUNG MAS
64	29/7/2010	Memohon Peruntukan Bagi PIBG SJK (C) Sepang Untuk Tujuan Menjalankan Aktiviti-Aktiviti Tahunan	2,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00064(S) No. Cek: 695900 Tarikh: 29.07.2010	PIBG SJK (C) SEPANG
65	29/7/2010	Memohon Bantuan Kewangan untuk Kuil Sri Maha Mariammam Kg. Chincang	1,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00065(S) No. Cek: 695901 Tarikh: 29.07.2010	GUNASEGARAN A/L PERUMAL
66	29/7/2010	Memohon Peruntukan untuk Majlis Makan Malam Sempena Ulang Tahun Persatuan	1,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00066(S) No. Cek: 695902 Tarikh: 29.07.2010	PERSATUAN KETURUNAN TANG MALAYSIA SELATAN
67	29/7/2010	Memohon Peruntukan Dana Bagi Program Sambutan Israk Mikraj	700.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00067(S) No. Cek: 695903 Tarikh: 29.07.2010	JKKK KG HULU CHUCHOH
68	29/7/2010	Sumbangan Kepada Kursus Pengenalan Rela Siri 02/2010 Daerah Sepang pada 6 Jun 2010	1,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00068(S) No. Cek: 695904 Tarikh: 29.07.2010	RELA 0235 SG. PELEK

BIL.	TARIKH	PROGRAM (ADN SUNGAI PELEK)	JUMLAH (RM)	STATUS PEMBAYARAN	PENERIMA
69	29/7/2010	Memohon Peruntukan untuk Menganjurkan Perayaan Ulang tahun Kelab Nyanyian Warga Mas Sg. Pelek	1,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00069(S) No. Cek: 695905 Tarikh: 29.07.2010	KELAB NYANYIAN WARGA MAS SUNGAI PELEK.
70	29/7/2010	Majlis Penyampaian Notis 5A Kepada Penduduk Kampung Baru Sungai Pelek.	2,500.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00070(S) No. Cek: 695906 Tarikh: 29.07.2010	REZEKI FOODSTUFF ENTERPRISE
71	29/7/2010	Memohon Peruntukan Peralatan untuk Masyarakat DUN N56	13,100.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00071(S) No. Cek: 695908 Tarikh: 29.07.2010	CLAY CITY TRADING SDN BHD
72	29/7/2010	Memohon Peruntukan Bagi Menganjurkan Program Seminar Strategi Menjawab Soalan Peperiksaan UPSR 2010	2,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00072(S) No. Cek: 695909 Tarikh: 29.07.2010	IKATAN WANITA ISLAM SEPANG (E WANIS)
73	29/7/2010	Membeli Barang-Barang Elektrik Untuk Balai Raya Kampung Baru Lanjut	3,103.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00073(S) No. Cek: 695910 Tarikh: 29.07.2010	SYARIKAT SENG BROTHERS LETRIK
74	29/7/2010	Memohon Peruntukan untuk Mengadakan Program Hari Kesihatan di Balairaya Kampung Baru Lanjut.	2,500.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00074(S) No. Cek: 695911 Tarikh: 29.07.2010	JKKK KG BARU LANJUT
75	29/7/2010	Memohon Peruntukan Untuk Membuat Program Mesra Penduduk Kampung dan Pertandingan Ping Pong	1,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00075(S) No. Cek: 695912 Tarikh: 29.07.2010	JKKK KG JELUTONG INDAH
76	29/7/2010	Memohon Peruntukan DUN Untuk Program Mesra Rakyat	1,500.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00076(S) No. Cek: 695913 Tarikh: 29.07.2010	JKKK KG GICHING
77	8/8/2010	Memohon Kemudahan Jalan Bertar di Kuil Sri Athusaya Vinayagar Sungai Pelek	10,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00077(S) No. Cek: 695915 Tarikh: 11.08.2010	KUIL SRI ATHISAYA VINAYAGAR SUNGAI PELEK
78	9/8/2010	Memohon Peruntukan bagi Meraikan Hari Dewa Soo Tian Kong	1,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00078(S) No. Cek: 695916 Tarikh: 11.08.2010	SOO TIAN KONG TEMPLE
79	9/8/2010	Bayaran Sewa Mesin Fotostat untuk Satu Tahun	7,200.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00079(S) No. Cek: 695917 Tarikh: 11.08.2010	SASTRONIC SDN. BHD.
80	9/8/2010	Memohon Peruntukan untuk Program Bengkel Masakan Aneka Roti dan Pisang di Rumah Kaum Ibu di Kg. Jenderam Hulu	3,942.60	Sudah Bayar No. Baucer: 00080(S) No. Cek: 695918 Tarikh: 11.08.2010	JKKK JENDERAM HULU
81	9/8/2010	Memohon Peruntukan untuk memperbaiki paip air	2,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00081(S) No. Cek: 695919 Tarikh: 11.08.2010	PERSATUAN IBU BAPA DAN GURU SRJK (T) SEPANG
82	9/8/2010	Memohon Peruntukan untuk membiayai Kejohanan Bola Keranjang Lelaki Terbuka 2010	2,500.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00082(S) No. Cek: 695920 Tarikh: 11.08.2010	PERSATUAN BOLA KERANJANG DAERAH SEPANG
83	9/8/2010	Memohon Peruntukan untuk Rumah Kebajikan Kanak-kanak Roy Of Hope Pantai Sepang Putra	2,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00083(S) No. Cek: 695921 Tarikh: 11.08.2010	ROY OF HOPE CHILDREN'S HOPE
84	13/8/2010	Sumbangan Sempena Karnival Sambutan Maulidur Rasul 1431H/2010 Surau Taman Sri Bayu Bagan Lalang Sungai Pelek (cek gantian)	2,500.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00023(S) No. Cek: 695922 Tarikh: 11.08.2010	SURAU TAMAN SRI BAYU
85	17/8/2010	Sumbangan Kemasyarakatan untuk Hari Raya Aidilfitri 2010 bagi Kampung Hulu Chuchoh & Kg. Bagan Lalang	11,830.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00084(S) No. Cek: 695923 Tarikh: 18.08.2010	PUSAT KHIDMAT MASYARAKAT DUN N56 SUNGAI PELEK
86	17/8/2010	Sumbangan Kemasyarakatan untuk Hari Raya Aidilfitri 2010 bagi Kg. Jenderam Hulu & Kg Bharu Lanjut	9,880.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00085(S) No. Cek: 695924 Tarikh: 18.08.2010	PUSAT KHIDMAT MASYARAKAT DUN N56 SUNGAI PELEK
87	17/8/2010	Sumbangan Kemasyarakatan untuk Hari Raya Aidilfitri 2010 bagi Kg Salak tinggi & Kg Giching	12,480.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00086(S) No. Cek: 695925 Tarikh: 18.08.2010	PUSAT KHIDMAT MASYARAKAT DUN N56 SUNGAI PELEK
88	17/8/2010	Sumbangan Kemasyarakatan untuk Hari Raya Aidilfitri 2010 bagi Kg jelutong Indah & Tanjung Mas	7,280.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00087(S) No. Cek: 695926 Tarikh: 18.08.2010	PUSAT KHIDMAT MASYARAKAT DUN N56 SUNGAI PELEK
89	26/8/2010	Permohonan Peruntukan bg menjayakan Pesta Tanglung Kampung Baru Salak	4,760.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00088(S) No. Cek: 695927 Tarikh: 26.08.2010	JKKK KG BARU SALAK
90	26/8/2010	Memohon Peruntukan Dana bg Program Rumah Terbuka JKKK Kg Hulu Chuchoh Sempena Hari Raya Aidilfitri 1431H	1,900.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00089(S) No. Cek: 695928 Tarikh: 26.08.2010	JKKK KG HULU CHUCHOH
91	26/8/2010	Bayaran untuk memperbaiki "Foging Machine"	337.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00090(S) No. Cek: 695929 Tarikh: 26.08.2010	LT. HARDWARE & MACHINERY TRADING

93	23/09/2010	Memohon Peruntukan Dana bg Program Rumah Terbuka JKKK Kg Hulu Chuchoh Sempena Hari Raya Aidilfitri 1431H	1,900.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00092(S) No. Cek: 695931 Tarikh: 23.09.2010	JKKK KG HULU CHUCHOH
94	23/09/2010	Memohon sumbangan Program Mengacau Dodol Bersama Rakyat	1,500.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00093(S) No. Cek: 695933 Tarikh: 23.09.2010	JKKK KG BAGAN LALANG
95	23/09/2010	Memohon Sumbangan Untuk Parayaan Ulang Tahun Kuil	2,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00094(S) Tarikh: 23.09.2010	PUSAT KHIDMAT MASYARAKAT
96	23/09/2010	Memohon Sumbangan Untuk Perayaan Ulang Tahun Kuil Sri Maha Marianan Tg Mas Batu 2	1,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00095(S) No. Cek: 695935 Tarikh: 23.09.2010	PUSAT KHIDMAT MASYARAKAT DUN N56 SUNGAI PELEK
97	23/09/2010	Memohon Peruntukan Untuk Mengadakan Majlis Berbuka Puasa di Surau Desa RTB Kg Baru Lanjut	1,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00096(S) No. Cek: 695936 Tarikh: 23.09.2010	SURAU DESA RTB LABU LANJUT
98	23/09/2010	Memohon Peruntukan Untuk Persatuan Murid-Murid Tua Sekolah- Sekolah China Sg Pelek	2,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00097(S) No. Cek: 695937 Tarikh: 23.09.2010	PERSATUAN MURID-MURID TUA SEKOLAH-SEKOLAH CHINA SG PELEK
99	23/09/2010	Sumbangan Program Majlis Sambutan Hari Raya Taman Sri Bayu	2,500.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00098(S) No. Cek: 695938 Tarikh: 23.09.2010	PERTUBUHAN PENDUDUK TAMAN SRI BAYU
100	29/09/2010	Bayaran Perkhidmatan Bas Untuk Program Sumbangan PEKAWANIS Sempena Ramadhan 2010	450.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00099(S) No. Cek: 695939 Tarikh: 29.09.2010	PUSAT KHIDMAT MASYARAKAT DUN N56 SUNGAI PELEK
101	29/09/2010	Memasang Penutup Longkang Yang Baru di Tepi Pasar Raya Bintang Ria, Sungai Pelek	450.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00100(S) No. Cek: 695940 Tarikh: 29.09.2010	SINLITA ENGINEERING
102	29/09/2010	Sumbangan Makanan Untuk Orang Yang Terlibat Dalam Bencana Banjir di Kampung Chincang, Salak, Salak Tinggi, Giching dan Lembah Paya	929.60	Sudah Bayar No. Baucer: 00101(S) No. Cek: 695941 Tarikh: 29.09.2010	REZEKI FOOD STUFF ENTERPRISE
103	29/09/2010	Bayaran Banner Untuk Hari Raya Aidilfitri 2010 dan Deepavali 2010	3,072.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00102(S) No. Cek: 695942 Tarikh: 29.09.2010	EUGO ENTERPRISE
		JUMLAH	441,601.90		

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : RUMAH DILELONG

48. Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar:
- a) Berapakah bilangan warga Selangor golongan miskin yg menghadapi masalah rumah mereka akan dilelong kerana ketidakupayaan membayar bayaran bulanan yg ditetapkan; kerana hilang pekerjaan, sakit atau kecacatan fizikal.
 - b) Apakah bantuan serta-merta yg diberi oleh Kerajaan Negeri Selangor kepada golongan yg bermasalah tersebut utk menyelamatkan rumah tempat tinggal mereka dari dilelong?

JAWAPAN :

- a) Berdasarkan rekod data Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) bagi tempoh tiga tahun terkini, sebanyak 1,512 permohonan kebenaran melelong rumah kos rendah telah diterima daripada pihak berkepentingan iaitu institusi pembiaya bagi melelong hartanah tersebut ekoran kegagalan pemilik membuat bayaran ansuran pinjaman perumahan seperti yang ditetapkan.

Walau bagaimanapun, LPHS tidak mempunyai maklumat mengenai sebab-sebab terperinci berkenaan kegagalan pemilik membayar ansuran pinjaman perumahan bagi RKR sama ada disebabkan oleh hilang pekerjaan, sakit atau kecacatan fizikal sehingga menyebabkan hartanah tersebut dilelong kerana permohonan kebenaran melelong yang dikemukakan oleh pihak berkepentingan tidak menyatakan sebab-sebab kegagalan pemilik. Maklumat tersebut merupakan maklumat sulit yang hanya diketahui oleh agensi pembiaya.

Manakala LPHS yang bertindak selaku institusi pembiaya bagi pihak Kerajaan Negeri Selangor telah memfailkan sebanyak 17 kes di pejabat tanah / daerah di seluruh Selangor untuk mendapatkan perintah jualan bagi melelong Rumah Awam Kos Rendah yang mempunyai tunggakan. Hasil dari sesi siasatan yang dijalankan oleh Pentadbir Tanah, didapati kebanyakan pemilik akaun yang tegar membuat bayaran memberikan alasan tidak berkemampuan untuk membuat bayaran kerana tidak lagi bekerja disebabkan uzur dan lanjut usia.

- b) Dalam usaha untuk membantu pemilik rumah yang akan dilelong rumah kediaman mereka, Kerajaan Negeri telah mengadakan perbincangan bersama pihak bank agar melanjutkan lagi tempoh masa sebelum tindakan melelong diambil bagi membolehkan mereka menyelesaikan tunggakan ansuran pinjaman. Pihak bank juga telah membuka kaunter rundingan supaya pemilik rumah terlibat dapat berunding terlebih dahulu bagi menyelaraskan semula baki pinjaman sedia ada untuk membolehkan mereka membayar secara ansuran setiap bulan mengikut kemampuan mereka.

Selain dari itu, pemilik rumah terlibat juga akan diberi khidmat nasihat yang bersesuaian oleh LPHS dalam menyelesaikan permasalahan mereka iaitu antara nasihat yang biasanya diberi adalah agar pemilik membuat pengeluaran Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mereka di bawah skim pengurangan pinjaman perumahan yang boleh dikeluarkan sekali setiap tahun. Bayaran tersebut akan terus dibuat atas nama pihak bank untuk dimasukkan ke dalam akaun pinjaman perumahan pemilik rumah berkenaan.

Sementara itu, bagi pemilik rumah yang tidak mampu membuat bayaran bulanan yang ditetapkan atas sebab-sebab seperti hilang pekerjaan, sakit atau kecacatan fizikal juga boleh membuat permohonan bantuan daripada Lembaga Zakat Selangor (LZS) untuk menyelesaikan tunggakan ansuran pinjaman perumahan mereka. Bagi membantu pemilik-pemilik rumah yang telah dilelong dan tiada lagi kediaman, mereka bolehlah terus membuat permohonan penyewaan di projek Program Perumahan Rakyat (PPR) atau *Council Homes* di seluruh Negeri Selangor melalui LPHS.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

**TAJUK : ELAUN, TUNTUTAN DAN BONUS AHLI-AHLI LEMBAGA BUKIT
BERUNTING GOLF & COUNTRY RESORT BHD (BBGC)**

49. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan Ahli-ahli Lembaga BBGC.
- b) Berapakah elaun dan tuntutan bulanan setiap Ahli Lembaga BBGC bagi tahun 2008 dan 2009?
- c) Berapakah bonus, jika ada, yang diterima oleh setiap Ahli Lembaga BBGC bagi tahun 2008 dan 2009?

JAWAPAN :

a)

BIL.	NAMA	JAWATAN
1.	Yb Dato' Mohd Arif Bin Ab Rahman	Pegawai Kewangan Negeri
2.	Tuan Nor Hisham Bin A.Dahlan	Pegawai Daerah Hulu Selangor
3.	Tuan Tukiman Bin Nail	Yang Dipertua Majlis Daerah Hulu Selangor
4.	Tuan Amirudin Bin Shari	Ahli Dewan Undangan Negeri
5.	Tuan Mohd Azizi Bin Mohd Zain	Bendahari Negeri Selangor
6.	Tuan Edlin Bin Ghazaly	Peguam

b)

Bil.	Nama Ahli Lembaga	Tarikh Mesyuarat	Tahun 2008 (Rm)
1.	Yb Dato' Mohd Arif Bin Ab Rahman	16 Disember 2008	300.00
2.	Tuan Nor Hisham Bin A.Dahlan	-	-
3.	Tuan Tukiman Bin Nail	-	-
4.	Tuan Amirudin Bin Shari	-	-
5.	Tuan Mohd Azizi Bin Mohd Zain	-	-

BIL.	NAMA AHLI LEMBAGA	TARIKH MESYUARAT	TAHUN 2009 (RM)
1.	YB DATO' MOHD ARIF BIN AB RAHMAN	29 Januari 2009	300.00
		19 Jun 2009	300.00
		3 September 2009	300.00
2.	TUAN NOR HISHAM BIN A.DAHLAN	29 Januari 2009	300.00
		19 Jun 2009	300.00
		3 September 2009	300.00
3.	TUAN TUKIMAN BIN NAIL	29 Januari 2009	300.00
		19 Jun 2009	300.00
		3 September 2009	300.00
4.	TUAN AMIRUDIN BIN SHARI	29 Januari 2009	300.00
		19 Jun 2009	300.00
		3 September 2009	300.00
5.	TUAN MOHD AZIZI BIN MOHD ZAIN	29 Januari 2009	300.00
		19 Jun 2009	300.00
		3 September 2009	300.00

c) Tiada pemberian bonus kepada Ahi Lembaga BBGC bagi tahun 2008 dan 2009.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB TUAN EDWARD LEE POH LIN
(BUKIT GASING)**

TAJUK : IBU PEJABAT PERBADANAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR (PKNS)

50. Bertanya Kepada YAB. Dato Menteri Besar;
- a) Sila nasihat bila projek ini telah dianugerahkan kepada Tetuan Puncak Wangi Sdn Bhd dan berkongsi milik pihak-pihak yang terbabit seperti PKNS dan Puncak Wangi Sdn Bhd.
 - b) Sudahkah Majlis Bandar raya Petaling Jaya menasihati pihak pemaju berikutan kekangan dari segi infrastruktur, utiliti, pembedungan, syarat-syarat merancang sebelum mempertimbangkan permohonan untuk mendapatkan perintah pembangunan (*development order*)?
 - c) Sila nasihat secara ringkas cadangan-cadangan ini mengenai apa yang boleh dan tidak boleh dilakukan oleh pemaju dan syarat-syarat mereka.

JAWAPAN:

Pihak PKNS tidak dapat menyediakan jawapan kerana soalan ini tidak berkaitan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : PUSAT HIBURAN

51. Industri hiburan telah mendapat tempat di kalangan peniaga di Bandar besar yang disebabkan banyaknya permintaan dari kalangan masyarakat.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Berapa banyakkah pusat hiburan yang terdapat di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Klang ?
- b) Daripada jumlah tersebut, berapakah jumlah yang mendapat lesen beroperasi dari MPK ?
- c) Apakah kriteria atau syarat-syarat yang perlu di penuhi apabila membuka pusat hiburan dan bagaimanakah MPK memantau agar syarat-syarat tersebut di patuhi setiap masa ?

JAWAPAN :

- a) Jumlah pusat hiburan yang terdapat di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Klang ialah sebanyak 82
- b) Jumlah yang mendapat lesen dari MPK IALAH SEBANYAK 82 LESEN
- c)
 - i) Kriteria / syarat-syarat yang perlu untuk membuka Pusat Hiburan adalah mengikut "Dasar dan Garis Panduan Pemberian Lesen Hiburan dan Tempat Hiburan di kawasan PBT di Negeri Selangor (PBT:KT Bil 3/2001) yang dikeluarkan oleh pihak SUK.
 - ii) MPK akan membuat pemantauan setiap tahun sebelum pembaharuan lesen pemeriksaan berkala oleh MPK.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : GAJI MINIMA PEKERJA-PEKERJA DI SELANGOR

52. Tuntutan pekerja-pekerja mengenai gaji minima terus disuarakan oleh persatuan sekerja – termasuk di Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Sejauh manakah tuntutan memberi harapan kepada pekerja-pekerja?
- b) Dengan taraf hidup di Selangor adalah tinggi, sebanyak mana kira-kira gaji minima yang sesuai bagi pekerja-pekerja di Selangor?
- c) Adakah kerajaan Selangor mahu memberi gaji minima kepada pekerja-pekerjanya?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : SKIM MIKRO KREDIT SELANGOR (SKIMSEL)

53. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar;
- a) Sila nyatakan apakah matlamat utama penubuhan SKIMSEL dan faedahnya kepada peniaga secara kecil-kecilan ?
 - b) Sila nyatakan golongan manakah yang difokuskan untuk diberi bantuan pinjam tersebut dan berapakah caj perkhidmatan yang dikenakan ?
 - c) Sila nyatakan apakah kaedah pembayaran balik dan cara kutipan tersebut dibuat ?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : ISU BEKAS PEKERJA LADANG PERANG BESAR, SEDGELY,
GALLOWAY DAN MEDINGLY**

54. Penduduk Taman Permata Dengkil telah mengadakan bantahan 24 jam mengutarakan masalah perumahan flat mereka 2 bulan yang lalu. Kerajaan negeri melalui Exco- nya YB. Xavier Jayakumar turut memberi sokongan kepada bantahan penduduk dan berjanji kerajaan negeri akan mendapatkan tanah untuk penduduk.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah *progress* dalam usaha kerajaan negeri dalam menyelesaikan isu ini?

JAWAPAN :

a) Projek perumahan Taman Permata yang telah dibina merupakan projek yang dilaksanakan oleh Perbadanan Putrajaya ketika itu setelah ladang yang didiami oleh para pekerja ladang telah diambil untuk tujuan pembangunan Putrajaya. Setelah disiapkan, ia diserahkan kepada Pernerbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri (SSI) untuk tujuan penjualan kepada para bekas pekerja ladang yang layak pada tahun 1998. Walau bagaimanapun sejak akhir-akhir ini kediaman tersebut mengalami beberapa kerosakan yang menyebabkan para penduduk membuat aduan berkaitan keselamatan kediaman tersebut. Satu siasatan telah dibuat oleh Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) iaitu anak syarikat di bawah SSI baru-baru ini dan mendapati bangunan tersebut masih selamat diduduki. PNSB akan melakukan kerja-kerja baik pulih setelah mendapat peruntukan Kerajaan Negeri. Pada masa yang sama Kerajaan Negeri bersetuju untuk mencari tanah ganti bagi perumahan tersebut sekiranya Kerajaan Persekutuan bersetuju untuk menanggung kos pembinaan. Ini kerana pemindahan bekas pekerja ladang Putrajaya adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

**TAJUK : TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN PELAJARAN
KERAJAAN NEGERI**

55. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Meminta kerajaan memberi senarai peminjam-peminjam pinjaman pelajaran kerajaan negeri yang masih belum menjelaskan tunggakan mereka serta amaun tunggakannya.
- b) Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk memungut balik tunggakan-tunggakan ini?

JAWAPAN :

- a) Jumlah pelajar yang telah menerima kemudahan pembiayaan daripada TKWBNS sejak tahun **1987** sehingga **31 Ogos 2010** adalah seramai **13,217 orang**, melibatkan kos berjumlah **RM106.6 juta**. Daripada jumlah pinjaman tersebut, sebanyak **RM8,488,564.64** merupakan pinjaman tertunggak yang melibatkan seramai **2,311 orang** peminjam. Walau bagaimanapun, senarai nama peminjam yang masih tertunggak boleh didapati melalui urus setia Lembaga Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor (LTKWBNS) di Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM).
- b) Bagi tujuan penambahbaikan terhadap operasi kutipan TKWBNS, BPSM telah mengemaskini kaedah rundingan secara **panggilan telefon** disamping melaksanakan langkah menyemak senarai perjawatan kakitangan awam yang berkhidmat di Negeri Selangor dan semakan maklumat peminjam melalui aplikasi HRMIS serta mengedarkan Surat Arahan Potongan Gaji.

Di samping itu, BPSM turut melaksanakan secara berterusan langkah-langkah berikut:

- i) Menyediakan pelbagai saluran (*channel*) pembayaran balik pinjaman sama ada secara tunai atau online, seperti CIMB Bank Bhd., Bank Islam (M) Bhd. dan Pos Malaysia Bhd. untuk kemudahan peminjam;
- ii) Mengedarkan Surat Arahan Pembayaran dalam **tempoh enam (6) bulan** sebelum peminjam memulakan pembayaran;
- iii) Mengedarkan Surat Arahan Pembayaran dalam **tempoh sebulan** sebelum peminjam memulakan pembayaran bagi pelajar yang telah diberikan kelonggaran penjadualan semula (*reschedule*);
- iv) Meningkatkan kekerapan edaran **Surat Peringatan** dan **Penyata Kewangan** kepada peminjam;
- v) Mengedarkan Surat Peringatan ke premis dan tempat kerja penjamin untuk mendapatkan kerjasama dan maklumat; dan Mengedarkan Notis Tuntutan (*Letter of Demand*) melalui panel peguam

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK : BAJET INFRASTRUKTUR

56. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah bajet infrastruktur yang boleh dipohon oleh Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri untuk kegunaan baik pulih infrastruktur yang tidak mampu diperuntukkan oleh PBT?
- b) Jika tiada, mengapa?
- c) Jika ada, sila berikan butir-butir kegunaan bajet tersebut bagi tahun 2010.

JAWAPAN :

- a) Bagi tahun 2010, di bawah Vot P01 Menteri Besar dan SUK, telah diperuntukkan bajet berjumlah RM 4 juta iaitu bagi Infrastruktur Asas Majlis Daerah (RM 2 juta) dan Kemudahan Awam (RM 2 juta). Peruntukan ini dikawal selia oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri di mana setiap permohonan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan disemak dan dinilai terlebih dahulu akan keupayaan kewangan sesebuah PBT tersebut.

Dalam hal ini, sesebuah PBT perlu memberikan komitmen dalam sesebuah projek dan tidak mengharapkan bantuan sepenuhnya daripada Kerajaan Negeri. Ini kerana PBT mempunyai pendapatan sendiri daripada hasil cukai taksiran, hasil bukan cukai(lesen, denda, sewa) dan juga terimaan bukan hasil (geran dari Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan).

- b) Tidak berkaitan.
- c) Prestasi sehingga September 2010 bagi kod infrastruktur di bawah Vot P01 Menteri Besar dan SUK ialah seperti berikut:

Kod Projek	Peruntukan	Perbelanjaan	Prestasi
'05002 - Infrastruktur Asas Majlis Daerah	2,000,000.00	200,000.00	10%
'05003 - Kemudahan Awam	2,000,000.00	800,000.00	40%
Jumlah	4,000,000.00	1,000,000.00	25%

Peruntukan ini telah digunakan bagi membiayai projek-projek berikut:

Bil	Pihak Berkuasa Tempatan	Projek	Kos (RM)
1.	Majlis Perbandaran Klang	Pembangunan tanah perkuburan Islam Kg Delek.	800,000.00
2.	Majlis Daerah Hulu Selangor	Pembinaan 6 unit gerai di Rizab Jalan Semarak, Bukit Beruntung.	100,000.00
3.	Majlis Daerah Hulu Selangor	Kerja membaiki jalan dan tebing runtuh di Jalan Bunga Raya, Bandar Bukit Sentosa	100,000.00
Jumlah			1,000,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA KAWASAN
(TERATAI)**

TAJUK: PROJEK TERBENGKALAI- PANGSAPURI BUKIT PANDAN

57. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan status Pangsapuri Bukit Pandan.
- b) Adakah projek ini telah diambil alih oleh mana-mana pihak?
- c) Bolehkan kerajaan mengusahakan projek tersebut. Sila nyatakan caranya.

JAWAPAN :

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, projek terbengkalai tersebut ialah dua (2) blok Kondominium 15 tingkat yang dikenali Nusa Mewah Villa Kondominium yang dibangunkan oleh Tetuan Mudi Angkasa Development Sdn Bhd. Projek ini merupakan projek yang telah didaftarkan di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan no. lesen pemajuan: 8255/06-2006/718 dan di bawah pemantauan KPKT. Pembangunan projek ini melibatkan pembinaan 360 unit rumah yang dijual pada harga jualan RM 132,000.00 seunit dan semua unit telah terjual. Berdasarkan perjanjian jual-beli yang ditandatangani pembeli pada tahun 2001, tempoh siap pembinaan adalah selama 36 bulan daripada tarikh perjanjian yang mana sepatutnya siap pada pertengahan tahun 2004. Namun demikian, projek ini tidak dapat dilaksanakan mengikut jadual pembangunan yang dirancang disebabkan oleh kenaikan kos pembinaan. Dengan itu, kontraktor asal yang telah dilantik telah ditamatkan kontrak pada tahun 2007 yang mana ketika itu kerja pembinaan telah mencapai 60 % siap.
- b) Dalam usaha meneruskan pemulihan projek tersebut, pemaju telah bersetuju melantik kontraktor baru iaitu Passlink Sdn Bhd. pada 1 Ogos 2007 dan dijangka siap pada pertengahan tahun 2008. Walau bagaimanapun pada 13 Mac 2008, Mahkamah Tinggi telah mengenakan perintah penggulungan ke atas pemaju Mudi Angkasa Development Sdn Bhd dan melantik Ferrier Hodgson MH Sdn Bhd sebagai pelikuidasi (liquidator). Sehingga kini, pelikuidasi masih belum mengambil tindakan untuk memulihkan projek tersebut.

- c) Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, projek terbengkalai di Pangsapuri Bukit Pandan merupakan pemajuan yang berdaftar dan berlesen di bawah Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan ia tertakluk di bawah Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) dan Peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989.

Oleh itu, pembeli boleh merujuk terus kes mereka ke Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Akta 118 ini memperuntukkan kuasa kepada Menteri untuk melantik syarikat baru mengambil alih pemaju perumahan yang tidak memenuhi obligasi tanpa merujuk kepada Menteri Kewangan terlebih dahulu.

Memandangkan pembelian sesebuah rumah atau hartanah adalah melalui perjanjian jual beli di antara pemaju dan pembeli. Dalam erti kata lain satu kontrak telah ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak dan sekiranya berlaku "*breach of contract*" maka pihak terlibat perlu membawa kes mereka ke mahkamah. Begitu juga keadaannya apabila pembeli-pembeli rumah mereka terbengkalai. Kerajaan Negeri tidak mempunyai "*locus standi*" untuk mengambil apa-apa tindakan terhadap mana-mana pihak yang terlibat.

Walau bagaimanapun, sebagai alternatif penyelesaian ke atas projek-projek terbengkalai yang semakin bertambah di Negeri Selangor. Kerajaan Negeri melalui Pejabat EXCO saya telah menubuhkan satu Jawatankuasa Task Force yang bertindak bagi menangani masalah projek-projek terbengkalai di Negeri Selangor. Setakat ini, terdapat tiga Konsultan iaitu Rimbun Capital Sdn. Bhd., RSS-PMC Sdn Bhd. dan Sama Sejati Sdn. Bhd. telah bekerjasama dengan jawatankuasa ini bagi membantu untuk menilai semula sama ada projek terbengkalai tersebut berdaya maju dan boleh dipulihkan. Buat masa ini terdapat 48 projek dalam proses kajian oleh pihak konsultan. Bagi memastikan pelaksanaan projek tersebut dapat dipulihkan, satu mesyuarat berkala telah diadakan bagi setiap 1 bulan sekali untuk memantau perkembangan projek tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)**

TAJUK : PASAR BORONG SELANGOR

58. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :
- a) Berapakah jumlah pendapatan yang telah diterima oleh Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor PKPS sejak menguruskan Pasar Borong Selangor ? Sila Berikan pecahan mengikut tahunan.
 - b) Berapakah jumlah peniaga yang berada di Pasar Borong sekarang?
 - c) Berapakah jumlah pekerja-pekerja asing yang berniaga dan menguruskan tapak perniagaan di Pasar Borong?

JAWAPAN:

a) **LATAR BELAKANG**

Pasar Borong Selangor terletak di Seri Kembangan dan telah dibangunkan di atas tanah seluas 50 ekar pada tahun 1999. Idea untuk mendirikan pasar tersebut dicetuskan oleh Kerajaan Negeri Selangor dimana ianya bertujuan untuk membantu golongan para petani dan nelayan memasarkan produk mereka terus kepada pengguna. Perniagaan yang dijalankan adalah tertumpu kepada barangan halal sahaja.

Pasar Borong Selangor yang memiliki sebanyak 310 lot dan pecahan lot-lot perniagaan dalam pelbagai kategori adalah seperti berikut :-

Kategori	Bilangan Lot
Ikan	85
Sayur	103
Daging	14
Ayam	24
Buah/Kering	74
Kering (barangan runcit)	10
Jumlah	310

Peningkatan urusniaga di Pasar Borong Selangor dapat ditunjukkan melalui jumlah kenderaan yang memasuki Pasar Borong Selangor, di mana pada awal 2002 jumlah kenderaan yang dicatatkan adalah sebanyak 45,501 buah sebulan. Manakala purata jumlah kenderaan yang dicatatkan untuk separuh tahun pertama 2010 adalah sebanyak 60,556 buah sebulan.

Jumlah pendapatan Pasar Borong Selangor sejak tahun 2001 hingga 2010 adalah seperti berikut:

Tahun	Pendapatan (RM juta)
2001	3.66
2002	4.95
2003	4.40
2004	4.15
2005	4.03
2006	4.44
2007	4.75
2008	4.53
2009	4.83
2010 (Jan - Sep)	3.75
Jumlah	43.51

- b) Maklumat terperinci lot-lot perniagaan dan jumlah peniaga di Pasar Borong Selangor adalah seperti berikut :

Kategori	Lot			Bumiputera	Bukan Bumiputera
	Sedia Ada	Disewa	Kosong		
Ikan	85	60	25	18	42
Sayur	103	88	15	18	70
Daging	14	13	1	11	2
Ayam	24	22	2	18	4
Buah / Kering	74	70	4	25	45
Kering	10	10	-	-	10
Jumlah	310	263	47	90	173
Peratusan	100%	85%	15%	34%	66%

- c) Lot-lot perniagaan adalah untuk rakyat tempatan sahaja. Walau bagaimanapun, penyewa-penyewa lot ada mengambil pekerja asing untuk berkerja dengan mereka.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : TUNGGAKAN HASIL

59. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :
- a) Berapakah jumlah tunggakan kutipan hasil yang belum berjaya di kutip oleh kerajaan negeri setakat tahun 2009?
 - b) Nyatakan secara terperinci tunggakan hasil seperti tunggakan cukai tanah dan lain – lainnya berserta amaunnya.
 - c) Apakah tindakan Kerajaan Negeri dalam usaha memperolehi tunggakan ini dan berapakah ramalan kutipan yang mampu dikutip?

JAWAPAN :

- a) Tunggakan kutipan hasil yang belum berjaya dikutip oleh Kerajaan Negeri setakat tahun 2009 adalah berjumlah **RM601,925,994.67**.
- b) Tunggakan Cukai Tanah dan hasil-hasil lain setakat 31 Disember 2009 adalah seperti di **Jadual 2** di bawah:-

**Jadual 2 : Tunggakan Hasil Negeri Selangor
Setakat 31 Disember 2009**

PEJABAT TANAH DAERAH / JABATAN	TUNGGAKAN HASIL 31 Dis 2009 (RM JUTA)
Petaling	202,948,233.06
Klang	141,270,123.68
Gombak	103,801,114.49
Hulu Langat	42,350,939.98
Kuala Langat	4,278,563.06
Kuala Selangor	15,939,088.82
Sabak Bernam	1,570,970.12
Hulu Selangor	82,101,002.39
Sepang	7,351,343.76
Hasil-hasil Lain	314,615.31
JUMLAH	601,925,994.67

- c) Bagi menangani tunggakan hasil cukai tanah, Kerajaan Negeri telah menubuhkan Jawatankuasa Kerja Mengurangkan Tunggakan Cukai Tanah di Peringkat Negeri yang dipengerusikan oleh Y.B. Pegawai Kewangan Negeri dan di Peringkat Daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah. Jawatankuasa tersebut berfungsi untuk melaksanakan kutipan tunggakan cukai tanah secara holistik yang melibatkan penunggak tegar dan penyelesaian hakmilik yang terlibat dengan permasalahan tanah di semua Pejabat Daerah. Jawatankuasa Kerja Mengurangkan Tunggakan Cukai Tanah tersebut mensasarkan kutipan Tunggakan Cukai Tanah sebanyak RM152juta bagi keseluruhan Negeri Selangor.

**PERTANYAAN - PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY
(BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : PELUANG PEKERJAAN

60. Buat masa ini, hanya beberapa kilang sahaja masih beroperasi di Bukit Melawati. Sebahagian besar penduduk terpaksa berulang-alik ke Kapar, Klang, Shah Alam dan Petaling Jaya untuk bekerja. Lima tahun dahulu, beberapa kilang yang memberi peluang pekerjaan kepada lebih kurang 3000 orang pekerja telah ditutup di kawasan Bukit Melawati.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tindakan yang boleh dibuat oleh Kerajaan Negeri dengan mengkaji bagi kilang-kilang ini beroperasi semula ?
- b) Atau boleh tak membawa masuk pelabur-pelabur baru ?

JAWAPAN:

- a) Selain mempromosikan tanah-tanah perindustrian yang masih kosong, Kerajaan Negeri melalui SSIC Berhad juga turut mempromosikan bangunan-bangunan kilang yang kosong sama ada untuk disewa ataupun dijual kerana terdapat juga permintaan terhadap kilang yang sedia ada oleh para pelabur.

Namun begitu, kesediaan para pelabur untuk membeli atau menyewa bangunan kilang-kilang tersebut didorong oleh pelbagai faktor seperti berikut;-

- i. Keluasan atau saiz bangunan.
 - ii. Kemudahan yang sedia ada.
 - iii. Rekabentuk bangunan.
 - iv. Jarak kawasan tersebut ke pelabuhan dan ke lapangan terbang.
 - v. Kesesuaian tempat untuk sesuatu projek.
 - vi. Harga sewaan atau jualan yang ditawarkan oleh pemilik.
- b) Kerajaan Negeri melalui anak syarikatnya, SSIC Berhad yang bertindak selaku Agensi Sehentian Pelaburan sentiasa mempromosikan kawasan-kawasan di seluruh Selangor untuk pembangunan perindustrian dan adalah menjadi harapan Kerajaan Negeri untuk menggalakkan pembangunan perindustrian di kawasan Luar Lembah Kelang bagi mengimbangi pembangunan yang tidak hanya bertumpu di kawasan Lembah Kelang sahaja selain memajukan kawasan-kawasan tersebut.

Namun begitu, kesediaan para pelabur untuk melabur di sesuatu tempat didorong oleh pelbagai faktor seperti berikut:-

- i. Penawaran buruh di kawasan persekitaran.
- ii. Kemudahan infrastruktur dan lain-lain kemudahan yang diperlukan seperti bekalan gas dan kemudahan internet.
- iii. Kewujudan industri sokongan atau perkhidmatan.
- iv. Jarak kawasan tersebut ke pelabuhan dan ke lapangan terbang.
- v. Kos pengangkutan.
- vi. Kesesuaian tempat untuk sesuatu projek

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

**TAJUK: RUNDINGAN SYARIKAT PENGURUSAN AIR NEGARA (SPAN) DENGAN
KERAJAAN NEGERI**

61. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :
- a) Sila jelaskan status perundingan di antara Kerajaan Negeri Selangor dengan Syarikat Pengurusan Air Negara (SPAN)? Sila jelaskan perancangan Kerajaan Negeri ke atas tuntutan daripada Syarikat Syabas menuntut pembayaran akibat tindakan Kerajaan Negeri tidak membenarkan kadar tarif air dinaikkan?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : AHLI MAJLIS

62. Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar:

- a) Berapakah bilangan keseluruhan Ahli Majlis PBT dan berapakah bilangan Ahli Majlis wanita mengikut PBT?
- b) Jika peratusan Ahli Majlis wanita tidak sampai minimum 30%, apakah puncanya? Apakah sasaran Kerajaan Selangor dalam mencapai minimum 30% Ahli Majlis wanita?

JAWAPAN :

a)

PBT	BANGSA				JANTINA	
	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	LELAKI	PEREMPUAN
MBSA	16	3	5	0	20	4
MBPJ	11	8	5	1	22	3
MPK	9	8	6	0	21	2
MPAJ	16	6	3	0	19	6
MPSJ	10	11	3	1	23	2
MPS	16	6	3	0	23	2
MPKj	13	9	3	0	23	2
MPSp	14	5	5	1	21	4

MDKS	13	6	6	0	22	3
MDHS	11	9	4	1	18	7
MDKL	13	7	5	0	22	3
MDSB	15	8	2	0	21	4
JUMLAH KESELURUHAN	157	86	50	4	255	42
	297				297	
PERATUSAN (%)	52.9	29.0	16.8	1.3	85.9	14.1
	100.0				100.0	

- b) Adalah dimaklumkan, pelantikan dan pelucutan Ahli Majlis sememangnya di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, pemilihan Ahli Majlis adalah disyorkan dan ditentukan oleh parti politik masing-masing mengikut kehendak Jawatankuasa Parti.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

**TAJUK : ELAUN, TUNTUTAN DAN BONUS AHLI-AHLI LEMBAGA TOURISM
SELANGOR SDN BHD (TSSB)**

63. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:
- a) Senaraikan Ahli-ahli Lembaga TSSB.
 - b) Berapakah elaun dan tuntutan bulanan setiap Ahli Lembaga TSSB bagi tahun 2008 dan 2009?
 - c) Berapakah bonus, jika ada, yang diterima oleh setiap Ahli Lembaga TSSB bagi tahun 2008 dan 2009?

JAWAPAN :

- a) Senarai Ahli Lembaga Pengarah TSSB ialah seperti berikut:-

BIL	NAMA	TARIKH LANTIKAN
1	Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim Y.A.B Menteri Besar Selangor	22/08/2008
2	Y.B Elizabeth Wong Keat Ping Exco Pelancongan Negeri Selangor	22/08/2008
3	Dato' Ramli Bin Mahmud Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	12/05/2006
4	Dato' Nordin Bin Sulaiman Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pembangunan)	30/10/2006
5	Dato' Edward Lee Poh Lin Pembantu Exco Pelancongan	20/07/2009
6	Datin Jasmine Abdullah Heng Pengerusi Persatuan Hotel Malaysia Bahagian Negeri Selangor	20/07/2009
7	Mr. Perremal a/l Maruthamuthu Pengerusi Persatuan Pemandu Pelancong Negeri Selangor	20/07/2009

8	Mr Anthony Wong Kim Hooi Pengarah Asian Overland Sdn Bhd	20/07/2009
9	YB Tuan Gwo-Burne Loh Ahli Parlimen (Kelana Jaya)	18/08/2010
10	YB Tuan Khasim Bin Abdul Aziz Ahli Dewan Undangan Negeri (Lembah Jaya)	18/08/2010
11	YB Tuan Dr. Mohd Nasir Bin Hashim Ahli Dewan Undangan Negeri (Kota Damansara)	07/09/2010

- b) Tiada jumlah tuntutan bulanan yang dibayar oleh TSSB kepada setiap Ahli Lembaga Pengarah bagi tahun 2008 dan 2009.

Elaun yang dibayar TSSB kepada Ahli Lembaga Pengarah adalah dalam bentuk elaun kehadiran mesyuarat mengikut jumlah kehadiran ahli. Jumlah elaun kehadiran yang mesyuarat yang telah dibayar adalah seperti berikut:

2008	RM2,000.00
2009	RM22,000.00

- c) Tiada bonus yang dibayar oleh TSSB kepada Ahli Lembaga Pengarah bagi tahun 2008 dan 2009. Bayaran yang dibuat oleh TSSB hanyalah dalam bentuk yuran tahunan yang tertakluk kepada keputusan Ahli Lembaga Mesyuarat dan dibayar dalam kaedah pro-rata.

Jumlah yuran tahunan yang dibayar kepada Ahli Lembaga Pengarah bagi tahun 2008 dan 2009 adalah:

2008	RM19,610.00 (8 orang)
2009	RM31,966.52 (8 orang)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB TUAN EDWARD LEE POH LIN
(BUKIT GASING)**

TAJUK : PAPAN-PAPAN IKLAN

64. Bertanya Kepada YAB. Dato Menteri Besar;
- a) Apakah angka terakhir papan-papan iklan bawah Majlis Bandar raya Petaling Jaya yang berada bawah kategori sah dan haram dan sila nasihat maklumat-maklumat berapa daripada papan-papan iklan haram telah dirobuhkan dan sama ada tunggakan bayaran-bayaran untuk dibayar telah pun dikumpul dan denda dikenakan?
 - b) Apakah definisi papan-papan iklan yang sah atau haram?
 - c) Berapakah pengendali-pengendali papan-papan iklan yang telah menandatangani perjanjian dengan Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan sila beri maklumat-maklumat secara terperinci :
 - i. maklumat-maklumat pengendali-pengendali;
 - ii. nombor papan-papan iklan;
 - iii. nombor papan-papan iklan yang baru yang telah diluluskan dan kepada siapa (syarikat-syarikat yang mana);
 - iv. tapak-tapak mereka dan saiz; dan
 - v. jumlah bayaran-bayaran yang dibayar.

JAWAPAN:

- a) Sebanyak 208 unit papan iklan luaran yang berada dalam kategori sah dan sebanyak 93 iklan luaran tanpa lesen telah dikenalpasti di kawasan Petaling Jaya seperti dibawah:-
 - i. 56 iklan tanpa lesen telah dirobuhkan
 - ii. 7 iklan tanpa lesen ditangguhkan tindakan perobohan
– kes mahkamah
 - iii. 30 iklan tanpa lesen akan dirobuhkan selepas 2hb. Nov.2010
(Notis iklan tanpa lesen telah dikeluarkan pada 26 dan 27hb. Okt. 2010)

- b) Bagi pihak MBPJ, paparan iklan yang sah adalah merupakan paparan yang sedia ada atau baru yang mengikut Garispanduan Paparan Iklan Luaran yang 24 Januari 2009. Walau bagaimana pun terdapat paparan iklan yang sedia ada yang tidak mematuhi garis panduan baru ini tetapi tidak membahayakan kepada orang awam, boleh dibenarkan sehingga Disember 2011. Tempoh ini adalah untuk pihak pengiklan mengenalpasti tapak baru (tapak ganti), mendapatkan kelulusan Kebenaran Merancang serta Permit Struktur atau membuat pembaikan ke atas iklan sedia ada bagi memenuhi keperluan dalam garispanduan baru agar ianya boleh dikekalkan. Ini adalah langkah – langkah awal yang dilaksanakan oleh MBPJ dalam memberi kerjasama dengan pihak Persatuan Iklan Luaran Malaysia (OAAM) atau syarikat pengiklan sendiri. Manakala bagi paparan yang tidak sah (haram) pula ada paparan iklan yang telah dikenalpasti oleh Jawatankuasa Kecil Lawatan Tapak Iklan MBPJ yang perlu diturunkan atau dibina baru tanpa mendapat kelulusan Majlis.
- c) Terdapat 23 Syarikat Pengiklan yang telah menandatangani perjanjian sehingga 30 September 2010.
- i. 23 syarikat berkenaan adalah:-
- Media Mesra Sdn. Bhd.
 - Out of Home Sdn. Bhd.
 - Ciri Mesra Sdn. Bhd.
 - Bluedale Media Sdn. Bhd.
 - LNT Advertising Enterprise
 - Spectrum marketing Outdoor Sdn. Bhd.
 - Seri Media Sdn. Bhd.
 - Supreme Outdoor Sdn. Bhd.
 - CSSB Outdoor Sdn. Bhd.
 - UPD Sdn. Bhd.
 - Unilink Trading Sdn. Bhd.
 - EDSB Outdoor Sdn. Bhd.
 - Prowangsa Sdn. Bhd.
 - Gelumbang Jaya Sdn. Bhd.
 - ZKYMedia Sdn. Bhd.
 - Gotcha Sdn. Bhd.
 - Acromedia Sdn. Bhd.
 - Big Tree Outdoor Sdn. Bhd.
 - Maxim Outdoor Sdn. Bhd.
 - Kurnia Outdoor Sdn. Bhd.
 - Media House Sdn. Bhd.
 - Matrix Global Sdn. Bhd.
- ii. 113 tapak
(baki 95 tapak iklan – dalam proses menandatangani perjanjian)
- iii. Tiada kelulusan tapak iklan yang baru
- iv. Tiada kelulusan tapak iklan yang baru
- v. Tiada kelulusan tapak iklan yang baru

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : PENDAPATAN PBT

65. Pengurusan PBT yang cekap adalah PBT yang boleh meningkatkan pendapatan dan menguruskan dengan cekap dan amanah tanpa berlaku pembaziran dan rasuah.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah pendapatan keseluruhan yang diperolehi oleh MPK pada tahun 2008 dan 2009 dengan mengikut setiap jenis cukai dan punca pendapatan?
- b) Berapakah belanja pengurusan dilakukan dengan mengikut setiap jabatan di MPK pada tahun 2008 dan 2009?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : KEBAJIKAN DI BULAN RAMADAN

66. Bulan Ramadhan dikenali juga `Bulan Kebajikan`.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Sejauh manakah kerajaan Negeri Selangor melalui Exco Kebajikan mengeluarkan peruntukan bagi kebajikan pada bulan tersebut?
- b) Bidang kebajikan yang mana diberi keutamaan?
- c) Kawasan mana di negeri Selangor yang banyak diberi peruntukan kebajikan?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Kebajikan telah memperuntukkan sebanyak RM100,000.00 melalui pemberian sumbangan dan bantuan kepada golongan kurang berkemampuan di sekitar Negeri Selangor pada bulan Ramadhan yang lalu. Golongan yang dibantu adalah terdiri daripada anak-anak yatim, ibu-ibu tunggal, warga emas serta orang kurang upaya (OKU). Di antara program-program yang telah dilaksanakan dengan sejumlah peruntukkan yang dinyatakan adalah seperti berikut :-
 - i) Program Penyampaian Bantuan Sumbangan Kepada Golongan Kurang Berkemampuan di Daerah Kuala Langat dan Hulu Langat,
 - ii) Lawatan Kebajikan ke rumah warga emas, anak yatim dan remaja bermasalah di sekitar daerah Petaling dan Rawang,
 - iii) Meraikan penerima sumbangan pada Majlis Berbuka Puasa Bersama Exco Kebajikan di masjid-masjid yang terpilih,
 - iv) Program Jejak Amal Ramadhan melalui agihan juadah berbuka puasa bersama penduduk setempat di 7 lokasi yang telah dikenal pasti, iaitu di PPR Bandar Sultan Sulaiman, Rimba Jaya, Sri Perantau, Meru, Shah Alam (HICOM), Bandar Kinrara dan Lembah Subang.

Melalui program-program ini, penduduk setempat berpeluang mengenali pemimpin Negeri Selangor di samping mengedarkan maklumat berkenaan dengan Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES).

- b) Pelbagai bentuk bantuan kebajikan yang telah disampaikan oleh Kerajaan Negeri Selangor di sepanjang bulan Ramadhan yang lalu. Di antara sumbangan yang telah disampaikan melalui program penyampaian bantuan dan sumbangan berbentuk barangan keperluan harian seperti beras, pakaian, makanan dan barangan keperluan harian lain.

Manakala bagi agensi kerajaan lain iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor (JKMNS) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) mempunyai bidang dan skop bantuan kebajikan yang meluas meliputi seperti bantuan bulanan, bantuan kemahiran dan bantuan geran kepada golongan yang memerlukan ini.

- c) Dengan sejumlah wang yang telah diperuntukkan, Kerajaan Negeri telah memilih beberapa buah daerah dan lokasi yang telah dikenal pasti mempunyai sebahagian golongan kurang berkemampuan. Kerjasama dari semua Pejabat Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan, Ahli-ahli Parlimen dan Pusat-pusat Khidmat Masyarakat telah banyak membantu Jawatankuasa Tetap Kebajikan melaksanakan program kebajikan di kawasan-kawasan yang telah dinyatakan di perenggan (a).

Selain dari lokasi yang dinyatakan, Kerajaan Negeri sememangnya bercadang dan akan mempertimbangkan untuk melaksanakan program bantuan kebajikan pada tahun hadapan dengan memfokuskan kepada golongan yang perlu dibantu agar sekurang-kurangnya dapat meringankan tanggungan mereka menyambut perayaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (IKS)

67. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar;
- a) Sila senaraikan apakah projek-projek yang dijalankan oleh pihak Kerajaan Negeri khususnya untuk mempergiatkan industri tersebut sejak tahun 2008 hingga 2010 ?
 - b) Sila huraikan sehingga setakat ini, bagaimanakah sambutan para usahawan IKS terhadap program –program dan projek-projek yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri ?
 - c) Sila nyatakan berapakah jumlah peruntukan tahunan yang disalurkan bagi membantu sektor IKS ini supaya dapat terus berkembang dengan pesat ?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri pada masa ini telah dan sedang merancang untuk membangunkan pusat pengumpulan di daerah – daerah bagi mempergiatkan industri IKS. Dengan adanya pusat pengumpulan ini dijangka produk - produk IKS dapat dipasarkan dengan lebih meluas. Pusat pengumpulan yang di cadang dan sedang dibangunkan adalah seperti berikut;

Daerah	Jumlah pusat	Status
Sabat Bernam	1	Telah beroperasi
Sepang	1	Dalam proses pengisian produk
Kuala Langat	1	Lokasi telah dikenal pasti dan kerja – kerja tambak tanah akan dijalankan
Gombak	1	Lokasi telah dikenal pasti dan <i>Bil Of Quantity (BQ)</i> sedang disediakan oleh Pejabat Daerah
Hulu Langat	1	Lokasi telah dikenal pasti
Petaling	1	Sedang mengenal pasti lokasi

- b) Program – program dan projek yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri mendapat sambutan yang menggalakkan dari para usahawan. Sebagai contoh pada tahun ini sebanyak 404 permohonan di bawah Program Dana Industri Kecil telah diterima dan program Selangor Ria juga merupakan program yang ditunggu – tunggu oleh usahawan untuk mempromosikan produk mereka. Di samping itu projek Satu Kampung Satu Produk juga banyak menerima maklum balas dari pengusaha yang berminat untuk membangunkan produk yang terdiri daripada penanaman cendawan, ayam kampung, penternakan ikan keli dan projek penanaman herba.
- c) Jumlah peruntukkan bagi membantu usahawan di bawah program Dana Industri Kecil adalah sebanyak RM 1 juta setahun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : KEMAJUAN INDUSTRI KECIL DAN DESA

68. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk mempromosi dan membangunkan industri-industri kecil kampung dan desa?
- b) Apakah jenis bantuan yang disediakan kepada pengusaha sedemikian.

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri pada masa ini telah dan sedang merancang untuk membangunkan pusat pengumpulan di daerah – daerah bagi mempergiatkan industri IKS. Dengan adanya pusat pengumpulan ini dijangka produk-produk IKS yang dibangunkan oleh usahawan-usahawan kecil kampung dan desa dapat dipasarkan dan dipromosikan dengan lebih meluas.
- b) Kerajaan negeri telah memperuntukkan RM1 juta di bawah program Dana Industri Kecil setahun untuk membantu usahawan industri kecil dalam usaha meningkatkan kualiti dan pengeluaran produk.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : KES-KES MAHKAMAH YANG MELIBATKAN PBT

69. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan semua kes mahkamah yang masih belum diselesaikan antara individu, syarikat-syarikat komersial atau pertubuhan-pertubuhan dengan semua PBT dan status perkembangan terkini terhadap kes-kes itu.
- b) Meminta penerangan terperinci kes mahkamah di antara Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dengan Pest Control Association of Malaysia (PCAM)

JAWAPAN :

a) Statistik Kes Mahkamah Yang Masih Belum Diselesaikan Antara Individu, Syarikat-Syarikat Komersial Atau Pertubuhan-Pertubuhan Dengan Semua Pbt Dan Status Perkembangan Terkini Terhadap Kes-Kes Berkenaan

PBT	TAHUN	KES SAMAN	JUMLAH FAIL KE MAHKAMAH	INDIVIDU	PERNIAGAAN	SYARIKAT	STATUS KES	
							SELESAI	BELUM SELESAI
MBSA	2008	KES UTAMA	3	1	1	1	2	1
		KES PELBAGAI	9	3	-	5	4	5
		KES KENDERAAN	-	-	-	-	-	-
	2009	KES UTAMA	1	-	-	1	1	-
		KES PELBAGAI	-	-	-	-	-	-
		KES KENDERAAN	-	-	-	-	-	-
	2010	KES UTAMA	3	2	-	1	-	3
		KES PELBAGAI	25	20	2	3	3	22
		KES KENDERAAN	-	-	-	-	-	-
JUMLAH KESELURUHAN			41	26	3	10	10	31

PBT	TAHUN	KES SAMAN	JUMLAH FAIL KE MAHKAMAH	INDIVIDU	PERNIAGAAN	SYARIKAT	STATUS KES	
							SELESAI	BELUM SELESAI
MBPJ	2008	KES UTAMA	-	-	-	-	-	-
		KES PELBAGAI	8	2	6	-	4	4
		KES KENDERAAN	-	-	-	-	-	-
	2009	KES UTAMA	-	-	-	-	-	-
		KES PELBAGAI	4	1	3	-	-	4
		KES KENDERAAN	-	-	-	-	-	-
	2010	KES UTAMA	-	-	-	-	-	-
		KES PELBAGAI	15	8	7	-	2	13
		KES KENDERAAN	-	-	-	-	-	-
JUMLAH KESELURUHAN			27	11	10	-	6	21

PBT	TAHUN	KES SAMAN	JUMLAH FAIL KE MAHKAMAH	INDIVIDU	PERNIAGAAN	SYARIKAT	STATUS KES	
							SELESAI	BELUM SELESAI
MPK	2008	KES UTAMA	-	-	-	-	-	-
		KES PELBAGAI	-	-	-	-	-	-
		KES KENDERAAN	-	-	-	-	-	-
	2009	KES UTAMA	-	-	-	-	-	-
		KES PELBAGAI	-	-	-	-	-	-
		KES KENDERAAN	-	-	-	-	-	-
	2010	KES UTAMA	29	23	-	6	5	24
		KES PELBAGAI	59	29	-	30	2	57
		KES KENDERAAN	237	206	-	31	-	237
JUMLAH KESELURUHAN			325	258	-	67	7	318

PBT	TAHUN	KES SAMAN	JUMLAH FAIL KE MAHKAMAH	INDIVIDU	PERNIAGAAN	SYARIKAT	STATUS KES	
							SELESAI	BELUM SELESAI
MPAJ	2008	KES UTAMA	7	5	-	2	1	6
		KES PELBAGAI	321	120	-	201	110	211
		KES KENDERAAN	270	270	-	-	170	100
	2009	KES UTAMA	5	1	-	4	-	-
		KES PELBAGAI	710	300	-	410	325	385
		KES KENDERAAN	350	350	-	-	200	150
	2010	KES UTAMA	3	1	-	2	1	2
		KES PELBAGAI	650	250	-	400	300	350
		KES KENDERAAN	270	270	-	-	170	100
JUMLAH KESELURUHAN			2586	1567	-	1019	1277	1304

PBT	TAHUN	KES SAMAN	JUMLAH FAIL KE MAHKAMAH	INDIVIDU	PERNIAGAAN	SYARIKAT	STATUS KES	
							SELESAI	BELUM SELESAI
MPSJ	2008	KES UTAMA	-	-	-	-	995	4002
		KES PELBAGAI	3577	1200	1577	800		
		KES KENDERAAN	1420	1371	22	27		
	2009	KES UTAMA	305	280	20	5	905	3567
		KES PELBAGAI	3224	844	1800	600		
		KES KENDERAAN	923	873	21	29		
	2010	KES UTAMA	65	50	7	8	140	521
		KES PELBAGAI	339	74	140	125		
		KES KENDERAAN	251	220	-	31		
JUMLAH KESELURUHAN			10124	4912	3587	1625	2040	8090

PBT	TAHUN	KES SAMAN	JUMLAH FAIL KE MAHKAMAH	INDIVIDU	PERNIAGAAN	SYARIKAT	STATUS KES	
							SELESAI	BELUM SELESAI
MPS	2008	KES UTAMA	7	4	-	3	-	7
		KES PELBAGAI	131	105	21	5	131	-
		KES KENDERAAN	67	66	-	1	67	-
	2009	KES UTAMA	9	4	-	5	-	9
		KES PELBAGAI	230	146	64	20	230	-
		KES KENDERAAN	191	166	-	25	191	-
	2010	KES UTAMA	8	4	-	4	8	-
		KES PELBAGAI	536	470	29	37	536	-
		KES KENDERAAN	114	101	-	13	114	-
JUMLAH KESELURUHAN			1293	1066	114	113	1277	16

PBT	TAHUN	KES SAMAN	JUMLAH FAIL KE MAHKAMAH	INDIVIDU	PERNIAGAAN	SYARIKAT	STATUS KES	
							SELESAI	BELUM SELESAI
MPKj	2008	KES UTAMA	2	1	-	1	-	2
		KES PELBAGAI	228	-	228	-	3	225
		KES KENDERAAN	4547	4574	-	-	150	4424
	2009	KES UTAMA	1	-	-	1	-	1
		KES PELBAGAI	358	-	358	-	5	353
		KES KENDERAAN	5280	5280	-	-	106	5174
	2010	KES UTAMA	2	1	-	1	-	2
		KES PELBAGAI	411	-	411	-	3	408
		KES KENDERAAN	4923	4923	-	-	6	4917
JUMLAH KESELURUHAN			15,779	14,779	997	3	273	15,506

PBT	TAHUN	KES SAMAN	JUMLAH FAIL KE MAHKAMAH	INDIVIDU	PERNIAGAAN	SYARIKAT	STATUS KES	
							SELESAI	BELUM SELESAI
MPSp	2008	KES UTAMA	2	1	-	1	-	2
		KES PELBAGAI	1	1	-	-	1	-
		KES KENDERAAN	2	2	-	-	2	-
	2009	KES UTAMA	-	-	-	-	-	-
		KES PELBAGAI	-	-	-	-	-	-
		KES KENDERAAN	-	-	-	-	-	-
	2010	KES UTAMA	2	-	-	2	1	1
		KES PELBAGAI	-	-	-	-	-	-
		KES KENDERAAN	-	-	-	-	-	-
JUMLAH KESELURUHAN			7	4	-	3	4	3

PBT	TAHUN	KES SAMAN	JUMLAH FAIL KE MAHKAMAH	INDIVIDU	PERNIAGAAN	SYARIKAT	STATUS KES	
							SELESAI	BELUM SELESAI
MDKS	2008	KES UTAMA	1	-	1	-	-	1
		KES PELBAGAI	1	-	-	1	-	1
		KES KENDERAAN	-	-	-	-	-	-
	2009	KES UTAMA	19	18	1	-	-	19
		KES PELBAGAI	1	-	-	1	-	1
		KES KENDERAAN	-	-	-	-	-	-
	2010	KES UTAMA	19	18	1	-	-	19
		KES PELBAGAI	1	-	-	1	-	1
		KES KENDERAAN	-	-	-	-	-	-
JUMLAH KESELURUHAN			42	36	3	2	-	42

PBT	TAHUN	KES SAMAN	JUMLAH FAIL KE MAHKAMAH	INDIVIDU	PERNIAGAAN	SYARIKAT	STATUS KES	
							SELESAI	BELUM SELESAI
MDKL	2008	KES UTAMA	-	-	-	-	48	132
		KES PELBAGAI	81	30	51	-		
		KES KENDERAAN	99	47	26	26		
	2009	KES UTAMA	-	-	-	-	3	54
		KES PELBAGAI	5	5	-	-		
		KES KENDERAAN	52	47	-	5		
	2010	KES UTAMA	-	-	-	-	5	67
		KES PELBAGAI	64	64	-	-		
		KES KENDERAAN	8	8	-	-		
JUMLAH KESELURUHAN			309	201	77	31	56	253

PBT	TAHUN	KES SAMAN	JUMLAH FAIL KE MAHKAMAH	INDIVIDU	PERNIAGAAN	SYARIKAT	STATUS KES	
							SELESAI	BELUM SELESAI
MDHS	2008	KES UTAMA	1	1	-	-	1	-
		KES PELBAGAI	11	9	2	-	11	-
		KES KENDERAAN	-	-	-	-	-	-
	2009	KES UTAMA	4	3	-	1	2	2
		KES PELBAGAI	21	20	1	-	21	
		KES KENDERAAN	-	-	-	-	-	-
	2010	KES UTAMA	-	-	-	-	-	-
		KES PELBAGAI	54	48	6	-	44	10
		KES KENDERAAN	-	-	-	-	-	-
JUMLAH KESELURUHAN			91	81	9	1	79	12

PBT	TAHUN	KES SAMAN	JUMLAH FAIL KE MAHKAMAH	INDIVIDU	PERNIAGAAN	SYARIKAT	STATUS KES	
							SELESAI	BELUM SELESAI
MDSB	2008	KES UTAMA	-	-	-	-	-	-
		KES PELBAGAI	5	2		3	3	2
		KES KENDERAAN	-	-	-	-	-	-
	2009	KES UTAMA	-	-	-	-	-	-
		KES PELBAGAI	4	2	-	2	2	2
		KES KENDERAAN	-	-	-	-	-	-
	2010	KES UTAMA	-	-	-	-	-	-
		KES PELBAGAI	7	5	-	2	3	4
		KES KENDERAAN	-	-	-	-	-	-
JUMLAH KESELURUHAN			16	9	-	7	8	8

b) **PENERANGAN TERPERINCI BAGI KES:-
MAHKAMAH TINGGI SHAH ALAM**

SAMAN PEMULA NO. : 21-262-2007

PLAINTIF : STOPEST (M) SDN. BHD. & 1 LAGI

DEFENDAN : MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

- 1) Syarikat Stopest (M) Sdn. Bhd. dan Pest Control Association Of Malaysia (selepas ini dirujuk sebagai 'Plaintif') telah menyaman Majlis di atas pembatalan pelantikan plaintif pertama pada 3 September 2007 yang enggan membayar deposit berjumlah RM 3,000.00 kepada Majlis. Plaintif telah membuat permohonan semakan kehakiman bagi mendapatkan deklarasi berikut:-
 - i) Suatu deklarasi bahawa syarat yang dikenakan oleh Defendan menghendaki semua pengawal makhluk perosak dan membawa penyakit untuk berdaftar sebagai sebahagian Panel Defendan sebagai prasyarat untuk menjalankan bisnes di kawasan dalam bidang kuasa Defendan adalah ultra vires dan oleh itu salah di sisi undang-undang dan batal;
 - ii) Suatu deklarasi bahawa syarat yang dikenakan oleh Defendan menghendaki bayaran deposit RM 3,000.00 dibayar oleh semua pengawal makhluk perosak dan membawa penyakit adalah ultra vires dan oleh itu salah di sisi undang-undang dan batal;
 - iii) Lain-lain relif atau perintah atau arahan yang Mahkamah Yang Mulia ini fikirkan patut dan adil; dan
 - iv) Kos permohonan ini
- 2) Walau bagaimanapun, kedua-dua pihak telah bersetuju untuk merekodkan penghakiman persetujuan pada 11 Ogos 2009 di antaranya semua pengendali kawalan makhluk perosak hendaklah mempunyai lesen yang sah di bawah Akta Racun Makhluk Perosak 1974 dan Kaedah-Kaedah Racun Makhluk Perosak (Pengendali Kawalan Makhluk Perosak) 2004 serta pembayaran deposit tidak akan dikenakan kepada semua plaintif;
- 3) Untuk makluman, semua wang deposit yang dikenakan berjumlah RM 3,000.00 telah dipulangkan oleh Majlis kepada semua plaintif mengikut Penghakiman Persetujuan yang telah direkodkan;
- 4) Setakat ini, berdasarkan Undang-undang Kecil Perlesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Majlis Perbandaran Subang Jaya) 2007, Majlis hanya mengenakan kadar fi lesen sebanyak RM 360.00 setahun kepada semua pengendali Kawalan Makhluk Perosak di dalam kawasan Majlis dan ke atas semua plaintif selaras dengan kehendak Butiran A Jadual kedua Undang-undang Kecil Perlesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Majlis Perbandaran Subang Jaya) 2007. Sebagai makluman tambahan, penganan kadar fi lesen ini tidak bertentangan dengan Penghakiman Persetujuan yang telah direkodkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA KAWASAN
(TERATAI)**

**TAJUK: USAHA KERAJAAN UNTUK MENAMBAH KAKITANGAN BUKAN
MELAYU.**

70. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Pada setakat ini lebih daripada 90% kakitangan di semua agensi kerajaan merupakan Melayu, apakah usaha kerajaan untuk mengimbangkan keadaan ini dengan mengambil lebih ramai bukan Melayu dalam semua agensi kerajaan.

JAWAPAN :

- a) Dasar pengambilan kakitangan Tetap Negeri Selangor yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor (SPANS) adalah berdasarkan merit sepenuhnya. Tiada kuota tertentu mengikut kaum yang dilaksanakan dalam urusan pengambilan kakitangan ini.

Pada masa ini, hebahan Iklan Kekosongan Jawatan dilaksanakan melalui akhbar perdana berbahasa Malaysia, laman web rasmi Kerajaan Negeri Selangor dan laman web rasmi SPANS.

Berikutan daripada sesi taklimat yang diberikan kepada Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 4 Ogos 2010 lalu, SPANS turut akan mengiklankan kekosongan jawatan melalui surat khabar Cina dan Tamil di masa akan datang. Selain itu, Iklan Kekosongan jawatan ini turut dipaparkan melalui laman web Selangor Kini sebagai langkah mempromosikan pengisian jawatan di kalangan bukan bumiputera di Jabatan / Agensi Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : PELANCONGAN

71. Pelancongan adalah merupakan satu bidang yang sangat penting di Negeri Sembilan untuk meningkatkan pendapatan rakyat di negeri ini.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah bilangan pelancong yang datang ke negeri ini sepanjang tahun 2009. Nyatakan taburan pelancongan yang datang mengikut daerah?
- b) Apakah produk baru pelancongan bagi tahun 2009 yang diperkenalkan kepada pelancong yang datang ke negeri ini dan bagaimanakah sambutan yang diterima?

JAWAPAN :

- a) Pengiraan statistik mengikut daerah masih belum dilakukan oleh pihak Tourism Selangor, Tourism Malaysia, Pejabat Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan. Walau bagaimanapun, berikut adalah statistik pelancong yang datang ke negeri Selangor sepanjang tahun 2009 :-

PELANCONG DOMESTIK	PELANCONG ASING	JUMLAH
3,248,961	2,398,680	5,647,641

- b) Antara produk-produk baru pelancongan bagi tahun 2009 yang diperkenalkan kepada pelancong yang datang ke negeri ini adalah seperti :

1. Rabbit Farm, Semenyih
2. D'or Rue, Selayang
3. Cni, Glenmarie
4. Muzium Ikan Air Tawar, Kuala Selangor
5. I-City, Shah Alam
6. Sepang Gold Coast, Sepang

Secara keseluruhannya, kesemua produk pelancongan baru di negeri Selangor mendapat sambutan yang baik. Sebagai contoh, **RABBIT FARM, SEMENYIH** sering kali mendapat sambutan hangat dari sekolah-sekolah untuk membawa pelajar-pelajar menikmati keindahan dan pengalaman melihat kawasan ternakan arnab. Pelajar turut dapat mempelajari dan mengenal pasti spesies - spesies arnab yang ada di kawasan ini.

Walaupun produk pelancongan **D'OR RUE** dan **CNI** masih baru, namun kedua-dua produk pelancongan ini juga sering mendapat kunjungan daripada pelancong dari dalam dan luar negeri. Kilang CNI menawarkan para pengunjung tentang proses pembuatan kopi yang berasaskan bahan-bahan herba dan barangan keluaran yang lain.

MUZIUM IKAN AIR TAWAR, KUALA SELANGOR pula sering menjadi tumpuan pelancong yang gemar melihat hidupan air dan alam semula jadi yang masih terpelihara. Kawasan ini semakin popular seiring dengan kawasan pelancongan kelip-kelip.

I-CITY SHAH ALAM merupakan kawasan pelancongan yang mempunyai kelainan yang tersendiri. Kawasan ini menarik minat pelancong dengan hiasan lampu-lampu yang menarik pada waktu malam. Kawasan ini sering dijadikan tempat mengadakan acara-acara yang dianjurkan oleh Badan Kerajaan dan syarikat korporat.

SEPANG GOLD COURSE terletak di Sepang telah dibuka pada bulan Jun 2009 dan mendapat sambutan yang hangat daripada pelancong. Kawasan ini semakin popular dengan ikon rumah penginapan yang dibina di tengah-tengah pantai selain daya pantainya yang indah dan cantik.

Statistik kedatangan pelancong ke Produk Baru Sepanjang tahun 2009

BIL.	NAMA PRODUK	BIL PELANCONG TEMPATAN	BIL PELANCONG ASING
1.	Rabbit Farm, Semenyih	36,000	1,800
2.	D'Or Rue, Selayang	1,440	300
3.	CNI, Glenmarie	5,000	-
4.	Muzium Ikan Air Tawar, Kuala Selangor	32,472	932
5.	I-City, Shah Alam	254,800	25,200
6.	Sepang Gold Coast (bermula Jun 2009)	2,822	6,586

**PERTANYAAN - PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY
(BUKIT MELAWATI)**

TAJUK: BIASISWA ATAU PINJAMAN UNTUK PELAJAR PENGAJIAN TINGGI

72. Adalah menjadi tugas utama sebuah kerajaan memberi pendidikan percuma kepada semua rakyatnya sekurang-kurangnya sehingga memperoleh ijazah pertama.

Pinjaman PTPTN yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan tidak dapat membiayai semua kos bagi seseorang pelajar. Mereka masih terpaksa minta bantuan kewangan daripada pihak - pihak tertentu. Kerajaan Negeri pula tidak meluluskan pinjaman atau biasiswa tambahan kepada pelajar yang mendapat pinjaman PTPTN.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah langkah yang boleh diambil oleh kerajaan bagi menyelesaikan perkara tersebut ?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah menawarkan Pinjaman Pelajaran Kerajaan Negeri Selangor kepada pelajar-pelajar yang berminat untuk mengikuti pengajian di peringkat IPT melalui pembiayaan Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor (TKWBNS). Namun begitu, bantuan tersebut hanya akan diberi keutamaan kepada pemohon yang belum menerima tajaan daripada mana-mana pihak penaja. Hal ini adalah disebabkan oleh kuota dan kos yang terhad bagi menampung dua (2) sesi pengambilan pelajar, iaitu sebanyak 1,000 tempat dengan kos berjumlah RM5,510,000.00 setahun.

Walau bagaimanapun, terdapat tiga (3) buah Jabatan/ Agensi di bawah Kerajaan Negeri yang menawarkan pembiayaan pelajaran di peringkat pengajian tinggi, sama ada berupa biasiswa, pinjaman atau dermasiswa kepada pelajar-pelajar, terutamanya Anak-anak Negeri Selangor yang melanjutkan pengajian di IPTA/ IPTS seluruh negara seperti berikut:

- (i) Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor (TKWBNS) yang menyediakan kemudahan Pinjaman Pelajaran Kerajaan Negeri Selangor untuk melanjutkan pengajian di peringkat Sijil, Diploma dan Ijazah di IPTA/ IPTS dalam pelbagai bidang;
- (ii) Yayasan Selangor yang menyediakan kemudahan Biasiswa Kecil dan Biasiswa Khas kepada pelajar-pelajar Tingkatan 1 hingga 5, Dermasiswa kepada pelajar cemerlang Tingkatan 4 dan Pinjaman Pelajaran kepada pelajar-pelajar yang melanjutkan pengajian di IPT, khususnya IPT Kerajaan Negeri Selangor (UNISEL/ KUIS/ INPENS/ IKYS); dan
- (iii) Pusat Zakat Selangor/ Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) yang memperuntukkan dermasiswa zakat, khusus kepada pelajar-pelajar beragama Islam yang melanjutkan pengajian di Timur Tengah.

Kemudahan pembiayaan tersebut boleh diperolehi dengan membuat permohonan mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh Jabatan/ Agensi yang berkaitan.

Selain itu juga, Kerajaan Negeri turut menawarkan bantuan kepada anak-anak Negeri Selangor yang kurang berkemampuan bagi melanjutkan pelajaran di peringkat pengajian tinggi melalui program Hadiah Pengajian IPT Kerajaan Negeri Selangor (Hadiah Anak Masuk Universiti). Bantuan tersebut merupakan salah satu kemudahan yang ditawarkan menerusi agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES), di mana bantuan tersebut berupa sumbangan insentif berjumlah RM1,000.

Bantuan tersebut merupakan satu kemudahan kepada pelajar sebelum mereka memperolehi sumber kewangan dari pihak penaja untuk mengikuti pengajian dalam bidang yang dipilih. Bantuan berkenaan juga mampu meringankan beban tanggungan ibu bapa/ penjaga pelajar bagi menampung kos perbelanjaan pelajar semasa di universiti kelak. Bantuan ini membuktikan keprihatinan Kerajaan Negeri bagi menunaikan tanggungjawab sosial terhadap kebajikan rakyat Negeri Selangor, terutamanya dari golongan mahasiswa IPT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

**TAJUK: PROGRAM-PROGRAM YANG TELAH DILAKSANAKAN DI BAWAH
MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR (MES)**

73. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Sila senaraikan program-program yang telah dilaksanakan di bawah Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) sepanjang tahun 2009 dan 2010. Sila jelaskan apakah yang telah dicapai, berapakah jumlah dana yang belum dibelanjakan serta perancangan program MES.

JAWAPAN:

- a) Beberapa program telah dilaksanakan di bawah Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor (MES) sepanjang 2009 dan 2010. Terdapat **8 Program** MES Fasa 1 yang telah dijalankan iaitu:-
- i. Program Peningkatan Hasil Batuan & Mineral;
 - ii. Bekalan Air Percuma Bagi 20 meter padu ;
 - iii. Hadiah Anak Masuk Universiti ;
 - iv. Tabung Warisan Anak Kelahiran Selangor ;
 - v. Skim Mesra Usia Emas (SMUE) ;
 - vi. Penubuhan Kumpulan Semesta Selangor Berhad ;
 - vii. Mewujudkan Pusat Khidmat Krisis Sehenti (OSCC) dan
 - viii. Tabung Pendidikan Anak Pekerja Ladang.

Manakala bagi MES Fasa 2 pula terdapat **5 program** telah dijalankan iaitu:-

- i. Kemudahan Cuti Bersalin (90 Hari) ;
- ii. Kemudahan Cuti Untuk Suami Yang Isterinya Bersalin (14 Hari) ;
- iii. Cuti Kematian Suami (30 Hari) ;
- iv. Program Micro Kredit ; dan
- v. Pusat Dialisis.

Antara pencapaian bagi Program MES sepanjang tahun 2009 dan 2010 adalah:

- i) Kerajaan Negeri telah memanfaatkan air percuma sebanyak 20m³ sebulan kepada **1,160,324 pengguna Bermeter Individu bagi tahun 2009** dan **1,174,837 pengguna Bermeter Individu bagi tahun 2010** di Negeri Selangor.
- ii) Melalui Program Bahan Batuan Dan Pasir, Kerajaan Negeri telah menerima royalti pasir sebanyak **RM 5,290,531.86** bagi tahun 2009 dan **RM 8,101,619.65** berakhir September 2010 (**Rujuk Jadual 3**). Bayaran royalti pasir tersebut telah dimanfaatkan dengan pemberian 10% di atas keuntungan Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB) iaitu sebanyak **RM 616,000.00** diserahkan kepada JKKK Kampung. Pengagihan ini melibatkan 446 buah kampung yang terdiri daripada 368 buah kampung tradisi dan 78 buah kampung Baru/ Tersusun/ Bagan di mana setiap JKKK menerima sebanyak **RM 1,381.00**.

Jadual 3: Hasil daripada Tanah dan Galian (Pasir) Bagi Tahun 2009 dan berakhir September 2010

Daerah	Tahun	
	2009	2010 (berakhir September)
Petaling	33,000.00	267,729.94
Klang	0.00	0.00
Gombak	75,404.00	48,600.00
Hulu Selangor	833,426.84	2,650,999.71
Hulu Langat	0.00	382,500.00
Kuala Selangor	1,986,434.58	1,998,000.00
Kuala Langat	0.00	1,632,000.00
Sepang	627,000.00	1,121,790.00
Sabak Bernam	1,735,266.40	0.00
Jumlah	5,290,531.86	8,101,619.65

Jumlah dana yang masih belum dibelanjakan bagi Program MES Fasa 1 berjumlah **RM 53,751,395.04** Manakala dana yang belum dibelanjakan bagi Program MES Fasa 2 berjumlah **RM 3,234,471.00**. Jumlah keseluruhan dana yang belum dibelanjakan berjumlah **RM 56,985,866.04**. Perincian baki bagi program MES Fasa 1 dan 2 adalah seperti Jadual 1 dan 2.

Di samping program-program MES sedia ada, Kerajaan Negeri Selangor juga bercadang untuk melaksanakan beberapa program MES Fasa 3 di mana, beberapa kertas cadangan telah dirangka bagi melaksanakan program-program tersebut. Antaranya ialah:-

- i. Bantuan Kepada Peniaga Muda;
- ii. Bimbingan Perniagaan Kepada Belia;
- iii. Bantuan Anak Ke Nurseri;
- iv. Elaun Ibu Tunggal; dan
- v. Elaun Khas Suri Rumah

Jadual 1 : Peruntukan dan Perbelanjaan oleh Kerajaan Negeri dalam Melaksanakan Program-program di bawah Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) Fasa 1

PROGRAM	2009		2010 (sehingga September 2010)		
	Peruntukan (RM)	Belanja (RM)	Peruntukan (RM)	Belanja (RM)	Baki (RM)
Program Peningkatan Hasil Batuan & Mineral	-	-	-	-	
Bekalan Air Percuma bagi 20m ³	100,000,000.00	100,000,000.00	117,000,000.00	*79,056,569.87	37,943,430.13
Hadiah Anak Masuk Universiti	7,700,000.00	5,667,038.00	7,700,000.00	4,913,000.00	2,787,000.00
Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)	8,500,000.00	1,029,700.00	10	864,100.00	6,606,200.00
Skim Mesra Usia Emas	20,700,000.00	20,423,921.06	10	16,369,336.50	5,051,039.51
Pusat Khidmat Krisis Seheni (OSCC)	500,000.00	443,700.00	10	0	56,300.00
Tabung Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang	2,000,000.00	1,243,339.60	2,000,000.00	1,449,235.00	1,307,425.40
Jumlah	135,368,522.65	132,246,521.31	126,700,030.00	101,788,141.37	53,751,395.04

* Bayaran dalam bentuk pinjaman kepada KDEB. Walau bagaimanapun, bayaran bagi bulan September sebanyak **RM11,796,148.39** akan dikeluarkan sebelum 7 November 2010 ini.

Jadual 2 : Peruntukan dan Perbelanjaan oleh Kerajaan Negeri dalam Melaksanakan Program-program di bawah Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) Fasa 2

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : PERUNTUKKAN INFRASTRUKTUR

74. Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar:

- a) Apakah jumlah peruntukkan yang dibajetkan untuk infrastruktur dalam tahun 2006-2010?
- b) Berikan perincian mengikut kawasan dan projek yang dijalankan, peruntukkan 2010 dibelanjakan

JAWAPAN :

- a) Jumlah peruntukan yang dibajetkan untuk infrastruktur bagi tahun 2006 hingga 2010 adalah seperti berikut mengikut jabatan:

Jabatan	Tahun					Jumlah
	2006	2007	2008	2009	2010	
	RM Juta					
i) Menteri Besar & SUK						
- Kemudahan Asas Desa	4.0	5.0	6.0	2.0	3.0	20.0
- Penyelenggaraan Jalan Kampung	-	4.0	3.0	1.0	1.0	9.0
- Infrastruktur Asas Majlis Daerah	8.0	2.0	3.0	1.8	2.0	16.8
- Kemudahan Awam	3.0	2.0	4.0	1.25	2.0	12.25
ii) Jabatan Kerja Raya	100.0	127.0	192.87	190.11	142.79	752.77
iii) Jabatan Pengairan & Saliran	45.0	50.0	50.0	65.2	33.91	244.11
Jumlah	160.0	190.0	258.87	261.36	184.7	1,054.93

- b) Bagi tahun 2010, prestasi perbelanjaan untuk infrastruktur sehingga September 2010 adalah seperti berikut :

Jabatan	Bajet 2010 (RM)	Perbelanjaan (RM)	Prestasi
i) Menteri Besar dan SUK			
- Kemudahan Asas Desa	3,000,000.00	2,758,000.00	92%
- Penyelenggaraan Jalan Kampung	1,000,000.00	-	0%
- Infrastruktur Asas Majlis Daerah	2,000,000.00	200,000.00	10%
- Kemudahan Awam	2,000,000.00	800,000.00	40%
ii) Jabatan Kerja Raya	142,790,000.00	88,136,781.66	45%
iii) Jabatan Pengairan dan Saliran	33,910,000.00	15,161,049.44	56%
Jumlah	184,700,000.00	107,055,831.10	58%

Perincian perbelanjaan mengikut kawasan dan projek yang dijalankan adalah seperti di lampiran.

PRESTASI BAJET P01 MENTERI BESAR DAN SUK SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2010

KOD/ TARIKH	BUTIRAN PROJEK	PENERIMA/ PENGUASA PROJEK	NO WARAN	TARIKH WARAN	PINDAH PERUNTUKAN	PERUNTUKAN TAMBAHAN	PERBELANJAAN/ TANGGUNGAN (RM)	BAKI PERUNTUKAN (RM)
03000	PEMBANGUNAN KAMPUNG							
1 28.1.10	Kemudahan Asas Desa Permohonan waran bagi membaiki tebing jalan runtuh di Kampung Bahagia, Bangli	Pejabat Daerah Hulu Langat					20,000.00	3,000,000.00 2,980,000.00
4.2.10	Permohonan waran peruntukan bagi membaikpulih Dewan Orang Ramai di kawasan Palembang, Kg Rantau Panjang, Daerah Klang	Pejabat Daerah Klang					15,000.00	2,965,000.00
25.2.10	Pindah peruntukan ke 03002 bagi elaun Ketua Kampung Tradisi dan Pengerusi JKKK Kg Baru				(2,280,000.00)			685,000.00
5.3.10	Pindah peruntukan ke 03002 bagi elaun Ketua Kampung Tradisi dan Pengerusi JKKK Kg Baru				(315,000.00)			370,000.00
7.6.10	Permohonan waran bagi pembinaan telaga pam di Kampung Sepakat, Hulu Selangor	Pejabat Daerah Hulu Selangor					20,000.00	350,000.00
16.6.10	Sur. Kepada Kew SUK waran bagi ketua-ketua komuniti kaum india bermula pada bulan mei hingga disember						108,000.00	242,000.00
				JUMLAH 03001	(2,595,000.00)		163,000.00	
4	Penyelenggaraan Jalan Kampung							1,000,000.00
				JUMLAH 03004	-		-	
05000	PERBANDARAN							
2	Infrastruktur Asas Majlis Daerah							2,000,000.00
19.2.10	Pengeluaran Direct Grant kpd MDHS bagi pembiayaan 6 unit gerai di Rizab Jalan Semarak, Bkt Beruntung, Hulu Selangor	Majlis Daerah Hulu Selangor					100,000.00	1,900,000.00
24.8.10	Permohonan kelulusan Direct Grant bagi kerja membaiki jalan dan tebing runtuh di Jalan Bunga Raya, Bandar Bukit Sentosa, hulu selangor	Majlis Daerah Hulu Selangor					100,000.00	1,800,000.00
				JUMLAH 05002			200,000.00	
3	Kemudahan Awam							2,000,000.00
4.3.10	Permohonan kelulusan PWN pembangunan tanah perkuburan Islam Kg Delek, Klang	MPK					800,000.00	1,200,000.00
24.3.10	Sur. Kepada Kew.SUK Pembangunan Tanah Perkuburan Islam, Kg. Delek Klang							
1.4.10	Sur. Kepada MPK cek RM800,000 Bagi Pembangunan Tanah Perkuburan Islam Kampung Delek, Klang							
				JUMLAH 05003	-		800,000.00	
				JUMLAH PERBELANJAAN	(2,595,000.00)	-	1,163,000.00	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

**TAJUK : ELAUN, TUNTUTAN DAN BONUS AHLI-AHLI LEMBAGA
PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR (PKPS)**

75. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:
- a) Senaraikan Ahli-ahli Lembaga PKPS.
 - b) Berapakah elaun dan tuntutan bulanan setiap Ahli Lembaga PKPS bagi tahun 2008 dan 2009?
 - c) Berapakah bonus, jika ada, yang diterima oleh setiap Ahli Lembaga PKPS bagi tahun 2008 dan 2009?

JAWAPAN :

- a) Senarai Ahli-Ahli Lembaga PKPS adalah seperti berikut :-

1. Pengerusi

Y.A.B Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim
YAB Dato' Menteri Besar Selangor

2. Timbalan Pengerusi

YB Dato' Ramli bin Mahmud
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

3. Ahli Jemaah

- 3.1 YB Tuan Dr. Haji Yaakob bin Sapari
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pemodenan Pertanian,
Pengurusan Sumber Alam Dan Pembangunan Usahawan
- 3.2 YB Dato' Mohd Arif bin Ab. Rahman
Pegawai Kewangan Negeri Selangor
- 3.3 YBhg. Puan Zainon bt. Hj. Md. Nasir
Setiausaha, Bahagian Strategik Kemajuan Luar Bandar & Wilayah,
Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah
- 3.4 YBhg. Dato' Abd. Nasir bin Hassan
Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Selangor

3.5 YBhg. Dato' Hj. Mohammed bin Ismail
Timbalan Ketua Pengarah (Pemantauan Dan Penilaian)
Jabatan Perdana Menteri

3.6 YBhg. Puan Khodijah bt. Abdullah
Timbalan Setiausaha Bahagian Analisa Cukai
Perbendaharaan Malaysia, Pusat Pentadbiran Persekutuan

b) Bagi tahun 2008 & 2009, tiada sebarang tuntutan bulanan dibuat oleh Ahli Lembaga Pengarah. Bagi bayaran elaun mesyuarat pula, jumlah bayaran adalah seperti berikut :

BIL	AHLI LEMBAGA PENGARAH	TARIKH 2008			JUMLAH (RM)
		23 JUN	6 AUG	11 NOV	
1	YAB Tan Sri Dato' Khalid bin Ibrahim	1,000.00	1,000.00	1,000.00	3,000.00
2	YB Dato' Ramli bin Mahmud	800.00	800.00	800.00	2,400.00
3	YB Dr. Haji Yaakob bin Sapari	800.00	800.00	800.00	2,400.00
4	YB Dato' Mohd Arif bin Ab. Rahman	800.00	800.00	800.00	2,400.00
5	YBhg Dato' Abd. Nasir bin Hassan	800.00	800.00	800.00	2,400.00
6	YBhg Dato'Haji Mohammed bin Ismail	-	800.00	-	800.00
7	YBhg Khodijah bt. Abdullah	-	-	800.00	800.00
8	YBhg Zainon bt. Hj Md Nasir	800.00	-	-	800.00
	JUMLAH	5,000.00	5,000.00	5,000.00	15,000.00

Bayaran elaun Mesyuarat setiap Ahli Lembaga Pengarah PKPS bagi tahun 2009 adalah seperti berikut :

BIL	AHLI LEMBAGA PENGARAH	TARIKH 2009				JUMLAH (RM)
		23 FEB	25 MEI	28 AUG	24 NOV	
1	YAB Tan Sri Dato' Khalid bin Ibrahim	1,000.00	1,000.00	1,000.00	1,000.00	3,000.00
2	YB Dato' Ramli bin Mahmud	800.00	800.00	800.00	800.00	2,400.00
3	YB Dr. Haji Yaakob bin Sapari	800.00	800.00	800.00	800.00	2,400.00
4	YB Dato' Mohd Arif bin Ab. Rahman	800.00	800.00	800.00	800.00	2,400.00
5	YBhg Dato' Abd. Nasir bin Hassan	800.00	800.00	800.00	800.00	2,400.00
6	YBhg Dato'Haji Mohammed bin Ismail	800.00	800.00	800.00	800.00	2,400.00
7	YBhg Khodijah bt. Abdullah	800.00	800.00	800.00	800.00	2,400.00
8	YBhg Zainon bt. Hj. Md Nasir	800.00	-	-	-	800.00
	JUMLAH	6,600.00	5,800.00	5,800.00	5,800.00	18,200.00

c) Tiada bayaran bonus dibuat dalam tahun 2008 dan 2009

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB TUAN EDWARD LEE POH LIN
(BUKIT GASING)**

TAJUK : KEDAI / BILIK PAMERAN PENGEDAR-PENGEDAR KERETA TERPAKAI

76. Pihak Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah mengeluarkan notis sitaan kenderaan-kenderaan kepada pengedar-pengedar kereta terpakai di Taman Kanangapuram, Seksyen 18, Petaling Jaya disebabkan aduan-aduan oleh persatuan penduduk-penduduk di kawasan tersebut. Pengedar-pengedar kereta terpakai sebegini telah dibenarkan untuk beroperasi di pelbagai bahagian di Petaling Jaya. Walaupun tuntutan-tuntutan mahkamah telah dimasukkan ke mahkamah dan kedai-kedai kereta terpakai yang bersebelahan telah dibenarkan untuk meneruskan operasi.

Bertanya Kepada YAB. Dato Menteri Besar;

- a) Mengapakah situasi sebegini adalah dibenarkan di mana jelasnya pengedar-pengedar kereta terpakai di Taman Kanagapuram dimangsakan dan tidak dibenarkan untuk beroperasi lagi?
- b) Bilakah pihak negeri akan mengimplementasikan garis panduan yang sesuai bagi pengendali-pengendali pengedar-pengedar kereta terpakai untuk diikuti dan untuk pegawai-pegawai penguat kuasa untuk diberi panduan yang betul untuk membezakan antara kedai-kedai kereta terpakai yang haram atau tidak?
- c) Apakah jumlah nombor kedai-kedai kereta terpakai di Petaling Jaya dan bilangan yang telah dikenal pasti sebagai sah atau haram ? Sila bekalkan maklumat-maklumat terperinci.

JAWAPAN:

- a) Pihak Majlis telah menjalankan siasatan dan mendapati sebanyak 26 buah premis perniagaan kereta terpakai di Taman Kanagapuram. Daripada jumlah tersebut sebanyak 3 premis mempunyai lesen sah daripada pihak Majlis manakala 23 premis tidak mempunyai lesen daripada pihak Majlis. Sesi dialog dan perjumpaan di antara Majlis Bandaraya petaling Jaya, persatuan penduduk,Ahli Majlis dan pengusaha yang terlibat telah diadakan bagi menyelesaikan isu tersebut.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 4 premis telah berpindah. Manakala baki selebihnya telah mengemukakan rayuan untuk memberhentikan perniagaan selepas Tahun Baru Cina akan datang. Pada masa kini, pihak Majlis sedang mempertimbangkan rayuan tersebut bagi mencari jalan penyelesaian secara menyeluruh.

b) Jumlah lot kediaman dijadikan pusat pameran/ jualan kereta baru/ terpakai di Petaling Jaya.

i. Jumlah premis kediaman yang dijadikan Perniagaan Menjual Kereta Terpakai/ Baru

KAWASAN	BILANGAN	Status Kelulusan	
		Ada	Tiada
Taman Kanagapuram	25	3 (kelulusan sehingga 31 Dis. 2010)	22
Jalan Universiti	3	2 (kelulusan sehingga 31 Dis. 2010)	1
Jalan Gasing	2	2 (kelulusan sehingga 31 Dis. 2010)	-
Jalan Kemajuan	3	3 (kelulusan sehingga 31 Dis. 2010)	-
Jalan Selangor	2	1 (kelulusan sehingga 31 Dis. 2010)	1
SS2	1	-	1 (tindakan pengaduan ke Unit Perundangan telah dibuat)
Jalan Othman	2	-	2
Jumlah	38	11	27

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : RUMAH PPRT

77. Kerajaan Negeri Selangor adalah merupakan kerajaan yang prihatin dan berkebijakan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah peruntukan yang telah dikeluarkan untuk membina rumah PPRT untuk rakyat Selangor yang kurang berkemampuan pada tahun 2008 hingga 2010?
- b) Senaraikan rumah PPRT yang telah diluluskan di DUN Meru.
- c) Bagaimanakah cara penyerahan rumah kunci PPRT dilakukan?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri telah meluluskan bantuan bina baru rumah Kerajaan Prihatin sebanyak **344 buah** sejak tahun 2008 sehingga Oktober 2010 dengan kos pembinaan sebanyak **RM7,657,222**.

Kerajaan Negeri telah meluluskan bantuan baik pulih sebanyak 385 buah rumah di seluruh Negeri Selangor sejak tahun 2008 sehingga Oktober 2010 dengan kos baik pulih sebanyak RM3,140,230.

- b) Pada tahun 2010, sebanyak tujuh (7) permohonan telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pemilihan Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin untuk DUN Meru iaitu sebanyak empat (4) Bina Baru dan tiga (3) Baik Pulih.
- c) Penyerahan rumah kunci PPRT dilakukan melalui Majlis Serah Kunci Program Kerajaan Prihatin yang diadakan di setiap daerah pada setiap tahun. Majlis Serah Kunci ini dianjurkan oleh Pejabat Daerah dengan kerjasama Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan pada tahun 2010 sebanyak lima (5) majlis telah diadakan iaitu di daerah Hulu Selangor, Petaling, Klang, Kuala Selangor dan Gombak. Majlis Serah Kunci akan disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Prihatin, Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar dan akan disertai oleh ahli Parlimen atau DUN kawasan berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : PENCEMARAN AMMONIA BERLAKU DI SUNGAI KEMBONG, BANGI

78. Sungguhpun tempat pelupusan sampah di Sungai Kembong ini dikatakan sudah ditutup, tetapi terbaru (lebih sebulan lalu) berlaku pencemaran Ammonia.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Mengapakah masih berlaku pencemaran Ammonia?
- b) Adakah sampah-sampah masih dibuang di sana secara haram?
- c) Apakah jaminan pencemaran yang menyusahkan penggunaan air di banyak tempat di Selangor itu tidak akan berlaku?

JAWAPAN :

- a) Tapak pelupusan sampah Sungai Kembong telah beroperasi sejak 1996 sehingga ianya diarahkan tutup oleh Kerajaan Negeri pada 2006. Walau bagaimanapun, tapak pelupusan sampah ini telah beroperasi semula pada 2008 sehingga Kerajaan Negeri mengarahkan ianya ditutup terus pada Ogos 2010.

Walaupun tapak pelupusan sampah telah ditutup, sampah yang terkumpul di tapak ini terutamanya sampah yang tidak mudah terurai (*debiodegradable*) seperti plastik masih terdapat di situ. Selagi sampah ini masih ada, selagi itulah air turasan (*leachate*) yang mengandungi ammonia dijana.

Air kurasan yang terdapat di tapak pelupusan sampah Sungai Kembong ini hanya dikepong di dalam kolam tanpa sebarang rawatan. Bagi kes pencemaran Sungai Beranang akibat ammonia dari tapak pelupusan sampah Sungai Kembong yang berlaku pada 1 Oktober 2010, ianya adalah disebabkan oleh air turasan sedia ada melimpah masuk ke dalam sungai.

- b) Kerajaan Negeri telah menyerahkan tapak pelupusan sampah ini kepada kontraktor WorldWide Sdn Bhd untuk membuat kerja-kerja penutupan selamat dan memulihara tapak ini.

Pihak WorldWide Sdn Bhd baru mula memasuki tapak pelupusan sampah ini pada 22 Ogos 2010 bagi melaksanakan kerja-kerja tersebut. Pihak WorldWide Sdn Bhd telah membina pos kawalan bagi membendung lori-lori daripada membawa sampah masuk ke kawasan itu. Sementara itu, di luar kawasan tapak pelupusan ini, pihak Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) berusaha sedaya upaya mengekang masalah pembuangan sampah secara haram.

- c) Antara kerja yang akan dilaksanakan bagi kerja-kerja penutupan selamat dan memulihara tapak ini yang akan mengambil masa 8 bulan termasuklah merawat air turasan melalui pembinaan loji rawatan air turasan, pengurusan gas metana dan meminimumkan impak negatif estetik dan alam sekitar. Kerja-kerja ini diawasi oleh agensi-agensi Kerajaan seperti JAS,LUAS, MPKj dan JPS.

Sekiranya sesuatu pencemaran Sungai Beranang berlaku akibat pencemaran ammonia, Jawatankuasa Kecemasan Sumber Air yang diurusetikan oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan dianggotai oleh jabatan-jabatan kerajaan dan syarikat konsesi yang berkenaan akan membuat siasatan bagi mengenal pasti punca pencemaran tersebut dan seterusnya mengambil langkah-langkah proaktif untuk mengatasi masalah pencemaran tersebut termasuklah menyediakan bekalan air bersih melalui lori tangki bekalan.

Selain itu, kerja-kerja pemantauan dan penguatkuasaan berterusan dijalankan melalui Jawatankuasa-jawatankuasa yang telah ditubuhkan iaitu Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai Langat dan Pasukan Petugas Pengawalan Pencemaran Sungai Langat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : KEMPEN KEBERSIHAN

79. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar;
- a) Sila senaraikan PBT yang telah menyertai Kempen Zon Bersih dan berapakah jumlah peruntukan yang telah disalurkan ?
 - b) Sila huraikan apakah matlamat dan pencapaian kempen tersebut serta nyatakan apakah kelemahan yang dikenal pasti ?
 - c) Sila nyatakan apakah kaedah yang paling berkesan dalam konteks menyedarkan orang ramai supaya prihatin terhadap kebersihan setempat ?

JAWAPAN:

- a) Berikut adalah senarai PBT yang telah menerima peruntukan daripada Kerajaan Negeri sempena Program Zon Bersih bagi Sesi 2009/2010 :

PBT	PERUNTUKAN DISALURKAN
MBSA	RM 100,000.00
MBPJ	RM 100,000.00
MPSJ	RM 200,000.00
MPK	RM 200,000.00
MPAJ	RM 100,000.00
MPS	RM 100,000.00
MPSp	RM 100,000.00
MPKj	RM 100,000.00
MDKL	RM 100,000.00
MDHS	RM 100,000.00
MDKS	RM 100,000.00
MDSB	RM 100,000.00
JUMLAH	RM 1,400,000.00

b) Bagi pihak MPSJ, objektif / matlamat Program Zon Bersih adalah seperti berikut :

- Memastikan kawasan pentadbiran MPSJ sentiasa dalam keadaan bersih, hijau dan selamat untuk didiami.
- Mencerikan kawasan pentadbiran MPSJ daripada sampah sarap yang dibuang merata-rata dan kawasan semak samun.
- Penghijauan dan pengindahan kawasan dengan menanam pokok-pokok yang bersesuaian.
- Memberi kesedaran kepada masyarakat setempat akan tanggungjawab kebersihan dan menanam kesedaran aspek kebersihan.
- Membentuk budaya kebersihan setanding negara maju.

Kelemahan yang dikenal pasti adalah mendapat sokongan, kerjasama dan menanam kesedaran orang ramai terhadap pentingnya aspek kebersihan.

c) Kempen secara berterusan serta penguatkuasaan / operasi kebersihan yang terancang oleh pihak MPSJ pastinya dapat menyedarkan orang ramai serta menanam sikap prihatin terhadap kebersihan setempat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PENEMPATAN PEKERJA ASING DAN PELAJAR LUAR NEGARA

80. Penempatan pekerja asing dan juga pelajar luar negara di kawasan perumahan yang serupa dengan rakyat tempatan sering menimbulkan masalah kerana perbezaan budaya dan cara hidup.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk memastikan kawasan-kawasan industri dan kilang yang mengambil kerja pekerja asing menyediakan hostel-hostel pekerja yang berasingan .

JAWAPAN :

- a) Berdasarkan garis panduan asrama pekerja di kawasan industri yang disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, asrama pekerja disediakan bagi industri yang mempunyai 30% daripada pekerja-pekerjanya adalah warga asing. Bagi kawasan industri baru dengan keluasan 8 hektar (20 ekar) dan lebih boleh membina asrama pekerja dengan keluasan tidak melebihi 15% daripada keluasan keseluruhan kawasan industri. Asrama pekerja tersebut akan disediakan dengan 10% kawasan rekreasi untuk aktiviti riadah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : JALAN-JALAN YANG DIBERI NAMA TOKOH-TOKOH NEGARA

81. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa banyak jalan yang telah dinamakan atas nama tokoh-tokoh yang menyumbang kepada negara dan Selangor di kawasan Majlis Bandaraya Petaling Jaya serta tahun ia dinamakan semula?
- b) Apakah perkembangan terbaru kerajaan untuk menamakan semula Jalan Barat sebagai Jalan V. David?

JAWAPAN :

- a) Sebelum tahun 2002, terdapat 9 jalan yang telah diberi nama tokoh-tokoh seperti berikut:
 - i) Jalan Dato Mahmud
 - ii) Jalan The Hung Kiat
 - iii) Jalan Othman
 - iv) Jalan Dato Abdul Aziz
 - v) Jalan Dato Abu Bakar
 - vi) Jalan Yong Shook Lin
 - vii) Jalan Sultan
 - viii) Jalan Templer
 - ix) Jalan Dato Jamil Rais

Pada tahun 2002, Jalan 222 telah ditukar kepada Jalan P.P Narayanan.

Jumlah keseluruhan nama jalan yang telah diberi nama tokoh adalah 10 jalan.

- b) Pada Mesyuarat Penuh Majlis pada bulan Mei 2010, telah memutuskan nama Jalan Barat dikekalkan. Walau bagaimanapun untuk penamaan Jalan V. David akan dirancang untuk jalan di kawasan pembangunan baru.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA KAWASAN
(TERATAI)**

TAJUK: MEDIA MASSA YANG DIGUNAKAN OLEH KERAJAAN NEGERI SELANGOR DAN PBT.

82. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Jabatan dan PBT manakah yang masih membeli surat khabar Utusan Malaysia sebagai sumber bacaan rasmi? Sila nyatakan semua surat khabar yang dibeli oleh PBT dan setiap Jabatan SUK.
- b) Senaraikan surat khabar atau media yang digunakan oleh setiap PBT, Jabatan di SUK dan jabatan-jabatan kerajaan negeri sebagai surat khabar rasmi untuk pengiklanan.

JAWAPAN :

PBT	Soalan A	Soalan B
KUALA SELANGOR	34	10	29.41%	8	2	0	1	6	2	1				14,700.00	0.00
SABAK BERNAM	15	10	66.67%	4	5	10	6	1	3	0		4		10,000.00	5,000.00
JUMLAH	2,248	1,296	57.65%	1061	56	86	638	464	512	480	57	38	6	111,710,782.44	86,656,835.84

**LAPORAN KEMAJUAN PEMUTIHAN KILANG TANPA KEBENARAN MENGIKUT PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)
(SEHINGGAN MEI 2010)**

PBT	BILANGAN KILANG	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG (KM)			PERMOHONAN PELAN BANGUNAN (PB)			LESEN SEMENTARA				JUMLAH PEMBAYARAN LESEN SEMENTARA
		LULUS	TOLAK	TANGGUH	LULUS	TOLAK	TANGGUH	2007	2008	2009	2010	
MBSA	451	45	0	0	21	1	0	275	159	160	50	368,482.00
MBPJ	373							361	372	373		80,070.52
MPSJ	452	4	0	0	4	0	0	78	22	13		58,140.00
MPK	443	74			47			87	113	139		315,077.00
MPKj	590	138	2	1					320	367		276,800.00
MPAJ	226											
MPS	35											
MPSp	106	48	8	0	15	0	5			55		11,000.00
MDKL	209	11						100	100	8		62,400.00
MDKS	49	7	0	0	4	0	2			16		14,540.00
MDHS	55	5	2	3	6	2	3			31		12,185.00
MDSB	6							6	6	6		14,400.00
JUMLAH	2995	332	12	4	97	3	10	907	1092	1168	50	1,213,094.52

* jumlah pembayaran lesen sementara MPSJ masih belum dikemaskini kerana Bahagian Perlesenan tidak dapat memberi maklumat yang tepat.
(pembayaran lesen kilang haram & kilang halal disekalikan)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : LANDSCAPE DI BANDAR BARU TIDAK TERURUS DAN TIDAK MENARIK

105. Sebagai Bandar Ilmu ramai yang membuat komen tentang landscape Bandar Baru Bangi, terutama jalan masuk dari kedua-dua tol dan bulatan-bulatan tidak terurus dan tidak menarik.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah halangan untuk mencantikkan landskap di Bandar Baru Bangi?
- b) Setakat manakah urusan 'landscaping' di Bandar Baru Bangi dilakukan selama ini?
- c) Tidakkah mampu ditingkatkan mutu 'landscaping' di Bandar Baru Bangi seperti di Shah Alam atau di Subang Jaya?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR (PKNS)

106. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar;

- a) Sila senaraikan keseluruhan projek –projek perumahan yang dikendalikan oleh PKNS yang masih menggunakan kaedah usaha sama ?
- b) Sila nyatakan apakah punca utama yang menyebabkan terdapat banyak projek yang tidak diuruskan oleh pihak PKNS sebaliknya diuruskan oleh pihak swasta ?
- c) Sila nyatakan statistik terkini jumlah bilangan pengusaha yang masih menyewa ruang pejabat Kompleks PKNS di Kuala Selangor?

JAWAPAN:

a)

Bil.	Nama Syarikat	Lokasi	Unit
1.	MUST EHSAN DEVELOPMENT SDN. BHD.	Seksyen U12, Shah Alam	2,414
2.	MUST EHSAN DEVELOPMENT SDN. BHD.	Kota Damansara	832
3.	SUNWAY DAMANSARA	Kota Damansara	80

b) Pemilihan pihak swasta dalam pembangunan projek PKNS adalah disebabkan :-

PKNS telah menjemput pihak swasta untuk bersama-sama membangunkan kawasan bagi mendapat manfaat dari segi perkongsian pintar dan kepakaran. Walau bagaimanapun urusan pengurusan pembangunan dibuat secara bersama oleh PKNS dan pihak swasta yang terlibat.

c) Pengusaha yang masih menyewa ruang pejabat di Kompleks PKNS Kuala Selangor adalah seramai 25 penyewa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : PEMBANGUNAN DI CERUN KELAS KETIGA DAN KEEMPAT

107. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan kawasan-kawasan yang mempunyai cerun kelas ketiga dan keempat yang telah diwartakan sebagai tanah rizab yang tidak boleh dibangunkan di seluruh Selangor bersertakan dengan keluasan tanahnya.

JAWAPAN :

- a) Garis Panduan Perancangan Pembangunan Di Kawasan Bukit dan Tanah Tinggi Negeri Selangor telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri di dalam MMKN Ke 11/2010 pada 24 Mac 2010. Garis panduan tersebut telah kategorikan kepada empat (4) Kelas iaitu:
- i. Kawasan **Kelas I** adalah kawasan yang mempunyai pembatasan geoteknikal yang rendah seperti berikut:
 - Terain in-situ dengan kecerunan $< 15^\circ$; dan
 - Cerun yang dipotong dengan kecerunan $< 15^\circ$.
 - ii. Kawasan **Kelas II** adalah kawasan yang mempunyai pembatasan geoteknikal yang sederhana seperti berikut:
 - Terain in-situ dengan kecerunan $\geq 15^\circ$ hingga $< 25^\circ$ dengan ketiadaan tanda-tanda hakisan dan ketidakstabilan cerun;
 - Terain in-situ dengan kecerunan $< 15^\circ$ dengan tanda-tanda wujudnya hakisan dan ketidakstabilan cerun;
 - Terain in-situ dengan kecerunan $< 15^\circ$ yang terdiri dari kolumium atau bahan geologi yang sensitif; dan
 - Kawasan ancaman banjir.
 - iii. Kawasan **Kelas III** adalah kawasan yang mempunyai pembatasan geoteknikal yang tinggi seperti berikut:
 - Terain in-situ dengan kecerunan dari $\geq 25^\circ$ hingga $< 35^\circ$ dengan ketiadaan tanda-tanda hakisan dan ketidakstabilan cerun;
 - Terain in-situ dengan kecerunan $\geq 15^\circ$ hingga $< 25^\circ$ dengan tanda-tanda wujudnya hakisan sederhana hingga teruk dan ketidakstabilan cerun;
 - Terain in-situ dengan kecerunan $\geq 15^\circ$ hingga $< 25^\circ$ yang terdiri dari kolumium atau bahan geologi yang sensitif;
 - Terain in-situ dengan kecerunan $< 15^\circ$ yang terdiri dari kolumium atau bahan geologi yang sensitif dengan mempunyai tanda-tanda ketidakstabilan cerun; dan
 - Kawasan ancaman banjir lumpur.

- iv. Kawasan **Kelas IV** adalah kawasan yang mempunyai pembatasan geoteknikal yang ekstrem seperti berikut:
- Terain in-situ dengan kecerunan $\geq 35^\circ$ dengan ketia daan tanda-tanda hakisan dan ketidakstabilan cerun;
 - Terain in-situ dengan kecerunan $\geq 25^\circ$ hingga $< 35^\circ$ dengan tanda-tanda wujudnya hakisan dan ketidakstabilan cerun;
 - Terain in-situ dengan kecerunan $\geq 15^\circ$ hingga $< 25^\circ$ yang terdiri dari koluvium atau bahan geologi yang sensitif dengan mempunyai tanda-tanda ketidakstabilan cerun;
 - Kawasan ancaman banjir puing (debris flow); dan
 - Puncak bukit atau rabung (ridges).

Di Negeri Selangor terdapat seluas **64,271.59 ekar** kawasan yang dikategorikan **Kelas III** dan seluas **73,161.45 ekar** bagi kawasan **Kelas IV**. Bagi senarai kawasan-kawasan yang mempunyai kecerunan Kelas III dan Kelas IV mengikut Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor adalah ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Senarai Kawasan-Kawasan Kecerunan Kelas III dan Kelas IV Mengikut PBT Di Negeri Selangor

PBT	Kelas III (ekar)	Kelas IV (ekar)
Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)	3,263.37	1,411.36
Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)	994.7	502.02
Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)	1,714.47	579.89
Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)	18,024.20	21,166.52
Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)	9,393.98	10,994.68
Majlis Perbandaran Selayang (MPS)	18,596.34	27,941.08
Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)	12,284.53	10,565.90
JUMLAH	64,271.59	73,161.45

Sumber: Maklumat GIS JPBD Negeri Selangor

Kawasan-kawasan yang mempunyai kecerunan Kelas III dan Kelas IV tersebut di atas tidak diwartakan sebagai tanah rizab yang tidak boleh dibangunkan. Walau bagaimanapun, setiap pembangunan di dalam Kelas III dan Kelas IV tertakluk kepada **Garis Panduan Perancangan dan Pembangunan Di Kawasan Bukit dan Tanah Tinggi Negeri Selangor**.

Bagi permohonan perancangan yang melibatkan kawasan-kawasan pembangunan berkecerunan Kelas III boleh dibangunkan dengan mengambilkira aspek keselamatan, pemeliharaan cerun dan kebolehlaksanaan pembangunan. Densiti maksimum perumahan yang dibenarkan bagi rumah sesebuah adalah 6 unit/ekar, rumah berkembar 8 unit/ekar dan rumah teres 12 unit/ekar dengan 3 tingkat maksimum. Bagi pembangunan perniagaan nisbah plot yang dibenarkan 1:2 dengan kawasan plinth 50%.

Walau bagaimanapun permohonan berkecerunan Kelas III tertakluk kepada garis panduan khusus di dalam Garis Panduan Perancangan dan Pembangunan Di Kawasan Bukit dan Tanah Tinggi Negeri Selangor dan perakuan **Jawatankuasa Teknikal Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar**. Manakala kawasan berkecerunan Kelas IV tidak dibenarkan untuk pembangunan kecuali pembangunan infrastruktur dan projek berkepentingan nasional. Garis panduan tersebut secara terperinci boleh di muat turun melalui laman web www.jpbdselangor.gov.my.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA KAWASAN
(TERATAI)**

TAJUK: PROGRAM SKIM MESRA USIA EMAS (SMUE)

108. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila senaraikan jumlah pendaftaran, jumlah tuntutan dan peratus pendaftaran mengikut DUN.
- b) Selain daripada menuntut RM2500 selepas pemohon meninggal dunia, apakah manfaat yang pemohon boleh menikmati?

JAWAPAN :

- a) Sehingga 30 September 2010, ahli berdaftar di Negeri Selangor sahaja berjumlah 129,435 orang dan jumlah tuntutan Bayaran Peringkat Pertama (RM1000) melibatkan sejumlah RM15.566 juta sementara bagi Bayaran Peringkat Kedua (RM1500) berjumlah RM21.266 juta yang jumlah kesemuanya adalah RM36.832 juta. Pecahan peratusan pendaftaran mengikut DUN adalah seperti lampiran disertakan.
- b) Selain manfaat RM2500 yang disumbangkan Kerajaan Negeri, ahli SMUE layak untuk menyertai program-program yang telah dan sedang dirancang oleh RMSB. Antaranya menyertai program Pusat Dialisis Rakyat yang telah diwujudkan di lima (5) buah DUN dan akan dikembangkan ke setiap DUN mengikut kesesuaian. Beberapa manfaat dan program lain juga sedang dalam perancangan untuk dilaksanakan pada masa terdekat ini.

**Peratus pendaftaran SMUE Terkini mengikut DUN
Pada 30/09/2010**

Bil	DUN	Nama DUN	% Jumlah
1	N22	TERATAI	91.9%
2	N11	IJOK	91.2%
3	N52	TELUK DATUK	85.0%
4	N30	KINRARA	83.5%
5	N27	BALAKONG	82.1%
6	N25	KAJANG	79.9%
7	N44	SUNGAI PINANG	78.3%
8	N20	LEMBAH JAYA	76.9%
9	N01	SUNGAI AIR TAWAR	75.0%
10	N43	SEMENTA	74.9%
11	N04	SEKINCHAN	74.9%
12	N03	SUNGAI PANJANG	74.6%
13	N49	SERI ANDALAS	73.5%
14	N15	TAMAN TEMPLER	71.3%
15	N08	SUNGAI BURONG	68.8%
16	N13	KUANG	68.5%
17	N28	SERI KEMBANGAN	67.7%
18	N14	RAWANG	66.8%
19	N02	SABAK	65.5%
20	N17	GOMBAK SETIA	65.4%
21	N54	TANJUNG SEPAT	65.4%
22	N45	SELAT KLANG	65.2%
23	N24	SEMENYIH	64.1%
24	N47	PANDAMARAN	62.4%
25	N12	JERAM	62.3%
26	N50	SRI MUDA	60.9%
27	N56	SUNGAI PELEK	60.0%
28	N23	DUSUN TUA	59.7%
29	N51	SIJANGKANG	59.2%
30	N42	MERU	58.0%
31	N38	PAYA JARAS	57.2%
32	N21	CHEMPAKA	56.0%
33	N09	PERMATANG	55.7%
34	N18	HULU KELANG	55.4%
35	N06	KUALA KUBU BAHARU	54.8%
36	N37	BUKIT LANJAN	53.9%
37	N10	BUKIT MELAWATI	53.7%
38	N53	MORIB	53.5%
39	N16	BATU CAVES	52.9%
40	N29	SERI SERDANG	52.3%
41	N55	DENGKIL	49.6%
42	N36	DAMANSARA UTAMA	48.6%
43	N05	HULU BERNAM	46.7%
44	N39	KOTA DAMANSARA	42.4%
45	N33	TAMAN MEDAN	42.2%
46	N07	BATANG KALI	40.7%
47	N35	KAMPUNG TUNKU	40.6%
48	N26	BANGI	40.1%
49	N41	BATU TIGA	37.2%
50	N32	SERI SETIA	31.8%
51	N48	KOTA ALAM SHAH	31.4%
52	N40	KOTA ANGGERIK	31.1%
53	N31	SUBANG JAYA	25.6%
54	N46	PELABUHAN KLANG	25.0%
55	N19	BUKIT ANTARABANGSA	15.2%
56	N34	BUKIT GASING	9.7%
		Selangor	54.8%

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : NAIK TARAF KEHIDUPAN

109. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menaikkan taraf kehidupan terutamanya infrastruktur dan kemudahan awam di keseluruhan penempatan Orang-orang Asal di Negeri Selangor?
- b) Apakah jenis perancangan tersebut?
- c) Berapa banyak kah yang telah dibelanjakan atau akan di belanjakan bagi tujuan tersebut?

JAWAPAN :

Tindakan oleh Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

**TAJUK : ELAUN, TUNTUTAN DAN BONUS AHLI-AHLI LEMBAGA
PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD (PNSB)**

110. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan Ahli-ahli Lembaga PNSB.
- b) Berapakah elaun dan tuntutan bulanan setiap Ahli Lembaga PNSB bagi tahun 2008 dan 2009?
- c) Berapakah bonus, jika ada, yang diterima oleh setiap Ahli Lembaga PNSB bagi tahun 2008 dan 2009?

JAWAPAN :

a) **Senarai Ahli Lembaga Pengarah PNSB yang terkini adalah seperti berikut :-**

- i) YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim - (Pengerusi)
- ii) YB Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman
- iii) Y.Bhg Dato' Noordin bin Sulaiman
- iv) YB Azan bin Ismail
- v) Y.Bhg Dato' Rahmat bin Jamari
- vi) Tuan Haji Ahmad bin Omar
- vii) Tuan Haji Md Yusof bin Hussin

b) **i) Elaun Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah PNSB bagi tahun 2008 adalah seperti berikut :-**

- a) YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim (Pengerusi)
- RM5,000.00 X 3 kali mesyuarat = RM15,000.00
- b) Dato' Seri Dr. Mohamad Khir bin Toyo
- RM5,000.00 X 1 kali mesyuarat = RM2,000.00
- c) YB Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman
- RM2,000.00 X 3 kali mesyuarat = RM6,000.00
- d) Y.Bhg Dato' Noordin bin Sulaiman
- RM2,000.00 X 3 kali mesyuarat = RM6,000.00
- e) Y.Bhg Datin Hajjah Khairiyah binti Abu Hassan
- RM2,000.00 X 3 kali mesyuarat = RM6,000.00

- f) Dato' Haji Abdul Shukur bin Siraj
- RM2,000.00 X 1 kali mesyuarat = RM2,000.00
- g) Dato' Lee Hwa Beng
- RM2,000.00 X 1 kali mesyuarat = RM2,000.00
- h) Dato' Haji Radin Mokhtar bin Md Yusof
- RM2,000.00 X 1 kali mesyuarat = RM2,000.00
- i) Datin Paduka Norhayati bt Onn
- RM2,000.00 X 1 kali mesyuarat = RM2,000.00

ii) Elaun Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah PNSB bagi tahun 2009 adalah seperti berikut :-

- a) YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim (Pengerusi)
- RM5,000.00 X 7 kali mesyuarat = RM35,000.00
- b) YB Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman
- RM2,000.00 X 7 kali mesyuarat = RM14,000.00
- c) Y.Bhg Dato' Noordin bin Sulaiman
- RM2,000.00 X 7 kali mesyuarat = RM14,000.00
- d) Tuan Haji Ahmad bin Omar
- RM2,000.00 X 1 kali mesyuarat = RM2,000.00

iii) Elaun Tahunan Ahli Lembaga Pengarah PNSB bagi tahun 2008 adalah seperti berikut :-

- a) YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim - RM45,000.00
- b) Dato' Seri Dr. Mohamad Khir bin Toyo - RM14,000.00
- c) Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman - RM40,000.00
- d) Dato' Noordin bin Sulaiman - RM40,000.00
- c) Dato' Lee Hwa Beng - RM9,999.99
- d) Dato' Hj Abdul Shukur bin Siraj - RM9,999.99
- e) Dato' Hj. Mohd Masloro bin Abdullah - RM9,999.99
- f) Datin Hajjah Khairiyah binti Abu Hassan - RM40,000.00

iv) Elaun Tahunan Ahli Lembaga Pengarah PNSB bagi tahun 2009 adalah seperti berikut :-

- a) YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim - RM45,000.00
- b) Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman - RM40,000.00
- c) Dato' Noordin bin Sulaiman - RM40,000.00
- d) Tuan Haji Ahmad bin Omar - RM3,333.33

v) Tiada sebarang tuntutan bulanan bagi setiap Ahli Lembaga Pengarah di PNSB.

c) Tiada bayaran bonus untuk Ahli Lembaga Pengarah PNSB.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : PERMOHONAN TANAH

111. Masalah permohonan tanah di Kampong Bukit Cherakah belum lagi selesai walau permohonan dibuat lebih 10 tahun.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah kriteria yang diambil dalam pemprosesan permohonan tanah ini?
- b) Apakah tindakan yang berkesan bagi mempercepatkan permohonan peneroka yang dipohon sejak sekian lama?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : KEJADIAN TANAH RUNTUH

112. Perumahan Kajang Baru, di Bukit Kajang bersempadan dengan bukit diparas secara tinggi menegak. Bila musim hujan selalu berlaku tanah runtuh yang membahayakan perumahan terdekat.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Aduan sering dibuat kepada MPKj, mengapa tindakan tidak diambil?
- b) Adakah cadangan untuk memaras bukit ini secara selamat?
- c) Jika tidak, apakah cadangan MPKj untuk menjamin keselamatan penduduk?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : TADIKA RAKYAT

113. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan bilangan tadika rakyat yang telah dibuka dan bakal dibuka di Selangor.
- b) Senaraikan semua kos pengendalian setiap satu tadika rakyat ini setiap bulan.

JAWAPAN :

- a) Sehingga Oktober 2010, hanya satu Tadika Rakyat iaitu di kawasan Taman Sentosa, Klang telah dibuka dan Kerajaan Negeri merancang akan membuka satu lagi Tadika Rakyat di kawasan daerah Petaling
- b) Bagi pengendalian Tadika Rakyat di Taman Sentosa, pihak CHILD iaitu sebuah Badan Bukan Kerajaan (NGO) telah diberikan tanggungjawab untuk mengendali tadika tersebut dan kos pengendalian ditanggung sendiri oleh pihak CHILD. Kerajaan Negeri hanya memberi peruntukan untuk membina tadika tersebut sahaja.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA KAWASAN
(TERATAI)**

TAJUK: YAYASAN SELANGOR

114. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah criteria untuk memasukkan ADN dalam *board of director* di Yayasan Selangor.
- b) Bagaimanakah ADN boleh menilai prestasi yayasan Selangor?

JAWAPAN :

- a) Memorandum Of Article & Article of Association (M&A) Yayasan Selangor menyebut bahawa hak pelantikan Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor adalah di dalam bidang kuasa Menteri Besar Selangor.

Ahli-Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor adalah seperti berikut:

- 1. Menteri Besar Selangor (Pengerusi)
- 2. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor /SUK (Timbalan Pengerusi)
- 3. Pegawai Kewangan Negeri Selangor
- 4. Pengarah Pelajaran Negeri Selangor
- 5. Pengarah Pelajaran Wilayah Persekutuan
- 6. Exco Pendidikan Kerajaan Negeri Selangor
- 7. Pengurus Besar Yayasan Selangor (Setiausaha)

Semua pelantikan itu adalah di atas **Jawatan Hakiki** mereka.

- b) Prestasi Yayasan Selangor boleh dinilai melalui:
 - 1. Laporan Tahunan Yayasan Selangor;
 - 2. Laporan Aktiviti dan Laporan Kewangan Yayasan Selangor yang dibentangkan di dalam Mesyuarat Agung Tahunan Yayasan Selangor dari masa ke semasa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : PREMIS MAKANAN

115. Semua premis makanan menunjukkan atau memaparkan sijil halal di premis perniagaan mereka.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Sila nyatakan secara terperinci melalui Jabatan Agama Islam Negeri (JAIS) ataupun Majlis Agama Islam (MAIS) statistik berhubung premis halal yang telah diluluskan di negeri ini.
- b) Sila senaraikan juga berapakah bilangan premis yang telah diambil tindakan kerana tidak mematuhi arahan Kerajaan Negeri.
- c) Berapakah anggota atau pegawai penguatkuasa yang terlibat di negeri ini untuk memastikan pematuhan oleh premis-premis ini?

JAWAPAN :

- a) Setakat 15 Oktober 2010, sebanyak 96 permohonan pensijilan halal telah diluluskan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Bagi kelulusan yang dikeluarkan oleh JAKIM bagi tempoh yang sama pula adalah sebanyak 740 permohonan.
- b) Sebanyak 29 operasi pemeriksaan / penguatkuasaan perbahasaan halal telah dijalankan oleh JAIS bersama agensi kerajaan lain yang berkaitan sepanjang tempoh Januari – September 2010 dan sebanyak 15 kes pula telah diambil tindakan penguatkuasaan dalam tempoh ini.
- c) Tugas penguatkuasaan sering memerlukan penglibatan pegawai teknikal (sains) bersama pegawai agama.. Tugas penguatkuasaan halal setakat ini dipertanggungjawabkan di bawah Unit Halal, Bahagian Penyelidikan & Pembangunan JAIS kerana hanya di unit sahaja terdapat pegawai teknikal berkenaan. Daripada 14 waran perjawatan yang telah diluluskan, Unit Halal mempunyai 10 pegawai pelbagai skim dan gred perkhidmatan. Tiada pengkhususan pegawai diwujudkan ketika ini bagi tugas penguatkuasaan. Walaubagaimanapun, 7 daripada 10 orang pegawai yang terlibat untuk tugas luar pejabat (pemeriksaan premis) turut bertanggungjawab melaksanakan tugas penguatkuasaan mengikut keperluan semasa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

**TAJUK : ELAUN, TUNTUTAN DAN BONUS AHLI-AHLI LEMBAGA KUMPULAN
DARUL EHSAN BERHAD (KDEB)**

116. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan Ahli-ahli Lembaga KDEB.
- b) Berapakah elaun dan tuntutan bulanan setiap Ahli Lembaga KDEB bagi tahun 2008 dan 2009?
- c) Berapakah bonus, jika ada, yang diterima oleh setiap Ahli Lembaga KDEB bagi tahun 2008 dan 2009?

JAWAPAN :

Jawapan bagi soalan di atas adalah seperti di lampiran-lampiran berikut:-

Lampiran 1

SYARIKAT : KUMPULAN DARUL EHSAN BERHAD					
PERKARA : YURAN PENGARAH, ELAUN MESYUARAT DAN GANJARAN PENGARAH BAGI TAHUN 2008					
No	Pengarah	Yuran Pengarah RM	Elaun Mesyuarat RM	Ganjaran Pengarah (RM10,000 sebulan) RM	Jumlah RM
1	YAB Tan Sri Dato' Abd Khalid Ibrahim – Pengerusi (dilantik pada 13 Mac 2008)	80,548	10,000	100,000	190,548
2	YB Dato' Mohamad Khir Toyo – Pengerusi (berhenti pada 13 Mac 2008)	19,452	3,000	20,000	42,452
3	YB Dato' Ramli Mahmud	70,000	8,000	-	78,000
4	YB Dato' Mohd Arif Ab Rahman	70,000	5,000	-	75,000
5	YB Dato' Haji Abd Karim Munisar	70,000	8,000	-	78,000
6	YB Dato' Haji Mohd Satim Diman (berhenti pada 13 Mac 2008)	13,616	2,000	-	15,616
7	YB Dato' Dr Haji Karim Haji Mansor (berhenti pada 13 Mac 2008)	13,616	2,000	-	15,616
		337,232	38,000	120,000	495,232

Lampiran 2

SYARIKAT : KUMPULAN DARUL EHSAN BERHAD PERKARA : YURAN PENGARAH, ELAUN MESYUARAT DAN GANJARAN PENGARAH BAGI TAHUN 2009					
No.	Pengarah	Yuran Pengarah RM	Elaun Mesyuarat RM	Ganjaran Pengarah (RM10,000 sebulan) RM	Jumlah RM
1	YAB Tan Sri Dato' Abd Khalid Ibrahim - Pengerusi (dilantik pada 13 Mac 2008)	100,000	15,000	120,000	235,000
2	YB Dato' Ramli Mahmud	70,000	6,000	-	76,000
3	YB Dato' Mohd Arif Ab Rahman	70,000	9,000	-	79,000
4	YB Dato' Haji Abd Karim Munisar	70,000	9,000	-	79,000
		310,000	39,000	120,000	469,000

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : KEMUDAHAN ASAS

117. Kemudahan asas yang baik terutama jalan raya akan memberikan impak kepada masyarakat dan kerajaan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah peruntukan yang dikeluarkan oleh kerajaan melalui JKR Negeri bagi menyelenggara jalan-jalan negeri tahun 2008-2009?
- b) Apakah kriteria yang diutamakan bagi mempercepatkan pembaikan jalan-jalan yang rosak dan penyelenggaraan yang berkaitan dengannya?
- c) Apakah cadangan bagi mempercepatkan permohonan jalan-jalan baru di kampung-kampung terutama di DUN Meru?

JAWAPAN :

- a) Peruntukan yang dikeluarkan oleh kerajaan melalui JKR Negeri bagi menyelenggara jalan-jalan negeri tahun 2008-2009 adalah seperti berikut :-
 - i. Tahun 2008 - RM 40,851,027.67
 - ii. Tahun 2009 - RM46,175,109.00
- b) Kriteria yang diberi keutamaan untuk dibuat kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan adalah seperti berikut :-
 - i. Keadaan jalan yang rosak yang boleh menyebabkan terputus hubungan contohnya cerun runtuh, jambatan roboh, jalan yang mendap, pokok tumbang dan sebagainya.
 - ii. Keadaan jalan yang boleh menyebabkan kemalangan contohnya lubang besar dan jalan yang tidak rata.
 - iii. Kerosakan lampu jalan dan lampu isyarat
 - iv. Kerosakan pada perabot-perabot jalan.

- c) Membuat senarai cadangan projek pembinaan jalan-jalan baru pada pembinaan jalan-jalan baru pada penghujung (bulan November – Disember) dengan bukti dan justifikasi kukuh bahawa permohonan tersebut demi kepentingan masyarakat setempat.

Pemilihan projek jalan kampung hendaklah memenuhi kriteria WAJIB iaitu jalan-jalan kampung di kawasan luar bandar dan yang terletak dalam kawasan luar bandar dan yang terletak dalam kawasan bandar, kawasan Pihak Berkuasa Tempatan tetapi terhad kepada di luar kawasan operasi PBT / kawasan yang dikenakan cukai harta PBT. Kawasan perumahan / penempatan yang diusahakan oleh Badan Berkanun dan swasta tidak layak dipertimbangkan Jalan Kampung.

Contoh-contoh projek yang tidak boleh disenaraikan adalah seperti berikut :-

- Jalan menuju ke sesebuah rumah
- Jalan ke Kebun individu
- Jalan-jalan yang menjadi laluan utama kenderaan berat seperti lori balak, lori kelapa sawit.

Namun semua perkara di atas masih tertakluk kepada syarat-syarat semasa Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) iaitu :-

- i) Projek dianggap kritikal dan memerlukan pelaksanaan segera
- ii) Kerja menampal sahaja dibenarkan untuk pembaikan jalan
- iii) Jalan ladang tidak boleh diturap
- iv) Status tanah projek mestilah tanah Kerajaan Negeri

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : SYABAS MAHU SAMAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR

118. Syabas bercadang mahu menyaman Kerajaan Negeri Selangor berhubung dengan urusan air di negeri tersebut.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah yang dituntut Syabas terhadap Negeri Selangor?
- b) Apakah yang dianggap tidak wajar oleh Negeri Selangor terhadap Syabas?
- c) Apakah jalan terbaik bagi Syabas dan Kerajaan Negeri Selangor bagi menyelesaikan permasalahan?

JAWAPAN :

- a) Di dalam Perjanjian Konsesi SYABAS, terdapat peruntukkan bahawa SYABAS boleh menuntut kenaikan tarif air setiap tiga tahun tertakluk kepada syarat bahawa SYABAS telah mematuhi semua kehendak di dalam Perjanjian Konsesi. Kenaikan tarif yang baru sepatutnya berkuat kuasa pada Januari 2009. Sebelum tarif baru dikuatkuasakan, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor perlu bersetuju kepada kenaikan tersebut. Sekiranya kenaikan tarif air tidak dipersetujui, maka Kerajaan Negeri Selangor perlu membayar pampasan kepada SYABAS mengikut formula yang telah ditetapkan di dalam Perjanjian Konsesi. Bagi kenaikan tarif untuk tahun 2009, Kerajaan Negeri Selangor tidak bersetuju dengan sebarang kenaikan tarif sebagaimana yang dipohon oleh SYABAS. Lanjutan dari tidak mendapat persetujuan Kerajaan Negeri Selangor, maka SYABAS bercadang untuk menyaman Kerajaan Negeri. Namun demikian, Kerajaan Negeri Selangor masih belum menerima sebarang writ saman dari SYABAS.

Semenjak SYABAS mengambil alih operasi Perbadanan Urus Air Selangor (PUAS) pada 01 Januari 2005, banyak perubahan yang telah dilakukan oleh SYABAS dalam memberikan khidmat yang lebih efisien kepada pengguna di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Dalam melaksanakan perkhidmatan tersebut, matlamat SYABAS sebagai sebuah entiti perniagaan adalah untuk mendapatkan keuntungan. Di dalam perjanjian SYABAS telah diperuntukkan jadual kenaikan tarif setiap tiga tahun. Kenaikan tarif ini membebankan pengguna. Di dalam membenarkan kenaikan tarif yang dituntut oleh SYABAS, SYABAS perlu mematuhi beberapa kehendak di dalam perjanjian konsesi.

Namun demikian, dalam Laporan Audit yang diterima oleh Kerajaan Negeri Selangor, terdapat beberapa perkara yang tidak dicapai oleh SYABAS seperti penurunan Kadar Air Tidak Berhasil (*Non Revenue Water*). Pada masa yang sama Kerajaan Negeri Selangor juga mendapat maklum bahawa Perbelanjaan Modal (*Capital Expenditure*) dan Perbelanjaan Operasi (*Operational Expenditure*) yang dibelanjakan oleh SYABAS adalah terlalu tinggi. Faktor ini mempengaruhi kenaikan tarif yang tinggi.

SYABAS wujud melalui penswastan Perbadanan Urus Air Selangor (PUAS). Sebagai sebuah syarikat swasta, keuntungan masih merupakan matlamat utama di dalam setiap perniagaan, termasuk bagi SYABAS. Manakala bagi Kerajaan Negeri Selangor, keuntungan bukanlah matlamat utama di dalam industri perkhidmatan air sebaliknya penetapan kadar tarif yang munasabah di samping menyediakan perkhidmatan pembekalan air yang efisien adalah menjadi matlamat utama. Dalam mencapai hasrat untuk Merakyatkan Ekonomi Selangor, kepentingan rakyat adalah merupakan keutamaan di dalam setiap perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Selangor termasuk di dalam perkhidmatan air.

Oleh sebab terdapat jurang perbezaan di dalam matlamat SYABAS dan Kerajaan Negeri Selangor di dalam memberikan perkhidmatan bekalan air, jalan terbaik untuk menyelesaikan masalah ini adalah dengan memuktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan air di Negeri Selangor. Melalui penstrukturan semula ini, operator perkhidmatan air yang baru dapat diwujudkan di mana operator air tersebut adalah terdiri dari syarikat yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Sebagai sebuah syarikat yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri, kawalan secara langsung dapat diberikan oleh Kerajaan Negeri. Ditambah pula dengan adanya pengawasan dan pengawalan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) pemantauan ke atas prestasi operator akan dapat dilaksanakan lebih teratur dan berkesan terutamanya ke atas aspek ekonomi, teknikal, sosial dan perlindungan pengguna. Ini dapat mengujudkan sistem tadbir urus yang lebih cekap dan telus di mana kepentingan rakyat akan diberi perhatian utama. Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor dapat direalisasikan di bawah struktur baru ini.

Struktur baru ini dapat mengujudkan perkhidmatan air yang mapan berpandukan kepada pendekatan yang holistik. Keadaan ini akan mendorong pengurusan perkhidmatan air menjadi berdaya maju serta pengurusan kitaran air yang lebih cekap bagi mengoptimumkan penggunaan sumber dan infrastruktur. Dengan ini, kualiti air yang baik dapat dikekalkan untuk diberikan kepada pengguna. Kos operasi dapat dikurangkan kerana operator yang dilantik di bawah penstrukturan semula ini tidak bermatlamatkan keuntungan sebaliknya pulangan yang telah ditetapkan kepada operator tersebut adalah antara 0% hingga 1% sahaja.

Di bawah struktur baru ini, operator akan beroperasi secara *asset light* di mana pembiayaan ke atas perbelanjaan modal (CAPEX) akan dibuat oleh Pengurusan Aset Air Berhad. Operator yang baru ini akan menumpukan perhatian sepenuhnya kepada peningkatan tahap keberkesanan dan kecekapan perkhidmatan. Ini akan dapat meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti dalam operasi perkhidmatan air.

Dengan pelaksanaan penstrukturan ini rakyat Negeri Selangor tidak lagi dibebankan dengan kenaikan tarif air yang melampau. Sebaliknya melalui syarikat yang dimiliki dan dikawal secara langsung oleh Kerajaan Negeri Selangor, segala sumber yang diperolehi akan digunakan untuk memastikan rakyat membayar kadar air yang rendah dan terus menikmati inisiatif pemberian 20m³ air percuma.

Namun demikian, di dalam melaksanakan penstrukturan semula industri perkhidmatan air negeri Selangor, ia menjurus kepada proses *deprivatisation* yang akan melibatkan bukan sahaja SYABAS malah kesemua Pemegang Konsesi Air di Selangor iaitu SPLASH, ABASS dan Puncak Niaga. *Deprivatisation* akan melibatkan penamatan perjanjian konsesi sedia ada. Perlembagaan Malaysia memperuntukkan bahawa tiada seorang pun boleh dilucutkan hartanya kecuali mengikut undang-undang dan tiada undang-undang yang boleh memperuntukkan pengambilan atau penggunaan harta dengan paksa tanpa pampasan yang memadai.

Oleh yang demikian, dalam melaksanakan pengambilalihan semula perkhidmatan bekalan air dari Pemegang Konsesi, Kerajaan Negeri adalah tertakluk kepada terma dan syarat perjanjian di mana sejumlah pampasan perlu untuk disediakan untuk dibayar kepada Pemegang Konsesi. Sekiranya Pemegang Konsesi tidak dibayar pampasan yang setimpal, perkara ini boleh mendedahkan Kerajaan Negeri kepada tindakan undang-undang dan pada masa yang sama Kerajaan Negeri boleh dianggap bertindak bertentangan dengan Perlembagaan Malaysia.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : PINJAMAN MICROKREDIT

119. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan mereka yang telah berjaya mendapat pinjaman mikro kredit daripada Kerajaan Selangor dan nyatakan jenis perniagaan mereka.
- b) Apakah jadual dan rancangan kerajaan untuk melancarkan program ini di kawasan-kawasan bandar?

JAWAPAN :

- a) Senarai mereka yang telah Berjaya mendapat pinjaman mikro kredit disertakan dalam lampiran.
- b) Skim Mikro Kredit Selangor yang dilaksanakan oleh Yayasan Dar Al Qard Al Hasan hanya dilaksanakan di kawasan luar Bandar. Kawasan Bandar dikendalikan oleh skim yang dilaksanakan di bawah portfolio YB Puan Rodziah Ismail.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA KAWASAN
(TERATAI)**

TAJUK: GLC

120. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Mengapakah ADN negeri Selangor tidak diberi peluang untuk dijadikan *non-executive director* GLC?
- b) Apakah criteria yang digunakan untuk memilih ahli politik menjadi *non-executive Director* dalam GLC?
- c) Sila senaraikan semua ahli politik dan parti politik yang terlibat dalam GLC.

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : PUSAT KESIHATAN

121. Peningkatan jumlah penduduk di kawasan Ampang telah menyebabkan ketidakselesaan pengguna Klinik Kesihatan sedia ada walau pun waktu operasi berterusan sehingga jam 10:00 malam. Di samping itu juga kemudahan atau jenis rawatan yang disediakan juga amat terhad.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Nyatakan statistik rawatan yang dijalankan serta bilangan pelanggan yang mengunjungi klinik Ampang tersebut sepanjang 2009.
- b) Apakah tindakan atau perancangan yang diambil oleh pihak Kementerian Kesihatan untuk memberikan perkhidmatan lebih baik terutama nya menangani masalah demam denggi dan batuk kering yang sedang berleluasa sekarang ini di Kawasan Ampang khususnya?

JAWAPAN :

- a) Bagi tahun 2009, jumlah kedatangan pelanggan ke Klinik Kesihatan Ampang adalah seramai 160,270 kedatangan. Statistik kedatangan atau beban kerja Klinik Kesihatan Ampang mengikut kategori perkhidmatan yang disediakan adalah seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah.

Statistik Kedatangan Pelanggan ke KK Ampang Mengikut Kategori Perkhidmatan/ Aktiviti yang diberikan bagi tahun 2009 dan bagi tempoh Jan – Sept 2010.

Bil	Aktiviti	Tahun 2009	Jan – Sept 2010
1	Kedatangan kanak-kanak 0-1 thn	18,418	15,866
2	Kedatangan kanak-kanak 1-4 thn	10,388	7,250
3	Kedatangan kanak-kanak 5-6 thn	817	987
4	Kedatangan ibu mengandung	22,022	17,298
5	Kedatangan Postnatal	1,727	1,830
6	Kedatangan Perancang Keluarga	1,239	1,331
7	Kedatangan Pap Smear	339	335
8	Kedatangan Pesakit Luar	92,602	86,761
9	Kedatangan Pesakit Diabetes	12,718	8,632
	JUMLAH KEDATANGAN	160,270	140,290

- b) Antara tindakan yang telah dan sedang dijalankan adalah:
- i) Meningkatkan kesedaran di kalangan komuniti dan institusi dengan:
 - Menjalankan minggu kesedaran TB pada April 2010
 - Menjalankan aktiviti promosi kesihatan kepada majikan dan pekerja asing
 - Memberi latihan kepada penjaga institusi jagaan dalam pengesanan awal, rawatan, DOT dan aktiviti kawalan dan pencegahan
 - Latihan kepada warden penjara
 - Menyediakan risalah-risalah TB, 'TB Alert Card', 'Bunting' TB
 - Mengedarkan bahan pendidikan kesihatan berkaitan TB ke sekolah dan tempat awam
 - ii) Meningkatkan saringan TB melalui beberapa aktiviti seperti:
 - Saringan pesakit luar bersimptomatik (batuk lebih 2 minggu)
 - Saringan pesakit bersimptom yang ada ko-morbiditi (diabetes, kegagalan buah pinggang, kanser, pesakit mengambil steroid dalam tempoh panjang dll)
 - Saringan TB pekerja warga Negara asing melalui FOMEMA
 - Saringan TB bagi semua banduan baru (100%)
 - Saringan TB (simptom atau kahak) semasa program kem-kem kesihatan di seluruh daerah
 - Memperkenalkan '*home-base-sputum collection*' bagi kontak bermasalah hadir ke klinik menjalani ujian saringan tetapi bersimptomatik
 - iii) Memperkukuhkan pengurusan kes dan kontak. Setiap kes batuk kering/ tuberkulosis/ TB yang disahkan wajib dinotifikasi ke Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat. Semua kes yang dinotifikasi akan disiasat oleh Pejabat Kesihatan Daerah bagi mengenal pasti punca jangkitan dan kontak terdekat kepada kes, termasuk kontak seisi rumah dan tempat kerja. Semua kontak akan diarahkan menjalani ujian saringan TB (menggunakan dokumen TBIS 10C1 – Notis Menjalani Ujian Saringan TB Bagi Kontak). Semua kes TB dirawat akan dimonitor sepenuhnya sehingga sembuh/ tamat rawatan menggunakan Sistem Maklumat TB Kebangsaan (TBIS) secara manual dan on-line (MyTB). Semua kes dan kontak yang cicir rawatan atau gagal hadir saringan akan dikesan semula apabila menerima dokumen TBIS 10D ('Defaulter').
 - iv) Desentralisasi program kawalan TB dengan membuka lebih banyak pusat rawatan yang mampu mendiagnosis, memulakan rawatan, membuat rawatan ulangan dan menamatkan rawatan (PR1). Klinik Dada Pediatrik telah dibuka sejak September di Hospital Ampang dan Klinik Kesihatan Semenyih telah pun memulakan aktiviti sejak Mac 2010. Sehingga Oktober terdapat 7 buah PR1: Klinik Dada Hospital Kajang, Klinik Dada Pediatrik Hospital Ampang, Klinik Kesihatan (KK) Ampang, KK Bangi, KK Kajang, KK Cheras Bt 9 dan KK Semenyih. Selain itu KK Beranang dan KK Cheras Bt 14 merupakan PR2 (boleh membuat diagnosis dan menyambung rawatan sahaja). Lawatan penyeliaan dan audit juga telah dijalankan ke hospital swasta yang menjalankan rawatan TB bersama

Unit TB negeri bagi menyelaraskan aktiviti dan memastikan standard rawatan dipatuhi.

- v) Memperkukuhkan aktiviti surveilan dan penyiasatan. Pengelola TB Daerah telah ditubuhkan dan distrukturkan semula bagi mengawal selia semua aktiviti di bawah Program Kawalan TB Kebangsaan. Bilangan anggota Pegawai Penyiasat telah ditambah daripada seorang kepada 3 orang pada Oktober 2010. Operasi bersepadu bagi menyiasat dan menjalankan pengesanan kontak telah disempurnakan dalam tempoh sebulan termasuk Sabtu dan Ahad antara 4 hingga 29hb September 2010. Ini dibantu oleh anggota dari Pejabat Kesihatan Daerah Sepang dan Pejabat Kesihatan KLIA. Impak aktiviti dipantau melalui sistem e-notis dan MyTB oleh Unit TB, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor.
- vi) Mobilisasi 'stakeholders' Mukim Ampang. Mengadakan lawatan, penyeliaan, mesyuarat dan perbincangan bersama 'stakeholders' Mukim Ampang bagi membincangkan isu, masalah dan kaedah penyelesaian terbaik dalam pengurusan Program Kawalan TB. Aktiviti telah dijalankan pada 14hb April 2010 (penyeliaan hospital dan klinik), 7hb Julai 2010 (perbincangan penyusunan semula program kawalan TB Mukim Ampang) dan 19hb Ogos 2010 (taklimat kepada Jabatan Pediatrik bagi membuka Klinik Dada Pediatrik Hospital Ampang).

Tindakan kawalan denggi

1. Pengendalian pesakit denggi yang lebih efektif dengan latihan teknikal berkala untuk pengamal perubatan di klinik & hospital kerajaan & swasta.
2. Mempertingkatkan mobilisasi masyarakat melalui aktiviti seperti gotong royong, Kempen '10 minit Seminggu' dan Combi (*'Communication for Behavioral Impact'*) untuk memastikan kebersihan rumah dan alam sekeliling untuk mencegah daripada tempat pembiakan nyamuk Aedes.
3. Mengaktifkan Mesyuarat Jawatankuasa Wabak Denggi Daerah supaya langkah pencegahan & kawalan denggi dapat diselaraskan di antara agensi-agensi kerajaan/ swasta dan pertubuhan bukan kerajaan ('NGO').
4. Penguatkuasaan undang-undang seperti kompaun minima RM 500 dan '*stop work order*' kalau pembiakan nyamuk Aedes dikesan dalam kawasan rumah atau tapak pembinaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : PELANCONGAN DI SELANGOR

122. Pelancongan menyumbang kepada ekonomi negeri dan Kerajaan Persekutuan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimanakah dengan prestasi pelancongan di Selangor dalam masa keadaan ekonomi Negara masih lembap?
- b) Adakah sebarang kerjasama antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri dalam bidang pelancongan?
- c) Senaraikan dari segi keutamaan 5 bidang pelancongan di Selangor?

JAWAPAN :

- a) Prestasi pelancongan di Selangor ketika ini menunjukkan peningkatan yang agak memberangsangkan. Peningkatan ini adalah hasil promosi berterusan yang dilakukan oleh negeri, iaitu Tourism Selangor bersama – sama dengan Kerajaan Negeri.

Berikut adalah perbandingan statistik kedatangan pelancong dari Januari – September 2009 dan Januari – September 2010 yang menunjukkan peningkatan sebanyak 2.39% :-

TAHUN	PELANCONG DOMESTIK	PELANCONG ASING	JUMLAH PELANCONG	JUMLAH PENDAPATAN (RM) JUTA
Jan – Sept 2009	2,472,448	1,816,945	4,289,393	3,008.5
Jan – Sept 2010	2,491,406	1,900,396	4,391,802	3,080.4

- b) Tourism Malaysia dan Tourism Selangor bekerjasama bagi mempromosikan Selangor sebagai destinasi pilihan pelancong di Malaysia. Tourism Malaysia juga memberi banyak peluang kepada Tourism Selangor menyertai promosi-promosi pelancongan diluar Negara di bawah pavilion Tourism Malaysia serta menyerap kos ruang dan hiasan pameran.

Selain itu, Tourism Malaysia memberi kerjasama dalam beberapa acara yang dijalankan oleh Tourism Selangor dengan menghantar penyertaan peserta dan mempromosikan pakej pelancongan yang telah disediakan oleh Tourism Selangor ketika ini.

Tourism Selangor Sdn Bhd juga kerap bekerjasama dengan Tourism Malaysia menyertai aktiviti pelancongan yang dianjurkan oleh kerajaan Persekutuan seperti lawatan rasmi Raja Perempuan Perlis ke Taman Kelip-kelip di Kuala Selangor pada 20 Oktober 2010 dan membawa beberapa kumpulan media luar Negara seperti Selangor Shine Fam Tour 2009 dan 2010 ke produk-produk di Selangor untuk dipromosikan. Buat masa ini Tourism Selangor sedang bekerjasama dengan Tourism Malaysia menyediakan pakej-pakej produk yang menjadi tarikan pelancong-pelancong tempatan dan luar Negara buat masa ini.

c) Selangor mempunyai begitu banyak produk dan destinasi pelancongan, Walaubagaimanapun 5 bidang pelancongan diberi keutamaan berdasarkan pasaran pelancong. Terdapat 10 tema pelancongan yang telah diberi perhatian oleh Tourism Selangor iaitu;

- 1) Pelancongan Agro
- 2) Pelancongan Eko
- 3) Homestay
- 4) Pelancongan Sukan
- 5) Pelancongan Perubatan
- 6) Pelancongan Pendidikan
- 7) MICE (*Meeting Incentive, Conference and Exhibition*)
- 8) Pelancongan Membeli-belah
- 9) Taman Tema
- 10) Pelancongan Warisan dan Kebudayaan

Walaupun bagaimanapun, Tourism Selangor telah mengkategorikan tema pelancongan mengikut keutamaan pasaran pelancong seperti;

Negara Arab

- i) Taman Tema
- ii) Pelancongan Eko
- iii) Pelancongan Membeli-belah
- iv) Pelancongan Pendidikan
- v) Pelancongan Agro

Negara Singapura

- i) Taman Tema
- ii) Pelancongan Eko
- iii) Homestay
- iv) Pelancongan Warisan dan Kebudayaan
- v) Pelancongan Perubatan

Negara Jepun

- i) Pelancongan Eko
- ii) Homestay
- iii) Pelancongan Warisan dan Kebudayaan
- iv) Pelancongan Agro
- v) Taman Tema

Walaupun Tourism Selangor memberikan keutamaan mengikut negara, namun tema-tema lain masih diberikan tumpuan dan dipromosikan untuk menarik pelancong ke Selangor.